

**Selasa**  
**2 September 2003**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

### **PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:**

Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)

Perutusan Daripada Dewan Negara (Halaman 1)

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN**

(Halaman 2)

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

(Halaman 17)

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia  
(Pindaan) 2003 (Halaman 18)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
“	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ kosong (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

- Yang Berhormat Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)

- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- Yang Berhormat Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- ” Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- ” Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- ” Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- ” Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato’ Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Dato’ Othman bin Abdul (Pendang)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)

- " Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- Yang Berhormat Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- " Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- " Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- " Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- " Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
- " Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- " Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- " Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- " Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- " Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- " Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- " Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- " Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- " Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- " Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- " Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- " Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- " Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- " Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- " Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- " Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- " Dato' Tiong Thai King (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)

- “ Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- Yang Berhormat Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Selasa, 2 September 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenalkan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Hiburan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2003;
2. Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003;
3. Akta Hak Cipta (Pindaan) 2003;
4. Akta Paten (Pindaan) 2003;
5. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003;
6. Akta Kebankrapan (Pindaan) 2003;
7. Akta Sistem Pembayaran 2003;
8. Akta Perlembagaan (Pindaan) 2003;
9. Akta Latihan Khidmat Negara 2003;
10. Akta Arkib Negara 2003;
11. Akta Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003;
12. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003;
13. Akta Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003; dan
14. Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen penggal yang lalu. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

**Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada  
Dewan Rakyat**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan.

1. DR.4/2003 - Rang Undang-undang Hiburan (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2003;
2. DR.11/2003 - Rang Undang-undang Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003;
3. DR.10/2003 - Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2003;
4. DR.12/2003 - Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2003;
5. DR.15/2003 - Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2003;
6. DR.13/2003 - Rang Undang-undang Kebankrapan (Pindaan) 2003;
7. DR.16/2003 - Rang Undang-undang Sistem Pembayaran 2003;
8. DR.14/2003 - Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2003;
9. DR.17/2003 - Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003;
10. DR.18/2003 - Rang Undang-undang Arkib Negara 2003;
11. DR. 19/2003 - Rang Undang-undang Istana Negara (Elaun-elaun Diraja) (Pindaan) 2003;
12. DR.21/2003 - Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003;
13. DR.20/2003 - Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003; dan
15. DR.27/2003 - Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah kerjasama ekonomi Asia Timur sebagai jawapan kepada globalisasi dan memecahkan benteng monopoli Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama ekonomi di antara negara-negara Asia terutama sekali ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea telah diperkukuhkan melalui rangka kerja ASEAN + 3 yang telah ditubuhkan pada tahun 1999. Kerjasama Ekonomi ASEAN + 3 memberi peluang yang baik bagi mencapai kata-kata sepakat antara ASEAN dan negara-negara China, Jepun dan Republik Korea ke arah menangani cabaran globalisasi. Ianya membantu dalam proses pemulihan ekonomi serantau berasaskan potensi aliran perdagangan dan pelaburan yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, malah Sidang Kemuncak Ke-6 ASEAN + 3 di Phnom Penh, Cambodia pada 4 November 2002 telah bersetuju menggerakkan lagi kerjasama tersebut dengan mengkaji kemungkinan mengadakan Sidang Kemuncak Asia Timur serta Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (East Asia Free Trade Area – EAFTA), dengan izin.

Langkah-langkah Malaysia mengadakan FTA sama ada melalui ASEAN atau secara dua hala dengan rakan-rakan dagang seperti China, Jepun dan India akan memastikan kepentingan ekonomi negara dipertingkatkan. FTA dan lain-lain bentuk kerjasama dengan negara-negara Asia Timur merupakan satu langkah Malaysia mendapat manfaat daripada proses globalisasi. Ini selain daripada usaha meningkatkan daya saing sektor swasta bukan sahaja di pasaran domestik tetapi lebih penting di pasaran global. Terima kasih.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun menjelaskan persoalan yang saya bangkitkan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, 10 tahun yang dahulu, kerajaan telah pun mengemukakan formula yang dipanggil EAEG atau East Asia Economic Group tetapi nampaknya mendapat tentangan daripada negara-negara Barat terutama Amerika kerana mereka ada NAFTA dan kemudian mereka ada EU. Jadi, dalam cabaran dunia globalisasi ini dan dengan AFTA akan hampir ini, jadi bagaimanakah strategi kerajaan terutama pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menentukan bahawa AFTA ini akan mencapai matlamat menjadikan rantau ini sebagai dengan izin, *the new growth center* daripada segi perdagangan komersial..

**Dato' Seri Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, kerjasama ekonomi serantau yang paling berjaya di dunia ada tiga. Yang pertama NAFTA di Amerika Syarikat, EU di Eropah dan AFTA di ASEAN. 10 tahun dahulu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merumuskan untuk menubuhkan EAEG tetapi tidak mendapat sokongan penuh daripada Jepun dan mendapat tentangan daripada United States of Amerika atau USA.

Namun 10 tahun kemudian, dengan AFTA sempurna dilaksanakan dan wujudnya EU dan AFTA yang menjaga kepentingan masing-masing, sampailah masanya ASEAN dan Asia atau AFTA dikembangkan untuk merangkumi negara-negara Asia yang kuat seperti Jepun, India, China, Korea dan sebagainya supaya kepentingan Malaysia dan negara-negara Asia dapat dipelihara atau dilindungi daripada pengaruh-pengaruh luar yang pernah mencabar kestabilan dan kemakmuran negara kita dan negara-negara Asia seperti yang berlaku dalam tahun 80-an dan 90-an pada abad yang lalu.

Jadi, strategi-strategi negara kita ialah kita hendak mengadakan Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara ASEAN + 3 dan di kemuncak mesyuarat itu, telah bersetuju supaya kerjasama Asia Timur tidak seharusnya terhad kepada bidang ekonomi sahaja. Ia juga perlu merangkumi bidang-bidang politik dan keselamatan. Ini bagi menjamin kemajuan Asia Timur sebagai rantau yang stabil, aman dan selamat. Negara kita mengambil pendekatan yang komprehensif dalam hubungan dengan negara-negara rakan perdagangan. Kerjasama dengan ekonomi Asia Timur merupakan satu langkah di mana Malaysia dapat memelihara dan memajukan kepentingannya. Itulah sahaja.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan daripada Timbalan Menteri. Mengenai dengan hubungan ASEAN dengan tiga negara maju di Asia iaitu Jepun, China dan Korea, kita lihat tidak begitu *progress* ataupun pertumbuhan tidak begitu cepat seperti yang diharapkan. Ia begitu perlahan. Kalau kita lihat pertumbuhan China pada hari ini, sekitar 7 hingga 10 peratus setahun dan tenaga buruh serta kepakaran rakyat China begitu cepat mengambil teknologi dan pasaran tempatan yang begitu tinggi. Saya yakin, ekonomi China akan mendahului Amerika sedikit masa lagi. Apakah keyakinan ataupun *level of confidence* di antara negara ASEAN terhadap tuju hala negara China dan rantau ini, dan mengapakah begitu lambat proses persetujuan ataupun persepakatan dalam membentuk ekonomi rantau ini, atau apakah halangan-halangan yang ada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Banyak itu Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:**.....yang menghambat proses ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Seri Kerk Choo Ting:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ASEAN + 3 merangkumi tiga negara yang lain iaitu China, Jepun dan juga Korea. Antara tiga negara ini, Korea belum mula perbincangan. Jepun telah kita tandatangani satu *joint declaration* iaitu deklarasi bersama dengan Jepun, kita senaraikan benda-benda atau perkara-perkara yang kita akan bincangkan dalam *framework agreement* yang akan datang. China pula, satu negara yang paling awal menandatangani persetujuan *framework agreement* pada tahun yang lalu. Jadi, bukan sahaja begitu, kita ada *early harvest program* dengan izin, dan juga banyak perbincangan telah dimulakan dan dijalankan sejak *framework agreement* ditandatangani di Cambodia pada tahun yang lalu. Jadi, China, Malaysia dan ASEAN merupakan negara yang paling cepat mengadakan kata-kata sepakat dengan ASEAN. Terima kasih.

2. **Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah kejayaan tercapai dalam usaha kerajaan untuk menerapkan semula bekas banduan ke dalam masyarakat.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, proses penerapan semula bekas banduan ke dalam masyarakat bermula sebaik sahaja banduan menjalani hukuman di dalam penjara. Pelbagai usaha telah dan akan dilakukan untuk memudahkan penerapan semula banduan-banduan ke dalam masyarakat. Semasa di dalam penjara, banduan-banduan akan mengikuti program kemahiran di bengkel-bengkel seperti bengkel membuat perabot, bengkel kimpalan, bengkel kraf tangan dan bengkel jahitan. Program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan kemahiran kepada banduan-banduan sebagai persediaan untuk menjalani kehidupan apabila dibebaskan kelak.

Satu lagi program yang dilaksanakan ialah Program Pemulihan Banduan melalui Pelan Pembangunan Insan. Pelan Pembangunan Insan ini merupakan satu program yang melibatkan pembentukan disiplin kerohanian, pengukuhan sahsiah, kemahiran dan persiapan untuk pembebasan banduan-banduan. Program ini juga menyediakan skim latihan dan pekerjaan di luar negara kepada banduan-banduan. Pada ketika ini, terdapat sejumlah 16 buah kilang di dalam penjara dan 4 buah kilang di luar penjara yang telah menyediakan peluang latihan serta pekerjaan untuk banduan. Kilang-kilang tersebut juga sanggup menerima banduan yang mahir serta terus bekerja setelah mereka dibebaskan.

Di samping itu, banduan juga terlibat dengan Program Keinsafan, Mesej Dari Penjara. Dalam program ini, banduan yang terpilih akan memberi ceramah kesedaran kepada kanak-kanak sekolah dan berdasarkan maklumat yang diterima dari pihak sekolah, ianya memberi kesan baik serta mendapat sambutan yang menggalakkan seterusnya banduan-banduan juga terlibat dalam projek khidmat bakti yang dilaksanakan di luar penjara yang berunsurkan kebajikan untuk orang awam. Program di atas bertujuan untuk memberi peluang kepada banduan yang mengalami proses sosialisasi dan membiasakan diri bergaul dengan masyarakat sebelum mereka dibebaskan.

Dalam jabatan penjara juga telah memulakan penubuhan rumah perantaraan dengan izin, *halfway house* untuk *juvana*. Usaha-usaha penerapan semula bekas banduan yang telah dibebaskan di dalam masyarakat telah juga mendapat bantuan daripada Kelab Sahabat Penjara dan badan-badan NGO seperti Persatuan Membantu Bekas Banduan. Proses usaha dan hasil penerapan yang cuba dilakukan amat bergantung kepada penerimaan masyarakat dan bekas banduan sendiri. Jadi pada keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Penjara adalah menggalakkan dan mencapai hasrat yang diharapkan.

Sungguhpun demikian, komitmen daripada masyarakat amatlah diperlukan bagi menerima semula bekas-bekas banduan ke pangkuan masyarakat. Jabatan penjara akan terus mencari pendekatan-pendekatan baru bagi mengadakan usaha-usaha ke arah ini.

**Tuan Chang See Ten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Dato' Seri menyatakan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk membanteras masalah stigma dan diskriminasi terhadap bekas banduan penjara supaya mereka tidak akan terjerumus atau menjalankan jenayah sekali lagi supaya mereka tidak berulang dalam penjenayahan, saya harap dapat maklumat atau penyelesaian daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Jawapan yang diberikan tadi itu adalah mempunyai tujuan seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, tentang apa yang kita sedang usahakan dan kita juga mendapat kerjasama daripada badan-badan NGO seperti yang saya sebutkan dan juga dengan kumpulan-kumpulan masyarakat. Jadi itu yang kita laksanakan pada waktu ini dan setakat yang kita tahu daripada maklumat yang ada sebagaimana yang saya katakan tadi, nampaknya komitmen daripada masyarakat ini amat diperlukan bagi menerima semua bekas-bekas banduan ke pangkuan masyarakat dan pada waktu ini kita dapati daripada program yang kita laksanakan itu ada kejayaan-kejayaan yang memuaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah nama bekas banduan termasuk orang-orang yang dikenakan buang negeri atau dikenakan tempat tinggal terhad dan dalam pengetahuan saya, pernah seorang yang kena ditahan di Sungai Renggam warna kad pengenalan beliau adalah coklat. Tetapi selama beberapa tahun beliau meminta supaya kad pengenalan beliau ditukar kepada kad biasa iaitu kad pengenalan biru tidak dihiraukan oleh Kementerian Dalam Negeri. Jadi, dalam usaha untuk membantu bekas-bekas banduan ini, saya rasa orang-orang yang kena buang negeri, kena tempat tinggal terhad ini pun perlu diambil kira. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini masih dalam pengawasan tetapi berkaitan kes yang cukup spesifik saya tidak ada maklumat untuk diberikan sekarang tetapi kalau Yang Berhormat masih berminat untuk mendapat maklumat, saya sedia memberikan maklumat yang bertulis kepada Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembedulan soalan - peruntukan per kapita. Soalan saya nombor 3.

3. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) semenjak tahun 1999 sebelum ia diberhentikan dan apakah kesannya terhadap institusi tersebut dan masyarakat sehingga kini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM26,291,180 bagi tahun 1999; sebanyak RM27,743,450 tahun 2000; RM31,646,782 bagi tahun 2002 kepada Sekolah Agama Rakyat sejak tahun 1999 ia diberhentikan. Kementerian Pendidikan mendapati bahawa penarikan balik bantuan ini telah menggalakkan murid-murid Sekolah Agama Rakyat memasuki sekolah-sekolah kerajaan. Begitu juga dengan guru-guru Sekolah Agama Rakyat. Ini menggambarkan masyarakat menerima baik dan memahami hasrat sebenar kerajaan memberhentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat melalui penjelasan dari semasa ke semasa oleh pihak kerajaan berhubung dengan masalah ini.

**Drs. Haji Abu Bakar bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penjelasan yang diberikan oleh Setiausaha Parlimen. Masalah jenayah juvana, vandalisme dan sebagainya adalah berpunca daripada generasi muda kita kurang mendapat didikan rohani yang cukup. Sekolah Agama Rakyat sudah sekian lama memainkan peranan mendidik muda belia kita menjadi anggota masyarakat yang berguna dan memahami tujuan hidup dan kehidupan di muka bumi ini. Soalan tambahan saya, sampai bilakah bantuan per kapita ini

akan disekat atau akan diberikan semula tidak lama lagi sama seperti sekolah-sekolah jenis kebangsaan lain? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali Yang Berhormat telah membangkitkan bahawa mengenai dengan pemberhentian wang per kapita bagi Sekolah Agama Rakyat telah menyebabkan banyak masalah. Saya sanggup menyangkal tuduhan Yang Berhormat tadi, sebabnya kita tahu bermacam-macam masalah mengenai dengan kes-kes juvana termasuklah macam saya katakan tadi, masalah nilai-nilai tadi yang telah diputar-belitkan oleh pihak PAS pun boleh jadi juga satu daripada masalah.

Tentang soal agama kadangkala kita tidak tahu apakah nilai-nilai yang baik di dalam agama dan di sini sebenarnya pihak PAS mengambil peranan untuk membetulkan soal nilai yang baik bagi apa yang dikatakan dalam Islam tetapi pihak PAS tidak menggunakan saluran itu dengan betul malah kadangkala kita lihat soal-soal pendidikan juga dipolitikkan habis-habisan termasuklah .....[Sorak]

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ewah!

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Ini soal PAS, misalnya macam maki hamun, macam tidak ada apa benda lagi dah! Maki hamun antara Islam dengan Islam pun sudah dihalalkan termasuk baru-baru ini dengan kes liwat dimasukkan juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, jawab soalan yang akhir, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Jadi kita pun tidak faham dengan PAS...

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Sepatutnya betulkan pendiriannya terlebih dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, jawab soalan yang akhir, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Jadi saya ingin sambungkan sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan sampai bilakah ia akan disekat. Saya ingin merujuk kembali kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai isu Sekolah Agama Rakyat ini pada 17 Mac untuk rujukan Yang Berhormat Jerlun, 17 Mac 2003.

Antara lain, kita tidak pernah mengabaikan pendidikan Islam. Kita telah pun berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan Sekolah Agama Rakyat sebagai sekolah bantuan kerajaan tetapi kita gagal, akhirnya kita telah menyalurkan wang sebegitu banyak tetapi keputusannya amat kecil, terlalu kecil. Oleh yang demikian, kita sebutkan tadi kita terpaksa memberhentikan wang itu dan kita minta supaya daripada Sekolah Agama Rakyat tadi, memasuki sekolah kebangsaan yang segala macam kemudahannya yang cukup baik.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya ingin tegaskan di sini, kita kerajaan tidak pernah mengabaikan pendidikan Islam malah kalau Yang Berhormat melihat dari segi soal pendidikan Islam kita telah tingkatkan lagi. Keduanya, kita telah pun menyediakan peruntukan yang begitu besar bagi kelas-kelas KAFA. Terima kasih.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebut segala kemudahan prasarana telah siap, contohnya Makmal Komputer yang belum sempurna dilaksanakan, komputer yang *supply*nya masih banyak sekolah tak dapat, pergaduhan yang berlaku di sekolah-sekolah sekarang ini, termasuk sekolah-sekolah berasrama penuh, sekolah-sekolah elit, termasuk MCKK, sekolah sains, sekolah teknik dan sebagainya. Yang kita prihatin sangat dalam hal yang berkaitan dengan pendidikan Yang Berhormat, adalah sekolah-sekolah agama rakyat ini, *specialization*nya, pengkhususan pengajian-pengajian Islamnya merangkumi subjek-subjek, mata pelajaran-mata pelajaran yang banyak, yang luas mencakupi segala bidang pengajian Islam. Bila dia masuk dalam sekolah kebangsaan, sekolah aliran-aliran seperti mana yang disarankan, subjek-subjek pengkhususan ini semakin berkurangan.

Jadi, kita bimbang, kita akan sampai kepada satu peringkat nanti di mana pengkhususan dalam bidang pengajian Islam tidak lagi sampai kepada *standard* yang sepatutnya, contohnya kalaulah kita dapat maklumat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Kita ingin dapatkan pengesahan dalam program terbaru subjek-subjek pengajian Islam ini, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:**.....saya ingin mendapat pengesahan, betulkah ada ura-ura untuk menghapuskan tiga unsur utama dalam subjek pendidikan Islam yakni hendak dihapuskan kajian tentang al-Israk Wal Mikraj yang kononnya tak masuk akal, hendak dihapuskan pengajian jihad .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Nasharudin bin Mat Isa:** Dan hendak dihapuskan hal-hal yang berkaitan dengan korban Nabi Ibrahim dengan Nabi Ismail. Ini kita dapat maklumat dan ingin mendapat pengesahan daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Tak payah jawab panjang Yang Berhormat, tidak berapa berkaitan itu. Jawab pendek-pendek sahaja.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Cuma yang saya fikirkan satu soalan Yang Berhormat telah lari jauh daripada apa yang sepatutnya kita hendak bincang hari ini mengenai SAR. Tetapi ingin saya betulkan juga mengenai dengan subjek-subjek Yang Berhormat telah membuat tuduhan yang melulu bahawa kita hendak memperkecilkan kursus pengajian Islam

Saya beri jaminan di sini, kita tidak memperkecilkan kalau mana-mana pihak hendak mengkhusus pengajian Islam, malah hari ini kita telah tambah lagi Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), begitu juga dengan beberapa fakulti Islam juga kita telah pertahankan. *[Tepuk]* Jadi Yang Berhormat janganlah buat tuduhan yang melulu, berilah *fact* yang betul. Terima kasih.

4. **Dato' Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kakitangan kerajaan yang terlibat dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) dan jabatan-jabatan terlibat. Mengapa kementerian mengambil masa yang agak lama untuk mengesan kegiatan PKPM.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan 24 soalan yang lain iaitu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batu Pahat bertarikh 3 September 2003, Yang Berhormat dari Kuala Pilah bertarikh 4 September 2003, Yang Berhormat dari Tampin bertarikh 10 September 2003, Yang Berhormat dari Dungun bertarikh 15 September 2003, Yang Berhormat dari Alor Gajah bertarikh 17 September 2003, Yang Berhormat dari Kepong bertarikh 18 September 2003, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bertarikh 22 September 2003, Yang Berhormat dari Lanang bertarikh 23 September 2003, Yang Berhormat dari Batang Sadong bertarikh 24 September 2003, Yang Berhormat dari Setiu dan Yang Berhormat dari Lipis bertarikh 25 September 2003, Yang Berhormat dari Lumut dan Yang Berhormat dari Penampang bertarikh 2 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Marang dan Yang Berhormat dari Tebrau bertarikh 6 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Parit bertarikh 13 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Batang Lupar bertarikh 21 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Pasir Mas bertarikh 22 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Machang dan Yang Berhormat dari Sungai Benut bertarikh 27 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Kinabatangan bertarikh 29 Oktober 2003, Yang Berhormat dari Pulau dan Kuala Nerus bertarikh 3 November 2003 dan Yang Berhormat

dari Parit Buntar bertarikh 4 November 2003. Kesemua soalan tersebut adalah berhubung dengan perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, saya telah meneliti kesemua soalan yang dikemukakan didapati bahawa pertanyaan-pertanyaan adalah menyentuh perkara-perkara seperti jumlah ahli Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM), jumlah kakitangan kerajaan yang terlibat dalam PKPM, tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap ahli-ahli PKPM, motif penubuhan PKPM dan sejauh manakah ia mengancam keselamatan negara. Terdapat juga soalan mengenai kelewatan pihak berkuasa mengesan dan mengambil tindakan awal terhadap pergerakan PKPM sehingga mereka dapat merekrut ahli-ahli.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian telah maklum mengenai kewujudan PKPM ini dan sedang memantau kakitangannya. Namun kegiatan dan kewujudan PKPM menjadi pengetahuan umum apabila satu laporan polis dibuat pada 23 Julai 2003 di Balai Polis Cheras mengenai berlakunya kegiatan oleh tiga orang anggota PKPM yang merekrut ahli-ahli serta mengenakan bayaran bagi mendapat pangkat, umpamanya Leftenan Muda sebanyak RM8,000, Leftenan RM16,000 dan Kapten RM26,000.

Ekoran daripada laporan tersebut, pada hari yang sama serbuan telah dibuat dan pihak polis telah berjaya memberkas tiga orang lelaki Cina. Barang-barang yang telah dirampas termasuklah kad kuasa, surat aku janji, kepala surat berlogo Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan wang tunai. Seterusnya pada 24 Julai 2003, pihak polis telah berjaya memberkas *suspect* utama Nor Azami bin Haji Ahmad Ghazali berserta 16 orang lain yang merupakan pemimpin-pemimpin PKPM.

Berikutan daripada tangkapan yang dibuat, pihak polis telah melancarkan "Operasi Impian" secara besar-besaran untuk menjejak dan memberkas ahli-ahli PKPM. Operasi tersebut telah berjaya dengan tertangkapnya 110 orang ahli manakala seramai 3,075 orang telah menyerah diri selepas diminta berbuat demikian. Bilangan yang ditahan dan serah diri mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Ditangkap</b>	<b>Serah Diri</b>
Perlis	3	64
Kedah	6	54
Pulau Pinang	4	80
Perak	17	121
Selangor	10	246
Kuala Lumpur	49	1,687
Negeri Sembilan	6	144
Melaka	3	106
Johor	6	154
Pahang	2	97
Terengganu	2	7
Kelantan	2	132
Sabah	-	1
Sarawak	-	182

**Jumlah: 110 3,075**

**JUMLAH BESAR****3,185**

Daripada jumlah tersebut seramai 37 orang merupakan pemimpin-pemimpin PKPM iaitu 14 orang di peringkat pusat dan 23 orang di peringkat negeri termasuk yang menjadi pemegang amanah (Board of Trustee) tindakan-tindakan atas ahli-ahli yang ditahan dan menyerah diri.

Pada 7 Ogos 2003, tiga orang iaitu Nor Azami bin Haji Ahmad Ghazali, Abdul Rahman bin Baba dan Tengku Hamid bin Tengku Ismail telah didakwa di mahkamah atas pertuduhan di bawah Seksyen 417 (Kesalahan Menipu) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 120B(1) Kanun Keseksaan.

Abdul Rahman bin Baba dan Tengku Hamid bin Tengku Ismail menghadapi satu lagi pertuduhan memalsukan dokumen di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan. Ketiga-tiga saspak tidak mengaku bersalah dan mereka telah diberi ikat jamin mahkamah. Bagi mereka yang telah menyerah diri secara sukarela, telah diambil kenyataan masing-masing dan dibebaskan dengan amaran. Daripada kenyataan-kenyataan yang diambil, keseluruhannya menyatakan bahawa mereka telah ditipu dan dipengaruhi oleh pemimpin-pemimpin PKPM.

Daripada jumlah yang ditahan dan menyerah diri, seramai 126 orang merupakan kakitangan awam. Pecahan mengikut jawatan dalam perkhidmatan awam adalah seperti berikut:-

<b>Profesion</b>	<b>Jumlah</b>
Pegawai kementerian	1
Guru	50
Tentera	7
Pensyarah	4
Jururawat	2
Pemandu	2
Kerani	34
Juruteknik	2
Pengatur cara komputer	1
Jabatan Perhilitan	8
Mandur	4
Pembantu Am Rendah	4
Penjaga Stor	1
Pegawai Penguat kuasa Majlis	6
	----
<b>JUMLAH</b>	<b>126</b>
	===

Selain kakitangan awam, terdapat seramai 166 pesara tentera dan lima orang bekas polis yang terlibat sebagai ahli PKPM. Selebihnya ialah orang perseorangan dan para peniaga. Tiada bukti-bukti yang menunjukkan ahli-ahli UMNO ataupun Menteri Kabinet terlibat dalam PKPM.

Selain daripada Abdul Rahman bin Baba, kakitangan awam lain hanya terlibat sebagai ahli biasa sahaja tanpa menyedari bahawa mereka telah melakukan kesalahan. Oleh yang demikian, tidaklah perlu nama mereka diumumkan di Dewan yang mulia ini. Namun begitu, sekiranya penyiasatan lanjut mendapati bahawa ada di kalangan mereka

menjadi dalang pertubuhan ini, maka tindakan undang-undang atas tindakan atau tindakan tata tertib di bawah Peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 akan diambil.

Motif Penubuhan PKPM - Berdasarkan siasatan polis, pertubuhan ini ingin mewujudkan pasukan, dengan izin, *Vigilante Corps* Khas beruniform di kalangan warga negara Malaysia. Ia seolah-olah ingin menyumbang khidmat semasa berlaku bencana dan pada bila-bila masa yang diperlukan. Namun begitu, realitinya pertubuhan ini mengaut keuntungan daripada orang ramai dengan mendapat sumbangan derma dan penjualan pangkat.

Kelewatan mengambil tindakan – Banyak pertanyaan yang menyentuh mengenai mengapa pihak berkuasa lewat untuk mengesan pergerakan PKPM ini. Sebenarnya pergerakan PKPM bermula hanya selepas penubuhannya iaitu didaftarkan sebagai sebuah syarikat yang bernama PKPM Services Sdn. Bhd. pada 8 Mei 2003. Pihak polis sememangnya telah menjalankan intipan mengenai aktiviti dan pergerakan pemimpin PKPM sejak mereka bergiat dalam pertubuhan lain iaitu Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM). Semasa itu pihak polis tidak boleh terus mengambil tindakan memandangkan mereka masih lagi tidak melanggar apa-apa kesalahan di bawah undang-undang. PTCM adalah sebuah badan khidmat sosial yang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 2 Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 melalui perakuan pendaftaran bertarikh 21 Ogos 1998 atas nama Lembaga Amanah Pasukan Tindakan Cemas Malaysia Berdaftar LAPTCMB.

Bagaimanapun setelah pemecatan Nor Azami bin Hj. Ahmad Ghazali daripada PTCM pada 2 Julai 2002 dan Abdul Rahman Baba pada September 2002, pihak berkuasa mula menyoal dengan lebih mendalam mengenai kegiatan mereka yang terlibat kerana terdapat penyelewengan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara dan didapati juga mereka menjalankan kegiatan atas nama PTCM.

Pada 21 Jun 2003, satu upacara angkat sumpah (aku janji) telah diadakan di bawah PTCM dan mereka mula membuat strategi-strategi baru di bawah naungan PKPM. Keadaan bertambah serius apabila pada 19 Julai 2003, satu upacara angkat sumpah (aku janji) ahli-ahli PKPM telah berlangsung di Kuala Lumpur. Acara ini telah dihadiri kira-kira 500 orang ahli di mana pegawai-pegawai teringginya didapati memakai pakaian seragam biru seperti polis dan pangkatnya pula menyerupai angkatan tentera. Oleh yang demikian, adalah tidak tepat untuk mengatakan pihak polis gagal mengesan kegiatan PKPM sejak awal penubuhannya. Tanpa risikan dan siasatan yang rapi, tidak mungkin kita dapat mengesan kegiatan PKPM di peringkat awal serta berjaya mematahkannya.

Berhubung dengan soal mengapa pihak polis tidak mengambil tindakan ke atas laporan-laporan polis yang dibuat oleh Ketua Turus PTCM, setelah disemak ia adalah laporan mengenai penyelewengan dalam PTCM dan bukan mengenai PKPM.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini persoalan sama ada PKPM mengancam keselamatan negara atau sebaliknya tidak timbul lagi kerana polis telah berjaya membanteras pasukan berkenaan dan pemimpin-pemimpinnya sedang menghadapi tindakan mahkamah. Orang awam juga telah diberi kesedaran melalui publisiti yang meluas di media massa dan media elektronik supaya tidak menyertai mana-mana pertubuhan tanpa pengetahuan latar belakang pertubuhan tersebut. Adalah tidak perlu kertas putih dibuat memandangkan isu ini telah dapat diselesaikan dan tidak melibatkan apa-apa kepincangan dan kegagalan kerajaan dalam menangani masalah ini.

Kementerian Dalam Negeri juga sedang dalam tindakan untuk memperketat peraturan penggunaan pakaian dan pangkat yang menyerupai anggota-anggota keselamatan bagi mengelakkan kekeliruan dipihak orang ramai serta membanteras kegiatan-kegiatan individu yang tidak bertanggungjawab seperti pemimpin-pemimpin PKPM. Di samping itu, peraturan-peraturan dan syarat-syarat kelulusan permohonan penubuhan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau badan sukarela akan disemak dan diperhalusi semula untuk mengelakkan daripada berlakunya kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara serta mengancam keselamatan negara.

Sebagai kesimpulan, pihak polis telah berjaya bertindak dengan pantas dan cekap bagi membanteras kegiatan dan ancaman oleh PKPM. Seterusnya saya ingin memberi

amaran kepada mana-mana pihak supaya tidak melibatkan diri dalam badan-badan serta organisasi yang menjalankan kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti yang mencurigakan serta bertentangan dengan undang-undang negara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang telah memberikan jawapan panjang lebar dan juga jawapan yang betul-betul memberikan kefahaman kepada kita tentang tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh pihak pasukan keselamatan kita khasnya polis. Saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada pihak polis yang begitu cekap mengambil tindakan-tindakan untuk mencegah daripada terus merebak.

Soal penipuan dan penyamaran yang memperdayakan orang ramai memang sering berlaku. Jadi dalam hubungan ini, apakah - ini soal termasuk PAS yang menipu orang sahaja. Dalam soal ini, apakah ada rancangan untuk membendung perlakuan ini jangan berulang pada masa-masa akan datang? Apakah ada rancangan untuk meminda hukuman? Saya dengar hukuman kepada mereka yang melakukan penyelewengan seperti ini tidak berapa berat, jadi tidak ada rasa ketakutan sangat. Apakah agaknya dalam hukuman ini seperti sebat, penjara, denda, bagaimana agaknya Yang Amat Berhormat kalau ada cadangan untuk meminda supaya hukuman diberatkan lagi agar dapat membendung perkara ini daripada berulang atau berlaku lagi di masa-masa akan datang? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Kita belum membuat sebarang cadangan untuk membuat apa-apa pindaan kepada undang-undang yang berkenaan. Jika di masa-masa hadapan keadaan memerlukan, mungkin perkara ini dipertimbangkan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri yang telah menjelaskan tentang isu PKPM. Cuma ada satu yang saya ingin meminta penjelasan berkaitan dengan kenyataan awal yang dikeluarkan oleh pihak media dan juga *response* daripada Perdana Menteri sendiri – Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - mengatakan bahawa ini kerja gila hendak guling kerajaan secara yang tidak demokratik kerana Yang Amat Berhormat menganggap bahawa PKPM ini juga terlibat untuk menggulingkan kerajaan sebab Nor Azami mendakwa bahawa beliau ialah Perdana Menteri selepas Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi [*Ketawa*]. Maknanya, bukan Menteri Pertahanan atau Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna... [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi dia mendakwa tiba-tiba selepas itu, Yang Amat Berhormat juga menjelaskan bahawa kegiatan mereka ini tidak mengancam keselamatan sedangkan menggulingkan kerajaan secara yang tidak demokratik, bagi saya, mengancam keselamatan.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, saya tidak bersetuju untuk mengenakan tindakan ISA terhadap mereka, tetapi soalnya ialah dakwaan Yang Amat Berhormat mengatakan bahawa kegiatan mereka tidak mengancam keselamatan sedangkan Perdana Menteri mengatakan bahawa kerja gila untuk guling kerajaan secara tidak demokratik. Ini yang saya rasa bahawa ada keraguan di kalangan masyarakat dan rakyat seolah-olah bahawa ada sesuatu yang hendak disembunyikan, apatah lagi Yang Amat Berhormat menyebut tadi bahawa tidak ada penglibatan ahli-ahli UMNO, sedangkan ada seorang yang saya difahamkan iaitu Exco Pemuda UMNO Selangor ditahan oleh pihak polis selepas kembalinya daripada Indonesia. Kalau tidak silap saya, beliau juga disahkan turut terlibat. Sama ada beliau ditipu ataupun tidak, itu satu persoalan yang lain, tetapi soal penglibatan dan keterlibatannya itu ternyata jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalnya Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Soalnya juga yang saya hendak jelaskan di sini ialah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan jelas.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Bukan, hendak minta penjelasan.

....ialah soal tindakan polis mengesan Nor Azami ini juga saya rasa agak terlewat sedangkan sepatutnya Nor Azami ini kalau dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi tidak terlibat, ada ahli-ahli UMNO dan sebagainya, tadi saya sudah jelaskan. Akan tetapi, dalam satu laporan atau Majalah Matra yang dikeluarkan oleh Persatuan Bekas-bekas Polis [*Menunjukkan majalah tersebut*]. .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Persatuan Bekas Polis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Nor Azami ada buat iklan dalam majalah ini [*Menunjukkan sebuah majalah*] Penaung Persatuan Bekas Polis ini ialah Menteri Dalam Negeri [*Ketawa*]. Presiden Persatuan Bekas Polis ialah Senator daripada UMNO. Beliau membuat iklan dalam majalah ini iaitu iklan tentang perniagaannya ada 43 buah syarikat.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** 43 buah syarikat. Macam-macamlah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Persoalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ..... dia mempunyai pengarah-pengarah urusan. Jadi, saya kata macam kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ucapan terlalu panjang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Pihak Polis dan Kementerian Dalam Negeri tidak dapat mengesan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat!.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:**.....daripada awal tentang keterlibatan UMNO.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, persoalan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ..... yang saya percaya ada kaitan dengan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, persoalan Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ..... UMNO dan ..... UMNO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat awal, kita belum mendapat sebarang bukti pada peringkat awal yang persatuan ini membuat sesuatu perkara yang dianggap sebagai bertentangan dengan undang-undang. Tetapi sebaik sahaja laporan telah diterima maka pada hari laporan sebagai yang telah saya sebutkan tadi iaitu pada hari laporan itu diterima, maka tindakan terus diambil terhadap mereka.

Di samping itu juga pada waktu ini siasatan masih lagi berjalan dan saya katalah yang kita berikan ini setakat yang ada pada waktu ini dan mungkin akan ada lagi maklumat-maklumat tambahan pada masa-masa akan datang kerana kita terus memantau, mungkin nanti akan timbul lagi maklumat-maklumat baru ataupun kumpulan-kumpulan yang ada hubungan dengan PKPM ini yang kita terus mesti mengambil tindakan menyasiat dan apa-apa tindakan yang perlu diambil adalah hasil selepas siasatan dibuat.

Yang saya buat laporan pada hari ini ialah hasil siasatan-siasatan yang telah dijalankan semenjak mulanya kenyataan ataupun makluman perkara ini diketahui oleh rakyat dengan tersiarinya berita-berita dalam surat khabar dengan pandangan-pandangan yang begitu terlalu banyak spekulasi tetapi sekarang ini yang dimaklumkan ialah tentang fakta yang diperolehi dan saya ingin menyatakan siasatan masih lagi berjalan.

5. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sejauh manakah FELDA berjaya menangani masalah pemilikan tanah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan pemilikan ini setelah peneroka diberi hak milik.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 130,155 orang peneroka di seluruh negara, 61,784 peneroka telah menerima Surat Hak Milik dan terdapat seramai 41,371 peneroka yang belum menerima hak milik.

Adalah dijangkakan menjelang tahun 2008, kesemua peneroka FELDA akan memperoleh Surat Hak Milik bagi Tanah yang diuntukkan kepada mereka. Beberapa langkah telah diambil untuk mengekalkan pemilikan tanah peneroka yang di antaranya:

- (i) peneroka diberi nasihat supaya tidak menjual atau memindah milik tanah kepada pihak lain kecuali waris terdekat iaitu isteri dan anak-anak sahaja.
- (ii) tidak menyokong permohonan peneroka untuk membuat urus niaga tanah seperti mencagar, menggadai, memajak dan sebagainya.
- (iii) mulai bulan Ogos 2003, FELDA telah mewujudkan satu tabung dengan pusingan berjumlah RM50 juta bagi tujuan mengatasi tanah peneroka yang bermasalah seperti gadai, pajak dan tanah terbiar.

Kerajaan negeri turut mengambil langkah mengatasi masalah pemilikan tanah peneroka selaras langkah yang dibuat oleh FELDA. Misalnya Kerajaan Negeri Pahang merujuk setiap permohonan kepada FELDA sebelum urus niaga diluluskan.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Setiausaha Parlimen Kementerian yang telah memberikan jawapan yang panjang dan lebar dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa FELDA ini telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dan membangunkan getah dan juga kelapa sawit yang mana getah dan kelapa sawit ini seperti mana yang kita tahu *it' been grown* atau tidak ditanam di *South America* dan juga di Afrika tetapi lepas ke tangan kerajaan ini, kita telah bangunkan dan telah memberikan hasil yang lumayan kepada petani-petani kita.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, dengan keuntungan yang begitu banyak, mengapa peserta-peserta FELDA ini masih hendak menjualkan atau mencagarkan hak milik mereka ini. Terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, masalahnya kenapa peneroka-peneroka telah mendapat begitu banyak keuntungan daripada kerajaan telah mencagar ataupun menjual dan malah telah dikenakan lelong terhadap hak miliknya. Didapati setelah kita dapati bahawa mereka ini yang mencagar atau yang menjual tanah-tanah rancangan mereka ini, adalah kerana untuk membuat modal pusingan perniagaan. Itu satu.

Untuk mendapatkan wang sebegitu banyak, surat hak milik itu ada batasan-batasan supaya tidak mencagar ataupun menjual tanah mereka kecuali dengan persetujuan kerajaan

negeri. Jadi peneroka ini telah mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri sebelum ini dan mereka boleh mencagarkan untuk membuat modal pusingan perniagaan. Akhirnya perniagaan itu tidak menjadi. Apabila tidak menjadi, hutangnya tidak dibayar dan mereka kena tindakan oleh peminjam-peminjam.

Satu lagi adalah kerana peneroka-peneroka ini hendakkan wang untuk tanam semula. Sebenarnya wang tanam semula ini mereka ada penabungan dan mereka patutnya menggunakan wang penabungan itu untuk tanam semula. Tetapi mereka ini tidak ingin mengikuti kerajaan. Mereka tidak ingin mengikuti FELDA, hendak buat sendiri. Penghabisannya wang sudah tidak ada, tanah sudah terbengkalai menjadi hutan dan untuk hendak mula balik tanam semula dia kena ada duit. Jadi dia mencagarkan balik tanah ini.

Itu juga satu daripada punca-punca mereka mencagar tanah mereka. Ini kadang-kadang peneroka ini dicucuk dan berbagai-bagai-bagai lagi untuk tidak mahu ikut kerajaan. Jadi itulah punca dan kadang-kadang ada juga yang menjual tanah mereka ini kerana tidak ada orang yang hendak menguruskan ladang.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan membuat beberapa pindaan dan langkah-langkah supaya tidak terjadi penggadaian adapun penjualan tanah-tanah rancangan mereka supaya hak milik itu masih kepada mereka dan ahli waris mereka juga lagi supaya FELDA dapat terus mengusahakan ladang-ladang mereka, kalau boleh pindaan untuk FELDA membeli tanah mereka supaya FELDA ini boleh menguruskan rancangan-rancangan itu secara komersial dan estet.

Itulah punca-punca bagaimana peneroka-peneroka telah mencagar tanah mereka. Mereka ini kadang-kadang masuk sehelai sepinggang dengan isteri dan sekarang keluar pun kerana tanah dilelong. Jadi keluar pun sehelai sepinggang dan isteri-isteri dan anak-anak. Terima kasih. *[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Ahli Yang Berhormat bagi Klang.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 70-an bila skim FELDA bermula dilaksanakan di negara kita, negara kita masih sebagai sebuah negara pertanian. Jadi pengeluaran negara adalah bergantung kepada tanah. *So, land is the major factor of production.*

Orang kampung memerlukan tanah untuk menyara kehidupan mereka. Tetapi sekarang keadaan negara kita telah banyak berubah. Ramai anak-anak dan cucu peneroka telah mendapat pendidikan yang tinggi dan dapat kerja di bandar-bandar dan kilang-kilang di sektor komersial.

Jadi, apakah rasionalnya kerajaan cuba mengekalkan pemilikan tanah peneroka asal sedangkan ramai mereka telah berumur dan tidak mampu lagi bekerja di ladang dan anak-anak, cucu mereka tidak berminat bekerja di ladang juga? Apakah rasionalnya? Tidakkah ini lebih berfaedah ataupun lebih rasional bagi kerajaan membeli balik tanah-tanah daripada peneroka asal dan jual tanah-tanah ini kepada mereka yang lebih berminat untuk bekerja di ladang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Apakah rasionalnya? Ini sahaja.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Terima kasih, Yang Berhormat atas cadangan dan soalan yang diutarakan. Memang di kementerian pun kita akan mengkaji. Kita sedang mengkaji dan apa langkah-langkah yang selanjutnya harus kita buat setelah peneroka ini dapat pemilikan tanah sendiri.

Jadi, banyak. Kita dahulu tidak memikirkan apabila tanah itu diberi hak milik kepada peneroka-peneroka ia akan membangunkan sendiri tetapi sekarang ini lain ceritanya, *instead of* dia membangunkan secara sendirian atau turun-menurun ke anak-anaknya, mereka menjual, cari jalan senang. Jadi, dalam Akta GSA (Pindaan), FELDA tidak boleh memiliki tanah. Justeru itulah, insya-Allah, kita akan adakan pandangan dan pindaan supaya FELDA

boleh memiliki tanah, membeli tanah-tanah peneroka ini, *instead of* dia jual kepada tangan-tangan lain.

Jadi, kalau FELDA boleh memiliki tanah, membeli tanah peneroka-peneroka ini, kita akan mengusahakan secara komersial, secara estet dan pulangnya lebih banyak lagi. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]** minta Menteri Pendidikan menyatakan butir-butir berikut bagi projek makmal sekolah bagi semua fasa:-

- (a) jumlah makmal bagi tiap-tiap negeri; dan
- (b) jumlah yang telah disiapkan dan masalah yang dihadapi dan puncanya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, terdapat 4 pertanyaan yang menyentuh isu makmal komputer yang merangkumi jumlah makmal komputer di setiap negeri. Jumlah yang telah disiapkan, masalah yang dihadapi dan juga langkah-langkah untuk mengatasi kelewatan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan tersebut ialah:

- (i) Yang Berhormat bagi Kota Melaka, hari ini;
- (ii) Yang Berhormat bagi Bandau, hari ini juga;
- (iii) Yang Berhormat bagi Lipis, pada 7.10.2003; dan
- (iv) Yang Berhormat bagi Padang Serai, pada 9.10.2003.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab semua pertanyaan tersebut secara serentak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan projek makmal komputer di sekolah-sekolah bagi semua fasa sehingga 30 Ogos 2003 ialah 4,297. Ini termasuklah 597 projek di bawah pembinaan secara ubahsuai bilik darjah dan 3,700 merupakan projek pembinaan bangunan makmal komputer baru.

Pecahan projek pembinaan makmal baru mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Pecahan
Perlis	68
Kedah	461
Pulau Pinang	91
Perak	487
Selangor	340
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-
Negeri Sembilan	87
Melaka	239
Johor	140
Pahang	415

Terengganu	443
Kelantan	258
Sabah	307
Sarawak	200
	164
Keseluruhan	3,700

Daripada sejumlah 4,297 makmal ini, sebanyak 3,618 atau 84.20% sudah pun siap, manakala selebihnya dalam peringkat pembinaan.

Antara masalah yang dihadapi ialah pihak kontraktor didapati kurang cekap dari segi pengurusan kewangan dan teknikal dan juga pihak kontraktor yang terlibat ...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Nanti dahulu Yang Berhormat, dia hendak jawab. Jawab, teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Apa yang.... Tuan Yang di-Pertua, apa sebab Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat, jawab.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dan juga pihak kontraktor yang terlibat ...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan bising, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kalau begitu bagaimana saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua. Ada gangguan di sebelah sana, macam alat sahaja bunyi.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pihak kontraktor yang terlibat lewat, bukan 'liwat' bertindak untuk membaiki kecacatan bangunan makmal yang dibina.

Langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah tersebut ialah kementerian melalui perunding pengurusan projek atau PMC telah mengarahkan kontraktor untuk menambah bilangan personal dalam aspek teknikal dan memantapkan lagi pengurusan kewangan masing-masing...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sedikit lagi. Kementerian juga mengarahkan kontraktor terbabit membaiki kecacatan dengan kadar segera dan pihak Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya, bersama perunding yang dilantik diminta untuk sentiasa memantau kerja-kerja pembaikan dan melaporkan status kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, masa bagi jawapan-jawapan soalan lisan sudah selesai.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

*[Dewan Riu]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah bisinglah, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

*[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup]*

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN AHLI FARMASI (PINDAAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Insurans Luar Pesisir 1990; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2003) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG FI (TAMAN LAUT MALAYSIA) (PENGESAHAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa kemasukan ke mana-mana Taman Laut Malaysia selama tempoh mulai 1 Januari 1999 hingga 17 Julai 2003; dibawa ke dalam Mesyuarat Setiausaha oleh Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]; dibaca kali pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2003**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.09 pagi**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 dalam Dewan ini.

Rang undang-undang ini dibuat bagi memastikan Bank Negara mendapat sokongan perundangan yang mantap sejajar dengan kehendak sektor kewangan semasa yang memerlukan undang-undang yang kemas kini dan wajar.

Pelan induk sektor kewangan atau pelan induk yang dilancarkan pada bulan Mac 2001 menggariskan rancangan jangka masa 10 tahun sektor kewangan negara untuk memastikan prasarana sistem kewangan yang kukuh, berdaya maju dan berdaya saing.

Bank Negara telah dan sedang mengambil langkah-langkah bagi merealisasikan pelan induk itu melalui beberapa usaha bersepadu. Antara usaha-usaha tersebut yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

(a) Memastikan kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian -

Satu sistem pembayaran dan penyelesaian yang cekap, lancar dan diyakini adalah amat penting dalam memastikan kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan. Walaupun Bank Negara telah mengawal selia sistem pembayaran pada masa ini, tidak terdapat peruntukan perundangan khusus yang menggariskan peranan Bank Negara dalam mengawal selia sistem pembayaran.

Aktiviti pengawalseliaan Bank Negara ke atas sistem pembayaran lebih tertumpu kepada institusi perbankan yang tertakluk di bawah bidang kuasa kawalseliaan Bank Negara. Ini kerana institusi perbankan secara tradisinya merupakan institusi utama yang memberi perkhidmatan sistem pembayaran di Malaysia. Pindaan ini akan meletakkan dengan lebih jelas kestabilan sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan sebagai salah satu objektif Bank Negara di bawah Seksyen 4 Akta Bank Negara. Ini selaras dengan cadangan Bank Negara untuk menguatkuasakan Akta Sistem Pembayaran 2003 yang telah diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

(b) Memperkemaskan rangka kerja perundangan dan syariah bagi sektor kewangan dan perbankan Islam dan memperluaskan skop aktiviti Bank Negara yang selari dengan kehendak syariah.

Kewujudan suatu rangka kerja perundangan yang lebih menyeluruh bagi sektor kewangan dan perbankan Islam adalah amat penting terutamanya dalam memastikan keseragaman pendapat syariah yang berkaitan sistem perbankan dan kewangan Islam. Dalam hal ini, penubuhan secara rasmi Majlis Penasihat Syariah sebagai badan penasihat tunggal dalam isu-isu syariah berkaitan sektor perbankan Islam dan Takaful adalah amat penting. Ini selanjutnya akan dapat menangani isu ketidakseragaman pendapat syariah berkaitan sektor perbankan dan kewangan Islam.

Di samping itu, Bank Negara juga akan diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada institusi kewangan berhubung isu-isu syariah setelah merujuk kepada Majlis Penasihat Syariah. Dari perspektif Bank Negara pula, ia perlu diberi ruang yang lebih luas untuk membuat lebih banyak transaksi yang selari dengan syariah.

Dalam hal ini, peruntukan yang jelas adalah perlu untuk memberi pilihan kepada Bank Negara untuk membuat transaksi yang sekarang ini dibenarkan di bawah Akta Bank Negara dengan cara yang dibenarkan oleh syariah. Pindaan kepada Akta Bank Negara juga meluaskan kuasa Bank

Negara untuk memberi pinjaman dan pembiayaan menurut prinsip syariah kepada kakitangannya.

- (c) Penubuhan Pusat Latihan Bagi Sektor Perkhidmatan Perbankan Dan Kewangan -

Sumber manusia yang mahir dan terlatih adalah perlu bagi memastikan peningkatan daya saing di sektor perbankan dan kewangan. Bank Negara bercadang untuk menubuhkan Pusat Latihan, dengan izin, *International Center for Leadership in Finance* (ICLIF), bagi tujuan penyediaan latihan, kajian dan pembangunan sumber manusia berkaitan perkhidmatan perbankan dan kewangan yang akan melatih tenaga kerja sedia ada di sektor berkaitan dan menggalakkan budaya pembelajaran yang berterusan ke arah kecemerlangan institusi perbankan dan kewangan negara.

Dalam mencapai usaha ini, Bank Negara perlu diberi kuasa untuk menubuhkan ICLIF dan memberi bantuan kewangan yang sewajarnya bagi menanggung kos penubuhan dan pengendalian pusat tersebut. Justeru itu, Bank Negara perlu mengendali dan menguruskan suatu dana untuk perbelanjaan ICLIF demi untuk memastikan kelangsungan pembangunan sumber manusia.

- (d) Penalti bagi Ketidapatuhan Arahan Bank Negara -

Bagi memastikan keberkesanan arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, adalah disarankan agar Bank Negara diberi kuasa untuk menghendaki institusi perbankan yang gagal mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan, untuk meletakkan sejumlah wang sebagai deposit dengan Bank Negara dan untuk mengenakan penalti bagi pelanggaran arahan-arahan tertentu di bawah Seksyen 16B (7), 44B, 44C (2) dan 44D (2) Akta Bank Negara.

- (e) Infrastruktur bagi Pasaran Bon Ringgit dan Sistem-sistem Pembayaran dan Penyelesaian -

Penyediaan sesuatu prasarana yang sesuai bagi menggalakkan perkembangan pasaran bon ringgit adalah selari dengan objektif utama Bank Negara untuk mempromosi kestabilan sistem kewangan. Bank Negara telah pun menubuhkan beberapa sistem untuk menerbitkan tender, bon atau sekuriti hutang seperti *fully-automated system for issuing, tendering*, penyebaran maklumat berhubung urusan niaga berkaitan bon seperti *Bond Information and Dissemination System* dan sistem pembayaran dan penyelesaian seperti *Real Time Electronic Transfer of Fund and Securities*.

Oleh yang demikian, Bank Negara perlu diberi kuasa secara nyata untuk menjelaskan fungsi-fungsinya dalam membangunkan pasaran bon ringgit. Bagi maksud ini, seksyen baru 44A hingga 44D dimasukkan ke dalam Akta Bank Negara.

- (f) Kuasa Bagi Menganakan Caj Dan Fees -

Berikutan keperluan kos meningkat yang dialami oleh Bank Negara untuk mengadakan perkhidmatan dalam menguatkuasakan undang-undang yang terletak di bawah kawalseliaannya dan penyediaan infrastruktur penting, peruntukan undang-undang yang jelas adalah perlu bagi Bank Negara

untuk mengenakan caj dan fees yang sesuai ke atas perkhidmatan yang diberikannya.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama secara terperinci yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan, iaitu Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Bank Negara dengan memasukkan suatu takrif baru, iaitu *Syariah Advisory Council*.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta Bank Negara dengan memasukkan perenggan baru bagi mengadakan peruntukan tentang objektif Bank Negara, iaitu untuk menggalakkan sistem pembayaran dan penyelesaian yang diyakini, cekap dan lancar yang bermanfaat bagi Malaysia.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 16B ke dalam Akta Bank Negara. Seksyen baru 16B mengadakan peruntukan tentang penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi menasihati Bank Negara tentang perkara-perkara syariah berhubung dengan industri kewangan Islam.

Peruntukan yang dicadangkan menyatakan peranan dan fungsi Majlis Penasihat Syariah, termasuklah pelantikan anggota-anggota Majlis Penasihat Syariah dan pembayaran saraan mereka oleh Bank Negara. Peruntukan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa Bank Negara hendaklah berunding dan mematuhi nasihat Majlis Penasihat Syariah dan memberi kuasa kepada Bank Negara untuk mengeluarkan arahan bertulis kepada mana-mana orang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam.

Bank Negara juga dibenarkan untuk menubuhkan urusetia dan jawatankuasa bagi membantu Majlis Penasihat Syariah dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah Akta Bank Negara bagi mengelakkan sebarang kekeliruan undang-undang. Peruntukan-peruntukan tertentu seksyen baru ini akan diberi kuat kuasa mulai dari 2 Ogos 1996.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta Bank Negara dengan memasukkan subseksyen (1A), untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk membuat penyalarsan berhubung urusan yang dibenarkan mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah.

Fasal 6 bertujuan untuk memasukkan seksyen 30A ke dalam Akta Bank Negara untuk memberi Bank Negara kuasa untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bagi maksud latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia yang berhubung dengan perkhidmatan perbankan dan kewangan.

Seksyen ini juga memberi Bank Negara kuasa untuk memberi, menderma, meminjam atau mendahulukan apa-apa jumlah wang yang perlu bagi penubuhan dan operasi pertubuhan perbadanan itu dan mengadakan dan menguruskan suatu dana bagi perbelanjaan pertubuhan perbadanan itu.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 37 Akta Bank Negara dengan memasukkan subseksyen baru 4, 5 dan 6 bagi memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menghendaki institusi perbankan yang gagal untuk mematuhi syor-syor yang dibuat oleh Bank Negara Malaysia menurut subseksyen 37(1) Akta Bank Negara untuk meletakkan sejumlah wang sebagai deposit dengan Bank Negara Malaysia.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 42 Akta Bank Negara Malaysia untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk membuat apa-apa transaksi dengan institusi perbankan atau institusi kewangan yang lain mengikut nasihat Majlis Penasihat Syariah dalam hal mengenai pinjaman dan biasiswa yang dipinjamkan atau diberikan oleh Bank Negara.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan seksyen-seksyen baru 44A, 44B, 44C dan 44D ke dalam Akta Bank Negara. Bank Negara perlu diberikan kuasa secara nyata untuk menjalankan fungsi-fungsinya dalam membangunkan pasaran bon ringgit.

Seksyen baru 44B bertujuan untuk membolehkan Bank Negara menubuhkan atau mengendalikan sistem bagi pasaran sekuriti hutang seperti sistem Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities (RENTAS), Fully Automated Securities Issuing/Tendering (FAST), Bond Information and Dissemination System (BIDS) dan depositori pusat bagi sekuriti hutang.

Seksyen baru 44C bertujuan untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan maklumat berhubung dengan pemegangannya atau urus niaganya dengan sekuriti hutang yang telah didepositkan dan maklumat tentang sama ada pemegangan atau urus niaga itu adalah untuk dan bagi pihak penama dan, jika sedemikian, identiti penama itu.

Seksyen 44D bertujuan untuk membolehkan Bank Negara melarang mana-mana orang daripada menjalankan urus niaga seperti yang telah didepositkan dalam hal keadaan yang diperkatakan dalam peruntukan itu.

Fasal 10 bertujuan meminda subseksyen 49(2) bagi memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk mengadakan pembiayaan secara Islam kepada pegawai atau pengkhidmat-pengkhidmat Bank Negara.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda Seksyen 51 Akta Bank Negara dengan menjadikannya suatu kesalahan bagi pelanggaran arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Bank Negara di bawah seksyen baru 16B(7). Bagi pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen baru 44B dan juga bagi kegagalan untuk mengemukakan maklumat yang dikehendaki oleh Bank Negara di bawah subseksyen-subseksyen baru 44C(2) dan 44D(2).

Fasal 12 bertujuan untuk memberikan kuasa kepada Bank Negara untuk mengenakan fee dan caj bagi perkhidmatan yang diberikan olehnya berhubung dengan fungsinya di bawah Akta Bank Negara dan undang-undang bertulis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan cadangan untuk memasukkan Seksyen 16B mengenai penubuhan Majlis Penasihat Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di dalam Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2003, beberapa pindaan berbangkit akan dibuat ke atas Bank Islam 1983, Akta Takaful 1984 dan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989.

Cadangan akta di atas dibuat setelah mengambil kira kepentingan Malaysia untuk melaksanakan sesuatu undang-undang bagi memastikan Bank Negara akan dapat menjalankan fungsi-fungsi dan tugas-tugas yang dimandatkan kepadanya dengan berkesan.

Melalui rang undang-undang yang disyorkan ini, saya yakin Bank Negara akan dapat menyumbang dua perkara penting iaitu meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan negara secara amnya serta pengukuhan prasarana perbankan dan kewangan Islam melalui piawaian syariah daripada Majlis Penasihat Syariah dalam mengawal selia aktiviti perbankan Islam, kewangan Islam dan kewangan pembangunan Islam dan Takaful bagi memastikan ianya sejajar dengan tuntutan syarak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Ir. Donal Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tambun.

**11.25 pagi.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kewangan kerana membuat pindaan-pindaan tersebut dan kita tahu bahawa tujuan pindaan

ini adalah untuk membuat penyesuaian dengan keperluan perubahan yang berlaku bukan sahaja dalam industri kewangan di negara kita, juga di seluruh dunia.

Jadi, izinkan saya untuk menyentuh beberapa perkara mengenai dengan rang undang-undang ini dan juga beberapa perkara berkaitan dengan Bank Negara. Saya menyatakan saya bersetuju dengan pindaan ini untuk menyesuaikan diri dengan keperluan yang terdapat dalam industri kewangan dalam negara dan juga luar negara. Saya ingin menyentuh satu perkara mengenai dengan *transaction* kewangan di mana saya percaya Bank Negara boleh memainkan peranan.

Oleh kerana saya terlibat dalam proses meningkatkan eksport ke luar negara, saya dapati dalam proses tersebut apabila saya pergi ke beberapa negara, ada satu sistem kewangan kita yang tidak sesuai iaitu dari segi *Letter of Credit*. Terdapat beberapa peniaga di luar terutama di Algeria yang mengimport barang daripada kita terutama dari segi kelapa sawit dan sebagainya.

LC dibuka dalam bahasa Perancis tidak diterima oleh bank kita. Ada dua kes yang mana bank kita terima, tetapi memakan masa selama empat bulan dan *shipment* sebulan, maka berlaku kelewatan selama lima bulan dan ini tentunya akan menjejaskan perniagaan syarikat tersebut dan juga menjejaskan dari segi rancangan kita untuk memperluaskan eksport kita ke negara luar.

LC dalam bahasa Perancis ini diterima di Singapura dan dengan itu pedagang Singapura mendapat keuntungan walaupun produknya produk kita, kelapa sawit kita, oleh kerana bank kita tidak menerima LC dalam bahasa Perancis tetapi Singapura menerimanya, jadi pedagang dari Singapura untung daripada produk yang dihasilkan oleh negara kita. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan mengapa pihak Bank Negara tidak melihat kepada perkara ini.

Kita bercakap negara kita pada nombor 18 sebagai negara perdagangan terbesar di dunia, kita hendak memperluaskan eksport kita dan kita berada dalam dunia globalisasi tetapi dari segi *style of business* kita atau *scope of business* kita tidak globalisasi. Singapura lebih globalisasi daripada kita.

Jadi, saya harap mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat kerana saya anggap perkara ini penting. Saya harap pihak Bank Negara supaya proaktif atas perkembangan yang berlaku di dunia supaya negara kita tidak rugi. Saya harap pihak Bank Negara lihat berapa banyakkah eksport barang dari negara kita yang dilakukan oleh pedagang-pedagang Singapura kerana sistem kewangan kita yang tidak begitu sempurna.

Saya percaya dalam dunia globalisasi ini, kita tidak seharusnya menerima hanya LC dalam bahasa Inggeris dan bahasa France. Bahasa lain pun harus kita terima jika kita mahu bersaing dengan begitu hebat dalam dunia antarabangsa.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat menyentuh tentang pelan induk 10 tahun. Sebenarnya, pelan induk ini tidak dibentangkan di Parlimen dan kita pun tidak tahu sangat apa *contentnya* kecuali kalau kita rajin untuk membaca. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat, apakah istimewanya pelan induk 10 tahun yang kita begitu seronok bercerita, kita sekarang hendak buat pelan induk 10 tahun, kita akan ubah sistem kita kerana dari segi pelan, banyak pelan – pelan induk IT, pelan induk dan berbagai-bagai-bagai pelan. Jadi, apa pula yang istimewa dari segi pelan ini yang kita yakin pelan ini akan dapat menjana satu sistem kewangan kita yang cukup canggih.

Mengenai dengan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan pindaan untuk menubuhkan Majlis Penasihat Syariah, dengan itu memperluaskan skop Bank Negara untuk melibatkan Bank Syariah juga di bawah pengawasannya dan saya percaya tentulah sesuai kerana Bank Negara satu badan yang kita anggap kompeten kerana *core businessnya* adalah untuk menyediakan polisi dan membuat pemantauan ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan.

Sudah tentulah apabila sistem syariah ini diletakkan di bawah Bank Negara, kita berharap dapat melihat perbankan Islam berkembang dengan lebih tinggi lagi terutama apabila - tahun ini atau tahun lalu saya tidak ingat - kita telah luluskan satu rang undang-undang di mana sistem standard untuk perbankan Islam seluruh dunia pejabatnya diadakan

di Malaysia dan ini tentunya memberi peluang kepada kita untuk memiliki *comparative advantage* untuk kita menjadikan sistem bank Islam kita yang begitu kompetitif dan seharusnya dapat kita perluaskan industri tersebut ke luar negara.

Dengan adanya Bank Negara terlibat maka dapatlah Bank Negara untuk *synchronize* di antara dua bank yang ada, kemudian beberapa sistem perbankan yang dilaksanakan oleh bank komersial kita sekarang ini. Saya minta Bank Negara dapat juga kaitkan dengan badan-badan syariah lain. Macam di Jeddah ada satu badan syariah kerana pemikiran di antara badan syariah di Jeddah dengan di negara kita ini, kita dapat perbezaan dari segi setengah produk yang dia kata produk itu halal dari segi Islam tetapi kita kata tidak.

Jadi perkara ini perlu untuk kita laksanakan. "Qardhul Hassan" di Jeddah Institut dia kata ini satu sistem Islam manakala di kalangan ulama kita ada yang bertelagah; ada yang kata "Qardhul Hassan" ini boleh, ada yang kata tidak boleh. Jadi penting untuk kita dapat selaraskan bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia kerana kita pegang standard bank Islam antarabangsa supaya sistem yang kita rasa baik ini dapat diperkembangkan, digunakan oleh semua manusia tidak kira apa latar belakang, tamadun dan *civilization* mereka. Di samping itu kita dapat tingkatkan standard bank kita seperti mana saya kata pertumbuhan industri bank Islam ini dapat berlaku.

Sehubungan dengan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, apakah rancangan kerajaan dan Bank Negara? Sekarang kita ada dua Islamic bank dan ada bank yang buka beberapa produk Islam. Jadi adakah kita hendak *liberalkan* sistem hendak bagi banyak lagi bank Islam di negara kita dan bagaimanakah status Bank Islam ini? Sekarang ini kita tahu pihak kerajaan cuba untuk menggabungkan di antara beberapa bank jadi sepuluh bank. Bank Islam ini bagaimana pula statusnya, fasal Bank Islam pun bukan besar sangat? Jadi adakah atas diri mereka sendiri tanpa bercantum dengan bank lain atau pun hendak *liberal*, hendak bagi banyak lagi bank dibuka supaya berlaku persaingan. Maka ini akan lagi menjana pertumbuhan Bank Islam.

Di samping itu apakah cita-cita kerajaan dari segi bank kita ini? Produk Bank Islam ini kita anggap satu produk global yang kita menjadi rujukan kepada dunia. Di negara-negara Arab sekarang ini telah pun menukar sistem ekonomi daripada sistem sosialis kepada ekonomi pasaran dalam sepuluh tahun lalu dan proses ini masih belum lagi *matured*, belum matang sepenuhnya. Undang-undang ini tidak ada institusi dan sebahagian besar daripada negara Timur Tengah, negara Arab ini dan juga negara Asia Tengah tidak mempunyai bank. Bank yang ada pun adalah bank yang dimiliki oleh kerajaan dan bank-bank ini tidak memberi kemudahan-kemudahan terutama untuk pinjaman pengguna.

Macam di Syria umpamanya, di sana sistem ekonomi dijalankan oleh keluarga, bukan syarikat dan ramai keluarga ini yang kaya. Oleh kerana di Syria tidak ada sistem perbankan sebagaimana yang kita tahu, jadi mereka simpan duit di Beirut. Jadi Beirut menjadi pusat perdagangan kewangan antarabangsa kerana negara-negara jiran; Syria, Algeria dan sebagainya tidak ada sistem perbankan dan negara ini melihat kepada negara Malaysia sebagai pemimpin dalam sistem ini. Mereka berkehendakkan yang kita hadir di sana dan saya lihat Bank Islam mempunyai peranan dan mempunyai peluang ataupun *opportunity* untuk berkembang ke negara-negara tersebut, tetapi Bank Islam mesti agresif.

Saya ada bagi contoh macam kita hendak tukar wang tukaran asing; dia suruh isi *form*, kalau kita pergi *commercial bank*, kita bagi duit, dia buat *transaction*, kita *sign* sahaja. Jadi di sini dalam soal *foreign exchange* pun kita nampak Islamic Bank begitu terkebelakang. Kita pergi ke Islamic Bank di Bangunan Mara, bank itu gelap, tidak ceria. Macam Parlimen kita sekarang, di luar nampak lebih ceria daripada dahulu, kecuali di dalam ini kurang ceria sedikit, masih gelap lagi. Jadi kalau kita bandingkan Bank Islam dengan bank lain, tidak ceria. Itu *on the surface*, tetapi bila kita pergi ke dalam lagi, dari segi pengendalian wang, pinjaman, analisis dan sebagainya makin tidak canggih. Kalau tidak canggih, macam mana dia hendak pergi ke luar negara kerana bila hendak pergi luar negara, kita perlu kepada membuat analisis yang lebih mendalam dari segi memahami sistem, sikap mereka, macam-macam *risk* yang kita harus buat. Tapi dalam keadaan itu, mengapa ada Citibank? Mengapa ada Hong Kong Bank? Dan saya bercakap dengan Citibank dan Hong Kong Bank, mereka berada di sana bukan kerana apa, kerana ekonomi ini sedang berkembang.

Jadi dia kata *the presence of early entry in the end will get recognition from the people there*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi dia sudah ada di situ, dia sudah ada *spending* dia, dia ada bangunan dia, *loan* yang dibagi tidak banyak. Di Khazastan hanya satu *loan* sahaja - Hong Kong bagi - tetapi *presence* dia sudah ada, maknanya dia sudah buat *risk analysis* dia dan dia percaya duduk dahulu kemudian akan berkembang, bukan apabila ekonomi sudah *matured*, baru kita masuk, itu akan menyukarkan. Jadi di sini peluang yang bank ada, satu *opportunity* kepada *Islamic banking*.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Fasal 7 ini, saya hendak tanya bukankah bank mempunyai *authority* mengarahkan *commercial* bank untuk menetapkan bentuk-bentuk pinjaman yang harus diberi? Tetapi di sini yang ingkar mematuhi akan diminta untuk letak deposit, kalau dapat Yang Berhormat Setiausaha Parlimen *expand* perkara ini. Ini memberi fahaman kepada saya bahawa ada *commercial* bank yang tidak patuh kepada arahan Bank Negara dan kalau saya lihat dari segi statistiknya, saya hendak kaitkan kerana saya nampak benda ini tidak lari dengan Dasar Kerajaan. Ada yang tidak selaras dengan Dasar Kerajaan, dengan izin, digunakan dalam bahasa Inggeris, *banking loans approved by sector 2001 and 2002*. Jumlah pinjaman yang diluluskan RM33 bilion pada tahun 2001 kepada RM51 bilion pada tahun 2002. Sebahagian besar *loan* ini adalah kepada sektor *property*, hartanah. Pada tahun 2001, 33.1%, pada tahun 2002, 33.8%. Dari segi negara di mana kata Perdana Menteri kita jangan ghairah sangat untuk lulus tanah - lulus projek perumahan - kerana sektor hartanah ini sudah *surplus* dari segi perbekalannya. Saya tidak ingat berapa jumlahnya tetapi berpuluh bilion.

Tidakkah pihak bank patut dipersalahkan dalam soal ini? Seperti mana kita bangkitkan di Parlimen sebelum krisis 1997 dan kemuncak 1998 -1999. Pada tahun 1995 lagi apabila Hong Kong mengalami kejatuhan ekonomi disebabkan terlampau melabur dalam bidang hartanah dan saham begitu juga negara lain, Hong Kong dan beberapa negara lain, kita menyuarakan di Parlimen kerana kita lihat bahawa perbelanjaan pinjaman bank kepada sektor hartanah dan juga saham itu begitu tinggi dan sekarang kita nampak masih lagi tinggi.

Daripada tahun 2001 kepada 2002, pertambahan sebanyak USD7 bilion. Minta maaf ya tadi sebenarnya bukan Ringgit Malaysia, yang saya kata 33 bilion kepada 51 bilion dalam US Dollar. *Figure* ini dalam US Dollar. Dalam bidang *property* daripada USD10 bilion kepada USD17 bilion. Bermakna pertambahan USD7 bilion. Tujuh kalau kali empat lebih kurang, 26 bilion ringgit pertambahan.

Kita tahu dari 1999 lagi ada terlampau banyak *property* yang tidak dijual dalam bentuk *residential*, dalam bentuk ruang komersial, ruang pejabat tetapi mengapa masih lagi terdapat pinjaman yang begitu banyak, 20 bilion tahun lalu dan kita bercakap bahawa pembangunan ekonomi kita tidak sejajar sejak krisis ekonomi, sektor swasta terutama *manufacturing* tidak menjadi agen pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu kerajaan perlu berbelanja lebih dengan *deficit financing* dan *deficit financing* kita semua tahu tidak boleh bertahan, tidak ada *sustainability* dan kita mahu sektor *manufacturing* untuk berkembang. Kita nampak *loan* dalam sektor *manufacturing* daripada tahun 2001, USD3.6 bilion kepada USD4.3 bilion. Dari segi nisbah keseluruhan pinjaman menurun daripada 11% kepada 8.5%. Jadi ini tidak refleksi akan kehendak ekonomi negara dan saya juga rasa hairan, saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apabila pihak bank membuat analisis kepada pemberian pinjaman, kita tahu rumah ini sudah susah. Bukankah ini merupakan satu industri yang mempunyai *risks* yang tinggi, macam mana ia buat *risk analysis*, tidakkah ia buat *industry study* kerana kita tahu dalam ekonomi ini bukan sahaja sektor kewangan, semua sektor, semua mempunyai *systematic attachment*. Sekarang orang panggil *networking attachment*, semua, semua bidang.

Bermakna kalau *property* kita sangkut 20 bilion, pinjaman sangkut 20 bilion ia akan menjejaskan semua walaupun dari segi *loan deficit ratio* kita dan 85%, boleh tahanlah. Bermakna dari segi deposit kita, 85% diberi pinjaman hanya 15% yang bank tidak beri pinjaman agak tinggi tetapi kalau dia dalam *non-moving*, *loan* itu tidak *moving*, tidak bergerak jadi ini akan menjejaskan ekonomi negara dan bank yang bertanggungjawab dalam soal ini harus serius dan Bank Negara sebagai badan yang menentukan dasar membuat *super vision* perlu serius dalam soal ini.

Jadi bila saya baca ini baru sekarang pula dalam seksyen ini, diberi bank kuasa untuk mengenai institusi perbankan yang gagal untuk mematuhi. Apa maksud gagal untuk mematuhi? Kalau bank sudah tidak mahu mematuhi Bank Negara, apa makna lagi. Macam mana individu hendak patuhi. Kalau bank pun sudah tidak patuhi dan baru sekarang kita hendak ambil tindakan berhubung dengan pemberian pendahuluan pinjaman supaya menetapkan wang sebagai deposit dengan Bank Negara.

Sebenarnya bukan soal deposit, kalau bank ada duit dia letak deposit pun kalau arah pinjaman, *direction of loan* dengan izin, tidak betul, jadi rosaklah ekonomi negara kita dan ini akan menjejaskan semua orang. Kemudian kita bercakap tentang IT, dalam bidang IT langsung tidak ada pun. Kalau ada pun kecil tapi dari segi *heading* nya terlampau kecil langsung tidak ada pun.

Jadi macam mana hubungan Bank Negara dengan komersial bank termasuklah Merchant Bank, Finance Company dengan pembangunan ekonomi negara dan dari segi konsep *risk analysis* tadi.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua di bawah fasal tentang latihan, Fasal 6, ini saya hendak kaitkan dengan matlamat Bank Negara untuk menggabungkan institusi kewangan kepada beberapa ini. Kita tahu antara tujuannya adalah untuk hendak besarkan saiz satu-satu bank. Itu kita setuju tetapi bila kita buat penggabungan, orang pun buat penggabungan juga. Swiss Bank, JP Morgan Chase, dulu dia nombor tiga terbesar, sekarang lagi besar, Citibank.

Maknanya kita buat bergabung sesama kita dalam domestik ini, yang *giant* di luar itu dia gabung juga. Jadi kalau penggabungan menjadi asas kepada hendak bersaing saya tidak percaya kita mampu untuk bersaing. Kalau esok katalah kita akan buka sistem kewangan kita lebih liberal kita bagi bank-bank luar *license* untuk buka bank.

Di Jepun banyak *surplus deposit*, di sana dia bagi *loan, 0 interest* bila dia pindah sini macam mana kita hendak bersaing, dia *0 interest* dan kita *base lending rate* kita berapa, 6.39% dan kita *charge 1% or 2% above this lending rate*, jadi tujuh atau enam, tujuh lebih, dia 0. Okey kita letak dia pun kena juga *base lending rate*, itu kalau *international body* kata boleh tetap. Kalau liberal semua tidak boleh ditetapkan oleh Bank Negara *Base Lending Rate*, jadi macam mana hendak berlaku.

Jadi pada saya yang penting sekali adalah sumber manusia dan saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kita berpuas hati dengan sumber manusia di dalam bank kita ini. Adakah kita pernah buat *study* tentang standard kakitangan kita dengan bank luar. Di Parlimen kita pun hendak bincang apabila Bank of Commerce dengan Bank Bumiputera *merged* kemudian dijemput satu *consultant* luar untuk membuat kajian ke atas *standard staff* Bank Bumiputera dengan Bank of Commerce supaya hendak satukan siapa hendak jadi CO dan sebagainya.

Akhirnya kita dapati bahawa *top management* dengan *mid top management* daripada Bank Bumiputra tidak berapa kerat yang ada standard. Tidakkah kita patut buat kajian daripada situ, daripada yang tidak ada standard, kita tengok Bank Bumiputra tiap tahun ada masalah daripada BMF lepas itu macam-macam kerana tidak ada standard. Sekarang ini ada standard atau tidak kakitangan bank kita. Janganlah kerana kita tengok bank kita ingat besar sangat bank sampai kita rasa dia orang mesti ada standard. Takut-takut tidak ada standard. Macam saya kata tadi sektor hartanah sudah teruk dia pun bagi juga *loan*. Adakah kerana dia pandai ataupun tidak pandai yang dia buat keputusan begitu.

Jadi saya percaya pihak Bank Negara yang mempunyai peranan dan faktor kritikal adalah *human resource, the quality of human resource* dengan izin yang ada di bank kita tentulah pihak Bank Negara patut *study* dari sekarang kalau kita tidak mampu buat kita cari orang luar. Jangan apabila sistem perbankan ini liberal, bila hendak liberal saya pun tidak ingat, dahulu saya ingat 2003 kemudian bila liberal esok bank kita tidak mampu bersaing baru kita hendak *rectify* kerana latihan ini belum tentu berjaya. Banyak bank yang ada latihan, ada berapa perkara yang perlu dari segi latihan. Satu modul dia. Modul mana yang kita hendak pakai, kalau kita tengok kita ada tiga jenis bank, American Bank, British Bank dengan domestik bank, Malaysia punya bank. Tiga-tiga ini lain, bukan sama. Jangan kita ingat sistem itu sama, lain. American Bank dia lain, dia lebih terperinci, cara analisa dia bukan ikut buku,

dia ada sistem dia sendiri, dia ada modul dia sendiri dari segi British Bank ini dia lebih kepada *consumer service*, dia lebih bagus dari segi itu. Macam domestik bank ini, macam-macamlah kita tahu.

Jadi, modul daripada mana hendak dipakai. Kalau modul kita hendak pakai domestik bank punya modul hendak lawan dengan American bank dan British bank punya modul, kita tidak boleh *compete*. Kemudian, daripada segi *contentnya*.

Di samping itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya dapati sekarang ini bank sudah mengamalkan satu sistem, dia ambil *contract staff*, dua tahun kemudian dia ambil *clerical*, bagi RM450, sudah habis dua tahun berhenti. Ambil lagi *contract staff* dua tahun, berhenti. Jadi, adakah ini satu dasar yang telah diluluskan oleh Bank Negara ataupun yang dilakukan oleh bank sendiri. Kerana daripada segi bank ia untung kerja-kerja yang tidak melibatkan sangat keperluan kemahiran profesional.

Dia ambil bidang pegawai rendah dan perkeranian, dia ambil beberapa orang dan bayar RM450, dua tahun dia buang, dia tidak payah beri kursus, hendak beri apa tak payah lagi naik pangkat. Dia ambil lagi *group* lain. Jadi, akhirnya pihak bank untung, dan bank hendak buat keuntungan banyak mana. Kadang-kadang kita tengok dalam surat khabar bank untung bilion, tetapi perangnya dia ambil staf macam itu kemudian dia buang. Habis dua tahun ambil yang lain dua tahun.

Daripada segi kita sebagai wakil rakyat dan sebagai rakyat....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bentong bangun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti sekejap. Kita rasa apakah bank tidak ada bertanggungjawab ke atas untuk menjaga staf yang dia ambil secara kontrak ini dia hendak untung macam itu sahaja.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Saya menyokong penuh pandangan Yang Berhormat bagi Tambun bahawa semua manusia adalah satu aset penting bagi perbankan negara kita dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh bank-bank di negara kita saya dapati semakin merosot kerana penukaran kakitangan pekerja begitu kerap sekali. Saya memang sendiri menghadapi masalah ini dan mengetahui bahawa apabila kita menghubungi seseorang kakitangan bank dalam negara kita, kita buat susulan satu bulan kemudian kita dapati kakitangan itu sudah tidak ada di sana, dan kita kena pulang balik apa yang kita minta dan ini seterusnya menjejaskan perkhidmatan bank yang ada pada masa sekarang.

Adakah Yang Berhormat bagi Tambun bersetuju kita cadangkan agar Bank Negara menetapkan bahawa sesuatu kakitangan itu perlu melalui satu latihan sebelum boleh diberi sesuatu jawatan penting dalam bank dan ini akan memastikan kualiti perkhidmatan bank kita berterusan dan dapat mencabar peringkat antarabangsa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dan pengalaman yang saya lalui sendiri. Tidak tahulah kalau sudah berubah. Bila masuk bank tempatan, dia masuk sahaja hendak jadi bank *credit officer*, dia melalui proses enam bulan *in-house training*. Dia pergi sebulan di *customers research*, *foreign exchange*, *trade bills*, *credit marketing* dan sebagainya selama enam bulan. Itu Malaysian punya *style*.

Kita ambil American bank punya *style*. American bank punya *style* sekurang-kurangnya dua tahun dia letak sebagai *financial analyst*. Kita bukan *full fledge officer*, dia *financial analyst*. Maknanya dia buat kerja-kerja analisis. Kalau duduk di *credit marketing*, *credit marketing*lah. Selepas itu dia hantar untuk *advance training*. Biasanya dia pergi ke Asia Credit Training Centre (ACTC) mengikut bank masing-masing. Kalau BOA di Manila dan Chase Manhattan Bank di Hong Kong. Bila kita balik barulah kita jadi pegawai yang betul. Kita belum lagi boleh beri *loan* selama dua tahun. Yang *local* bank ini baru enam bulan sudah boleh bercakap hendak beri *loan*.

Jadi, di situ sahaja kita lihat bahawa daripada segi *maturity*, daripada segi pendedahannya tidak cukup pada hal *banking* adalah sistem yang paling utama. Kita ingat

semasa krisis ekonomi, kita Parlimen amat bimbang apabila kita lihat NPL bank besar. Semasa itu kita sebagai **Backbencher** buat memorandum hantar kepada PM, dua jam kita bincang dengan PM. Kita kata **create asset management company**, akhirnya jadi Danamodal dan Danaharta, kerana hendak keluarkan NPL yang tinggi pada masa itu. Kerana apa, kalau NPL dibiarkan dalam bank, bank jatuh, seluruh sistem ekonomi jatuh. Bukan sahaja bank itu, *systemic risk* begitu besar, begitu meluas. Jadi, pegawai bank memang penting sebagaimana kata Yang Berhormat. Sebab itu saya bangkit cerita tentang *temporary contract staff* ini. Kita bukan buat *direct sales* atau buat *trading*. *This is banking job, a serious business*, perlukan profesionalisme. Saya tidak mahu sebut nama bank itu tetapi yang saya tahu ada bank-bank ambil dua tahun *on contract*, keluar.

Selepas itu daripada segi *human resource*, saya minta Bank Negara *check* balik dengan bank, adakah dalam *budget* mereka meletak untuk tujuan *human resource training*. Saya rasa tidak ada. Dan bukan sahaja itu, *mentality* Malaysia begitu dalam semua bidang – dalam bidang sektor kerajaan, sektor swasta, *business*, sektor bank untuk pembangunan sumber manusia tidak ada. Biar kita buat analisis betul-betul. Kita buat dari sistem Eropah yang kita lihat sudah berjaya, sistem Jepun sudah berjaya, sistem Korea Selatan dan sistem Amerika sudah berjaya, kita tengok daripada segi belanjawannya peratusan yang disediakan untuk pembangunan sumber manusia berapa banyak dan kita *compare*.

Kita bercakap selalu, Perdana Menteri kita selalu berkata kepada kita bangunkan *human resource*, tetapi di peringkat akar umbi macam Bank Negara, daripada segi sektor bank tidak meletakkan ini sebagai perkara penting. Saya harap dapat Bank Negara lihat kerana Bank Negara *leader* dalam bidang ini. Dia berkuasa daripada segi buat dasar, daripada segi pemantauan bagi peraturan-peraturan semuanya. Jadi, dia mesti bertanggungjawab di situ kalau ada kegagalan dalam sektor bank, Bank Negara patut dipersalahkan dalam soal ini.

Kemudian daripada segi sistem bayaran. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Bank Negara ini sudah banyak kerja. Kerja bank pun banyak. Kemudian yang *non-banking* punya kerja pun dia hendak buat, sampai orang hendak kutip tol, cara pembayaran tol pun dia hendak itu secara bayaran, insurans pun dia hendak jaga, banyak betul dia hendak jaga. Jadi, *core-business* dia pun dia tidak begitu mampu dia hendak *expand* lagi, kutip tol yang Kementerian Kerja Raya tetapkan satu *collect* tol, dia pula hendak tentukan sistem macam-macam yang dia hendak jaga. Sekarang dengan Bank Islam lagi dia jaga, cukup banyak yang dia hendak jaga.

Jadi, kalau kita jaga banyak takut nanti kita tidak mampu kerana dunia sudah berubah. Sekarang orang panggil *lots of knowledge on little thing*. Dahulu *many things little knowledge*. Kita kena tahu macam-macam, *jack of all trades*. Sekarang ini *lots of knowledge on smaller area, smaller things*. Makna kita *specilize* dalam bidang tertentu. Jadi, Bank Negara, bank dia hendak jaga, bank saudagar dia hendak jaga, *finance company* dia hendak jaga, Bank Islam dia hendak jaga, *foreign exchange* dan macam-macam dia hendak jaga, bayaran tol pun dia hendak jaga. Yang ATM pun belum selesai *problem*, berapa banyak *problem*.

Kita boleh buat sistem, Yang Berhormat. Itu prosedur tetapi kalau elektronikanya tidak canggih, tidak guna kita hendak buat sistem. Yang kata tadi RENTAS, BIDS, FAST, memang bunyi sedap tetapi kalau teknologinya, orang hendak *supply* teknologi yang tidak baik dan kita tidak pandai untuk buat analisis sama ada teknologi bagus atau tidak, macam-macam *problem* timbul. Jadi, terlampau banyak bidang yang hendak jaga. Saya amat berharap tumpu kepada satu perkara, kata Yang Berhormat pembayaran tak cekap dan sebagainya, itu punca kerana macam-macam bidang yang kita hendak jaga. Bidang yang saya kata ini tadi pun tidak terjaga.

Saya hendak soal balik ini. Mengapa sektor property ini, yang kerajaan sudah putuskan, jangan lagi banyak terlibat dalam bidang itu boleh mendapat pinjaman dari tahun 2001 pada tahun itu, pertambahan sebanyak RM26 bilion. Macam mana boleh jadi begitu? Kita tanya itu. Jaga itu pun belum cukup lagi lengkap.

Kemudian, saya hendak sentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua, jangan Tuan Yang di-Pertua berhentikan saya pula. Ini saya hendak bangkitkan tentang soal institusi kita. Institusi

ini ada banyak benda. Institusi itu sendiri, dia punya *framework structure* dia. Saya lihat dari segi BSKL, dia hendak 'demutualise', makna dia hendak wujudkan sistem BSKL yang daripada berhad menjadi boleh jual saham dalam BSKL sendiri. Itu sistem. Maknanya, satu perubahan dari segi struktur institusi. Dari segi sektor bank, kita lihat dari segi global, pelbagai perubahan telah berlaku.

Adakah masuk dalam *master plan* perubahan-perubahan? Itu, saya minta Yang Berhormat *highlight* apakah *key point* dalam *master plan* Yang Berhormat kata kita sedang hendak buat master plan. Untuk sesuatu sistem itu jadi kemas, seluruh struktur itu mesti kemas *financial structure* dia. Saya tengok di luar sekarang ini kerana sektor kewangan berkait rapat dengan sektor ekonomi, sektor swasta. Selepas itu, kita ada Bank Negara, bank sektor ekonomi. Di banyak negara didapati bahawa oleh kerana Bank Negara ini kerajaan, manakala sektor swasta ini pelabur. Di antara kerajaan dengan pelaburan, ia ada jurang. Dia orang ini bergerak mengikut arah lain, yang ini bergerak mengikut pemikiran dia dan kita berani menyatakan bahawa orang di sini, pegawai di sini, dia tidak ada pengalaman di sini.

Jadi, dari segi pemikiran dengan pemikiran itu tidak sama. Jika tidak sama, keperluannya lain, manakala pemikiran tidak sama, dasar yang dibuat di sini, dengan sini mungkin tidak sama. Itu yang jadi 'loan' ini tadi. Jadi, di negara lain mereka telah buat perubahan dalam struktur kewangan ini. Salah satu di UK, dia buat *financial services authority*. Ini, central bank, ini sektor swasta, di tengah-tengah duduk *financial services authority*, untuk kerja pemantauan Bank Negara, *out-source* kepada *financial services authority* kerana *financial services authority* terdiri daripada orang yang duduk di sini, dicampur dengan orang kerajaan, di mana Bank Negara, Kementerian Kewangan akan letak wakil dia, Bank Negara letak wakil dia dan orang di sini letak wakil dia. Dengan itu, proses itu lebih cepat, lebih memahami keperluan sektor swasta. Jadi, ini berlaku di banyak negara, trend ini sedang berlaku. Adakah kita tidak tengok akan perkembangan-perkembangan yang berlaku di dunia ini, yang kita tidak mahu buat macam itu. Kita masih lagi dengan cara kita dan tiap kali bila cakap, "Wah! Kita telah capai kejayaan besar". Tetapi, sebenarnya dari segi sistem itu tidak lengkap dan keberkesanan kerja menjadi tidak lengkap kerana kita tidak faham apa keperluan di sini. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah perubahan-perubahan yang berlaku di dunia yang kita hendak buat macam *financial services authority*, macam *financial ombudsmen*.

Saya tengok sistem ini bagus, cukup baik. Kita baru pada peringkat Bank Negara hendak wujudkan Unit Aduan. Selepas itu, bank ada Unit Aduan. Kalau saya hendak pergi bank, hendak pinjam duit, hadapi masalah, saya kena buat aduan di bank. Besar kemungkinan bank tersebut dia akan bagi *feedback* yang lebih kepada mempertahankan bank, bukan saya. tetapi, kalau kita wujudkan *financial ombudsmen*, kerajaan duduk situ dan orang-orang tertentu, kita lapor kepada dia. Macam di sesetengah negara, saya lihat setahun ada satu atau 50,000 aduan kepada *financial ombudsmen*. Dia buat kajian akhirnya, didapati hanya 20 *genuine cases*. Yang 20 ini dibawa kepada bank dan minta bank jawab dalam masa dua minggu.

Jadi, di sini kita dapat satu badan yang neutral, yang *independent*, yang tidak ada kaitan dengan bank, dia tidak ada *conflict of interest*. Kalau Bank Negara pun, dia letak pun ada sedikit sebanyak *conflict of interest* dengan bank-bank saudagar. Di sini, tidak ada, satu badan yang lain. Jadi, dengan itu tidaklah kita dengar masalah pinjaman kecil, masalah *housing loan* dan sebagainya tidak dibagi oleh bank. Macam-macam hendak buat peminjam-peminjam bayar lewat dan sebagainya. Kita ada *financial ombudsmen*. Jangan kita bebankan bank hendak buat kajian. Kajian ke atas orang dia, hendak panggil pengurus pinjaman. Kalau pengurus pinjaman, tentu dia bagi *feedback* yang pro kepada diri dia sendiri. Takkan dia hendak bagi *feedback* yang lain.

Jadi, tidakkah kita berfikir kita berhadapan dengan dunia global ini, supaya kita juga boleh bertindak secara global dengan mengadakan sistem-sistem yang lebih saksama lagi. Seterusnya, saya sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Bank Negara tentang cara kerajaan kita, cara Bank Negara untuk menjaga hutang negara. Bagaimana cara dia, pembayaran dia, macam mana hubung kait dia dengan rizab negara, rizab negara bayar hutang dia macam mana? Adakah selama ini kita menghadapi problem dari segi pembayaran hutang tersebut. Dapatkah Yang Berhormat jelaskan macam mana pihak Bank

Negara mentadbir dan mengurus pinjaman penghutang-penghutang negara terutama untuk bayaran luar. Biar kita tahu di Parlimen ini, kita lebih jelas dengan ini.

Di samping itu, dari segi tukaran asing ringgit kita, hutang kita *peg* dengan dollar, jadi macam mana pandangan Yang Berhormat RM3.8 dengan USD1 tertinggi, terendah. Adakah kita hendak tukar, adakah kita hendak pergi *floating* balikkah, apakah, dapat Yang Berhormat beri penjelasan.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua tentang tabung Bank Negara. Saya lihat Bank Negara ada beberapa tabung dan tabung ini sebenarnya tidak banyak orang tahu, ada berapa orang yang tahu, dan dia pun tidak beritahu orang dan dia seorang hanya dua orang benefit dari segi tabung tersebut. Daripada awal tadi saya kata Bank Negara tidak patut terlibat banyak business, tabung pun tidak patut Bank Negara buat. Bank yang buat, bukan Bank Negara. Tetapi, oleh kerana Bank Negara buat, okay Bank Negara buat. Kalau buat betul-betul, Bank Negara tidak boleh jadi Bank Negara. Bila dia ada tabung-tabung, dia *commercial, commercial benches*, so Bank Negara kena *market the product*, biar orang tahu. Ini, dia jadi Bank Negara, dia ada komersial punya product, dia tidak pasarkan, orang tidak tahu, rakyat tidak *benefit*, jadi, patut Bank Negara pasarkan. Ada banyak, galakan eksport, galakan macam-macam ada.

Dia patut dipasarkan. Maknanya, bila dia hendak jadi komersial betul-betul, Bank Negara hendak jadi komersial, *you go all out commercial*. Biar semua orang tahu, semua orang dapat *benefit* daripada tabung, daripada orang tidak tahu, akhirnya kita rugi. Di samping itu, dalam tabung-tabung yang Bank Negara *create* atau suruh bank *create*, kita ada banyak tabung antaranya tabung untuk pembangunan usahawan. Saya hendak sentuh sedikit Yang Berhormat, kerana saya tengok kita rugi. Kita buat tabung usahawan, kita hendak beri pinjam kepada siapa? Kita bagi pinjam kepada rakyat kita. Rakyat kita di mana? Rakyat kita di Malaysia. Untuk tujuan apa? Untuk tujuan kita bantu peniaga kita, usahawan kita, boleh jadi besar, dia pergi dunia antarabangsa. Dia buat *networking*, dia eksport ke luar.

Tidakkah Bank Negara atau Kementerian Kewangan tahu, di negara luar ada juga rakyat Malaysia yang berniaga. Di UK, berapa ratus rakyat Malaysia berniaga? Dalam bidang IT, dalam bidang profesional, dalam macam-macam bidang yang *small and medium size enterprise* ini banyak. Di US banyak dan di merata dunia kalau kita kira banyak. Jadi, tidakkah mereka rakyat kita dan *they are ready made, ready made global player* sudah. Mereka perlu loan. Tidakkah boleh *loan* ini kita *extend* kepada rakyat kita, yang kita kata kita hendak lahirkan *businessman* kita, *businessman* satu peringkat daripada tidak pandai hendak jadi pandai dalam negara. Sudah pandai kita hendak *expand* ke luar negara. Jadi, ada dua peringkat. Yang ini memang dia sudah ada sudah di luar negara.

Dia sudah bersaing dengan Orang Putih di UK and *they are very competitive*. Dan tidakkah boleh kita bagi *loan* ini kita bagi pada mereka, rakyat kita, orang Melayu pun ramai beratus orang. Yang Melayu, kalau hendak Melayu pun ada, hendak Cina pun ada hendak India pun ada, dia *ready made*. Di pasaran UK, di pasaran US, mereka *compete* di sana dengan tidak ada duit yang dibantu oleh kerajaan kita. Dia pinjam dari bank sana, kadangkalah dengan modal itulah, dia sudah *create that business* punya *enterprising* dia sudah *create* sudah. Yang kita hendak lahirkan ini belum ada *enterprising* lagi, *spirit*. Masih ada lagi orang yang keadaan dahulu dia gagal sebab tidak dapat *loan* untuk berjaya. Yang jadi kerani kerajaan ketawa ada *loan*, mikro kredit pergi minta. Dia tidak tahu tentang falsafah perniagaan, ini sudah tahu falsafah perniagaan sudah ada dalam pasaran. Tidakkah boleh *loan* ini kita bagi kepada mereka, rakyat kita.

Jadi saya harap Bank Negara - kerana saya bercakap dalam konteks kita duduk dalam dunia globalisasi dan kita hendak orang kita pergi *compete* ke luar negara apa semua supaya kita *competitive* jadi kalau sistem kita tidak *competitive*, tidak boleh. Macam kontraktor saya cakap, jadi saya minta maaf saya cakap. Di satu sudut kita *create market* ekonomi. Sesiapa pun boleh jadi kontraktor, 55,000 kontraktor ada dalam negara ini. Dari segi bagi *business* kita buat sistem sosialis, sosialis ini bukan jahat. Sosialis ini maknanya kerajaan pelan bagi, kelas F hendak bagi seorang satu. Dia tidak boleh hidup kalau kita hendak buat *market economy, all out market economy*. Kalau kita hendak buat sistem *government planning economy* dan *socialist* jangan bagi 55,000 jadi kontraktor. Kalau ekonomi kita boleh menanggung sebanyak 15,000, 15,000 sahaja kontraktor. Maknanya

kemasukan kontraktor itu tidak melalui sistem *laissez-faire*, tidak melalui sistem ekonomi terbuka, dihadkan kepada 15,000 untuk dapat tanggung keperluan negara kita. Tetapi di satu pihak di sini, kita buat sistem *market economy* sesiapa pun boleh jadi kontraktor. Yang jadi kerani ini pun tengok bidang ini boleh jadi kaya, dia masuk, sampai 55,000. Padahal ekonomi kita hanya boleh tanggung 15,000. Dari segi pembelian projek kita bagi pula Kelas F, orang ini satu, orang ini satu, ini *government planning* punya sistem. Jadi dia tidak mahu jadi begitu, maknanya kalau kita buat sistem *market economy*, masuk *market economy* dari segi hendak projek *market economy*, bersaing, masuk tender. Siapa yang kuat, *survive*. Di Amerika Syarikat setiap sepuluh syarikat yang buka satu sahaja yang *survive*, mengapa kita hendak 100% *survive*? Ini berlawanan dengan sistem *market economy*, jadi ini tidak boleh jadi. Itu sebab sampai ada 55,000 kontraktor, macam mana hendak *survive*, 55,000 ini, macam mana hendak tanggung 55,000? Kerana kita telah bawa dua sistem iaitu sistem *market economy* dan *government planning* punya sistem.

Jadi itu saya lihat di sini maknanya kalau kita hendak *adapt* kepada sistem, *we must adapt fully*. Macam kes saya kata tadi, saya anggap itu penting ya Tuan Yang di-Pertua, Yang LC tadi itu, cukup penting. Saya pergi, orang Algeria beli barang dari kita, SC dalam bahasa French, bank kita tidak terima, *so how to globalize*, Singapura terima. Saya harap kita check berapa banyak kelapa sawit kita dijual oleh orang Singapura, kerana itu sahaja. Kerana LC dalam bahasa French tidak diterima oleh *local bank*, apa sangat. Tidak ada penterjemah dalam bahasa French, bukan kita teruk sangat Malaysia ini, *because* mentaliti kita macam itu. Fasal kita *just protect the old system*, bila *the new way* datang ini, oh! Ini French sudah tidak boleh ini. Akhirnya berapa banyak, berapa bilion kita punya kelapa sawit dijual oleh *traders* oleh Singapura dia sudah untung daripada *business* yang kita letak baja kita yang hendak menghasilkan buah kita, dia jadi *trader* dia untung berbilion lagi. Jadi saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih, siapa lagi yang berdiri ini?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kubang Kerian? Ha..saya ingat semua duduklah. Silakan, Kubang Kerian.

## 12.15 tgh

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam Akta Bank Negara (Pindaan) 2003, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sekejap tadi bahawa Rang Undang-undang ini dibentangkan bagi membolehkan Bank Negara berfungsi untuk mengawal perjalanan bank-bank di negara kita dengan lebih baik dan berkesan, selain daripada memasukkan satu perkara baru iaitu untuk menubuhkan satu panel penasihat syariah bagi menyelaraskan semua aktiviti *banking* yang berasaskan bank syariah ataupun *Islamic banking* di Malaysia. Sehubungan dengan ini saya ingin membangkitkan satu dua perkara.

Yang pertama ialah walaupun Bank Islam telah berkembang dengan pesat dan sistem perbankan Islam telah diterima sebagai satu sistem yang baik dan berkesan sehingga kita membincangkan Rang Undang-undang ini bagi membolehkan Bank Negara memasukkan beberapa perkara selaras dengan perkembangan perbankan Islam, saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan kenapakah pada masa yang sama terdapat bank-bank yang dimiliki oleh kerajaan yang masih lagi tidak mengamalkan sistem perbankan Islam yang sepenuhnya? Terutama dalam produk-produk yang dikira sudah diterima oleh pengguna di Malaysia sebagai lebih baik, lebih berkesan dan lebih menjimatkan daripada sistem konvensional.

Selain daripada Bank Islam, kerajaan juga memiliki beberapa bank yang lain umpamanya Bank Pembangunan dan Infrastruktur dan bank-bank yang lain. Tetapi bank-bank ini tidak sepenuhnya berjalan mengikut sistem perbankan Islam bahkan masih lagi mengamalkan sistem konvensional terutama dalam perkara-perkara seperti yang telah diterima umum sebagai lebih baik iaitu umpamanya iaitu pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan sebagainya.

Yang kedua saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Tambun dalam era globalisasi sekarang, seharusnya kita juga memberi peluang kepada bank-bank Islam yang beroperasi di luar negara kita umpamanya Bank Of Taqwa di Switzerland untuk mempunyai cabang ataupun cawangan mereka di Malaysia.

Saya ingin bertanya pihak kerajaan sejauh manakah perkara ini telah dikaji semula bagi membolehkan bank-bank Islam yang beroperasi di luar negara sama-sama mempunyai peluang untuk membuka cawangan mereka di Malaysia terutama sekali, umpamanya di Labuan.

Sehubungan dengan ini, kita lihat kerajaan melalui Bank Negara dan LOFSA telah pun meluluskan beberapa bank luar negara untuk beroperasi di Labuan. Secara khusus dalam perbahasan saya ini, saya akan tumpukan kepada kelulusan yang telah diberikan oleh Bank Negara dan LOFSA kepada Commercial IBT yang kini beroperasi di Labuan.

Saya ingin menarik perhatian kerajaan kepada isu khusus ini dan saya berharap dalam masa penggulungan kerajaan akan memberikan jawapan yang tepat kepada apa yang saya akan bangkitkan.

Dalam sidang yang lalu, saya telah mengemukakan dua pertanyaan bertulis kepada Kementerian Kewangan berkenaan dengan Commercial IBT dan saya telah pun mendapat jawapan daripada pertanyaan tersebut.

Jawapan yang pertama ialah apakah syarat-syarat bagi membolehkan satu bank luar negara diberikan lesen untuk beroperasi di Labuan, kementerian telah memberikan jawapan ada tujuh syarat.

Satu daripada tujuh syarat itu ialah sesebuah institusi yang akan dilesenkan di Labuan mestilah sebuah bank, ia tidak boleh sebuah syarikat biasa, mestilah sebuah bank dan barulah LOFSA dan Bank Negara boleh memberikan lesen kepada bank ini untuk beroperasi.

Dalam kes Commercial IBT, saya telah membuat sedikit kajian dan maklumat, saya dapati Commercial IBT bukan bank, ia hanya sebuah syarikat berdaftar RM2, Two- Dollar Company di Australia. Dalam permohonannya kepada Bank Negara, Commercial IBT telah mengisi satu borang, satu permohonan yang menunjukkan bahawa kononnya alamat bank ini di Australia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah beralamat di Level 8, 303 Collins Street, Melbourne, Australia.

Pada hari ini, jika kita membuat semakan alamat yang diberikan hanyalah *answering phone office* di mana kalau kita telefon, dia *share office* itu untuk *answering phone* untuk menjawab panggilan telefon dan tidak ada satu bank, bukan hanya satu bangunan bank yang besar, satu bangunan kecil, satu *floor* bank pun tidak ada, satu kaunter kecil pun tidak ada, hanya satu sudut *answering phone office*.

Dan alamatnya di Labuan - Australia jauh, Dato' Timbalan Menteri Pendidikan dok perhati ke mana saya boleh pergi - Australia, mungkin dia tanya macam itu, kita pergi Labuan – dekat. Di Labuan, ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sri Gading lama tak jumpa. Alamat Commercial IBT ialah 0201 Second Floor, Lucas Kong Building UO 185, Jalan Merdeka, Labuan. Kita baru merdeka.

Sekarang juga kita pergi, kita akan dapati ini ialah satu *office* syarikat lain sama sekali, sebuah syarikat insurans yang tidak ada kena-mengena dengan *banking*, yang tidak ada kena-mengena dengan Commercial IBT, tetapi inilah alamat yang diberikan kepada

LOFSA dan Bank Negara dan inilah yang telah diluluskan oleh Bank Negara sebagai sebuah bank yang mempunyai satu cabang di Labuan.

Mengikut suatu kenyataan akhbar oleh Dr. Andrian Ong, Chairman kepada Commercial IBT Bank bahawa bank ini mempunyai harta, aset dan juga deposit ialah sebanyak US\$8 billion kali empat 32 lebih kurang RM32 billion. Satu jumlah yang sangat besar. Mengikut penjelasan Dr. Andrian, dia ini adalah seorang lulusan Ph.D daripada Melbourne University, tetapi mengikut satu *reporter* yang telah pergi menemu bual beliau, didapati beliau bukan ada Ph.D pun dan Dr. Andrian adalah seorang rakyat Malaysia.

Mengikut suatu kenyataan lebih tepat lagi ialah satu surat yang dikemukakan oleh Commercial IBT kepada beberapa badan berkanun di Australia, pada 22 Ogos 1999 dan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Kementerian Kewangan, bank ini diberikan lesen pada bulan Mac 2002, baru setahun yang lepas untuk beroperasi di Labuan.

Pada waktu itu, Menteri Kewangan telah dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tidak pasti adakah Yang Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan mengetahui sepenuhnya isu ini pada waktu itu dan pada waktu ini, tetapi yang meluluskan lesen ialah semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan iaitu dalam bulan Mac 2002 dan Tun Daim ataupun Yang Berhormat daripada Merbok telah meletakkan jawatan pada bulan Jun 2001, kalau tidak silap saya.

Dalam suratnya kepada Commonwealth Treasurer dan Australian Securities and Investment Commission, surat yang sama bertarikh 2 Ogos 1999, Commercial IBT memberitahu dua agensi Australia ini bahawa mereka mempunyai lapan orang *shareholders*, lapan pihak ataupun lapan *entity shareholders*, hanya lapan, tidak lebih daripada itu dan mereka asalnya mempunyai nama yang lain, tetapi ditukar mengikut surat tersebut, *the reason, the name Commercial Bank Trust is used by one of the shareholders*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *whose shares have been held in trust has the surname of "Bank", the companies main activity was the intention of Mr. Bank*. Daripada lapan orang pihak pemegang saham tadi, ada seorang Mr. Bank, dia itu sendiri adalah orang tetapi dia adalah bank.

Oleh kerana dia adalah pemegang saham terbesar dan juga adalah pendeposit yang paling banyak menyimpan wang dalam Commercial IBT, beliau telah meminta supaya nama ini ditukar kepada Commercial IBT ataupun Bank IBT ini kerana memenuhi hasratnya sebagai Mr. Bank. Kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tolong catat supaya ada penjelasan pada petang ini.

Surat menyurat telah berlangsung dengan Gabenor Bank Negara, bertanya Gabenor Bank Negara bagaimana Bank Negara boleh meluluskan lesen kepada satu US\$2 company satu lesen bank yang mengikut *rating* yang diberikan oleh Rating Agency Malaysia (RAM) kononnya Commercial IBT ialah memang sebenarnya sebuah bank yang sebenar.

Saya tidak tahu adakah Bank Negara sedar *rating* yang palsu ini dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Bank Negara kepada agensi *rating* ini yang telah memberikan gambaran palsu kepada kita di Malaysia, bahawa Commercial IBT adalah bank walaupun badan ini bukan bank.

Seharusnya Bank Negara dengan secepat kilat bertindak terhadap surat menyurat yang telah berlangsung yang mempersoalkan kesahihan kelulusan bank ini kepada Commercial IBT, tetapi sampai hari ini tidak ada *responds* sama dengan surat saya kepada Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan MAS Catering di mana adik beliau telah membeli saham majoriti melalui 'Guban Saujana' dengan rakan kongsi daripada Jerman, kita kata "Malaysia Boleh", Malik Mydin boleh berenang Selat Inggeris, Datuk Mansor boleh belayar solo, kita boleh naik Gunung Everest tetapi hendak jaga dapur MAS tidak boleh. Berenang boleh, terbang boleh, belayar boleh, hendak urus dapur Malaysia tidak boleh, terpaksa ambil syarikat asing daripada Jerman dan orang Malaysia menjadi broker ataupun orang tengah untuk mengaut untung yang murah dengan dua klausa iaitu 'halal' *compliance* telah cuba diganggu dan juga jaminan keuntungan selama 108 bulan, surat ini juga tidak berjawab, walaupun Timbalan Perdana Menteri kita baca sajak, saya bukanlah akan mengumpulkan harta bertimbun-timbun .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak kena-mengena Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tak kena-mengena, betul.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Patah balik. *[Ketawa]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Patah balik. Surat ini juga sama dengan nasib surat kepada Timbalan Perdana Menteri yang tidak ada jawapan, surat kepada Gabenor Bank Negara juga tidak mempunyai sebarang *responds*, walaupun isu ini adalah satu isu yang sangat besar.

Persoalan yang lebih menarik ialah siapakah Mr. Bank itu, seorang rakyat Malaysia yang mempunyai kekayaan yang demikian besar dan daripada mana Mr. Bank ini dapat duit dia? Ini satu soalan yang menarik, Mr. Bank mempunyai lebih kurang US\$6 billion deposit dalam Commercial IBT dan beliau adalah seorang rakyat Malaysia.

Adakah Bank Negara sedar perkara ini dan adakah Bank Negara boleh memberikan penjelasan siapakah Mr. Bank yang menyimpan deposit dalam Commercial IBT di Labuan RM6 billion tersebut pada hari ini.

Saya tidak akan mendedahkan identiti Mr. Bank pada hari ini, tetapi ini adalah tanggungjawab Bank Negara memberikan penjelasan siapakah Mr. Bank ini, bagaimana beliau boleh mengumpul kekayaan sedemikian besar sehingga untuk mengelakkan daripada mungkin disiasat ataupun didedahkan akaunnya di luar negara di Switzerland umpamanya, sekarang sudah tidak selamat, bukan macam dahulu lagi, *secrecy* bank sudah berubah, kita boleh lebih telus dan mendapatkan maklumat-maklumat daripada bank luar negara.

Mungkin ini yang mendorong Mr. Bank untuk mempengaruhi ataupun membeli sebuah syarikat kecil di Australia dan kemudiannya telah mendaftarkan sebagai sebuah bank dan membuka cawangannya di Labuan dan wang tersebut disimpan di sana untuk lebih selamat.

Saya telah memberitahu bahawa dua agensi Australia tadi telah menerima surat pada tahun 1999 berkenaan dengan kenyataan pengurusan komersial IPT bahawa mereka bukan satu bank yang aktif. Mereka dan *company's main activity* mengikut surat tersebut - dengan izin - Tuan Yang di-Pertua, *is that of passive investment only* - hanya satu pelaburan pasif dan ia bukan satu bank yang menerima deposit dan kemudiannya melaburkan secara agresif dalam industri perbankan. *The company has never* - dengan izin - Tuan Yang di-Pertua, *nor will ever have the intention of representing itself as a regulated trust*. Akan tetapi dalam *rating* yang diberikan oleh RAM sebaliknya telah dilaporkan bahawa Commercial IBT ialah sebuah bank yang sangat aktif, yang sangat *prudent*, yang sangat menguntungkan dan sebagainya. Ini satu *rating* yang palsu sama sekali.

Di manakah Bank Negara? Di manakah tindakan Bank Negara terhadap laporan ini, terhadap kedudukan ini? Inilah penjelasan-penjelasan....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Hendak bertanya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, Kuala Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kuala Kedah, hendak bagi? Ya, sila.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Saya ingin bertanya fasal bank ini, saya hendak bertanya orang yang tahu ekonomi. Undang-undang Australia diberitahu bahawa kalau sesebuah bank atau syarikat melabur di luar negara pun mereka dicukai. Di Australia itu mereka kena bayar *tax*. Adakah dalam kajian Yang Berhormat Kubang Kerian bahawa Commercial IBT ini ada membayar cukai kepada Kerajaan Australia? Kalau tidak ada, ertinya deklarasi harta mereka USD6 *billion* ini hanya di Malaysia, tetapi tidak di Australia kerana di Australia mereka amat mengambil berat jikalau wang itu dilabur di luar negara pun, mereka cukaikan di peringkat negara Australia itu sendiri. Minta penjelasan sedikit dalam hal ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kuala Kedah yang memahami, yang mengikut perbincangan saya, setakat yang kita tahu Commercial IBT tidak membayar sebarang cukai pendapatan walaupun mereka kata mereka ada aset USD8 *billion*.

Saya berbalik tadi kepada dua kenyataan yang bercanggah iaitu Commercial IBT mengikut laporan RAM bertarikh Mei 2002, iaitu dua bulan selepas Commercial IBT mendapat lesennya pada Mac 2002, begitu cepat sekali. Mac keluar lesen dan buka opis di tempat yang dikatakan opis tadi, tetapi sebenarnya bukan opis dia dan sebulan kemudian, dua bulan kemudian, RAM kemudian telah membuat satu *rating* yang telah diterbitkan. Dalam *rating* ini kata RAM, Commercial IBT ialah sebuah badan kewangan, badan bank yang *regulated* ataupun dikawal selia oleh Australian Securities Investment Commission (ASIC) dan Reserve Bank of Australia. Sesebuah bank mesti dikawal oleh Bank Negara ataupun Bank Pusat sesebuah negara.

Untuk membolehkan Commercial IBT mendapat lesen, perkara yang paling *simple* sekali ialah Bank Negara perlu mendapatkan penjelasan ataupun maklumat daripada central bank mana-mana negara di mana kononnya bank tersebut ditubuhkan sama ada bank ini dikawal selia oleh bank negara di negara tersebut – sangat mudah. Commercial IBT tidak pun - mengikut dua agensi yang saya sebutkan tadi - dikawal selia oleh mereka, tapi masih Bank Negara mengeluarkan lesen kepada Commercial IBT. Saya ingat ada sesuatu yang sangat luar biasa yang telah mempengaruhi sebuah institusi yang begitu mulia, yang harus memikul tugas mengawal bank-bank yang lain.

Bank lain dia kena kawal, dia sendiri tidak boleh kawal, itu adalah suatu perkara yang sangat mendukacitakan. Satu perkara yang sangat besar yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan. Saya berharap Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan mengambil kesempatan daripada ucapan saya ini untuk menyiasat perkara ini secara terperinci. Dan kalau Setiausaha Parlimen tidak dapat memberikan penjelasan pada petang ini kerana terhadnya maklumat-maklumat yang ada pada waktu ini, saya berharap Menteri Kewangan dapat memberikan penjelasan pada kesempatan yang lain.

Berbalik kepada bank yang lain, baru-baru ini kita dikejutkan oleh satu laporan muka depan di sebuah surat khabar, saya ingat Malay Mail, iaitu satu *fraud* di Bumiputera Commerce Bank. Kita semua tahu Bumiputera Commerce Bank ialah gabungan di antara Bank Bumiputera iaitu satu *merger* di antara 'cacing dengan naga', di mana cacing telah makan naga iaitu bank yang lebih kecil makan bank yang lebih besar dan akhirnya lahirlah BCB.

Mengikut Kesatuan Pekerja-pekerja Bank Kebangsaan, mereka telah membuat satu laporan polis bahawa ada satu *fraud* yang berlaku di Bumiputera Commerce Bank dan report ini telah dibuat di Balai Polis Jalan Dang Wangi yang mencatatkan beberapa perkara. Antara lain ialah berkenaan dengan bagaimana urusan-urusan bank yang dianggap bukan *core business* kepada BCB telah diswastakan ataupun disalurkan untuk diuruskan oleh sebuah syarikat yang lain iaitu APIC (I) Sdn. Bhd. dan di antara perkara yang dilaporkan bahawa APIC (I) Sdn. Bhd. ini telah membuat pembayaran-pembayaran kepada pihak-pihak ketiga sepanjang operasi mereka. Laporan ini telah dibuat lebih kurang dalam pertengahan Ogos 2003. Saya tidak tahu selain daripada polis, adakah Bank Negara membuat suatu penyelidikan ataupun penyiasatan mereka sendiri terhadap laporan ini.

Kita masih ingat hampir dengan Persidangan Agong UMNO yang baru lalu, di mana kain-kain sepanduk, poster-poster, *billboards* dan *flyers* telah diedarkan yang menunjukkan bahawa para pekerja dan kakitangan di BCB tidak berpuas hati dengan nasib mereka selepas daripada penggabungan ini berlaku di mana mereka telah dikebelakangkan dari segi *benefit* gaji dan pendapatan lain-lain semasa mereka bekerja dengan BCB. Pada waktu itu Persidangan Agong UMNO berlangsung, dan poster-poster ini dinaikkan di seluruh negara terutama berhampiran dengan PWTC.

Kita juga tahu bahawa sebahagian daripada pekerja bank ini telah dibuang sebelum ini melalui VSS dan sebahagian mereka ini pada masa sekarang telah menjadi penganggur untuk membolehkan penggabungan ini berkuat kuasa, tetapi pada masa yang sama pihak-pihak pengurusan di BCB telah menggunakan kedudukan mereka membelakangkan

kepentingan bank pada umumnya dan juga telah menyebabkan pekerja-pekerja bank tidak berpuas hati.

Saya berharap dalam kesempatan pada hari ini, pihak kerajaan dapat memberikan penjelasan terhadap sensitiviti Bank Negara untuk mengkaji dan juga meneliti rungutan-rungutan yang diberikan oleh pekerja-pekerja BCB. Saya juga telah dihubungi oleh pekerja-pekerja bank yang lain supaya saya membangkitkan kedudukan mereka, nasib mereka sebagai pekerja-pekerja bank di bawah penggabungan yang ada sekarang supaya kerajaan bukan sahaja melihat *merger* ini dalam perspektif untuk mendapatkan sebuah bank yang lebih raksasa dan gagah, tetapi juga nasib para pekerja yang berada di bawah payung bank-bank ini lebih kurang sama dengan nasib yang akan menimpa para pekerja BERNAS yang seramai 3000 orang, di mana mereka akan mendapat VSS kononnya kerana BERNAS mengalami kerugian, tetapi sebenarnya kerugian ini, kata BERNAS, ialah kerana penyeludupan beras-beras bukan sahaja dari kapal....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada kena mengena, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kena mengena, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak kena mengena lagi. Saya minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya terlajak sedikit. Saya berharap nasib para pekerja BERNAS tidak akan sama sekali dengan para pekerja bank ini, akan menerima VSS daripada BERNAS.

Saya pergi kepada dividen yang diterima oleh bank-bank di mana kerajaan menjadi pemegang saham yang terbesar. Saya tidak sempat pada pagi ini mendapat angka-angka tersebut, tetapi dalam bacaan saya pada sidang yang lepas, dalam buku Anggaran Hasil Kerajaan yang dibentangkan pada setiap tahun, kita dapati bahawa bank-bank ini yang sebahagiannya telah menerima pelaburan besar oleh kerajaan, umpamanya Bank Infrastruktur saya ingat Petronas menyumbang lebih kurang RM2 bilion dan kerajaan juga menyumbangkan beberapa bilion ringgit, dividen yang diberikan adalah kurang daripada RM500 satu tahun. Saya tidak boleh faham macam mana sebuah bank yang demikian besar, dengan modal yang sedemikian besar hanya dalam satu tahun boleh memberikan dividen balik kepada kerajaan *less than* RM500. Jadi saya ingin dapatkan penjelasan, mengapakah bank-bank ini memberikan dividen yang begitu rendah kepada pelaburnya iaitu kerajaan dan dengan modal yang demikian besar mereka telah menggunakan wang kerajaan tetapi pulangannya adalah sangat sedikit.

Semasa mula-mula Dato' Seri Anwar Ibrahim dipecat, saya rasa sebahagian daripada kita telah melihat dokumen-dokumen yang dikeluarkan termasuk senarai peminjam-peminjam lapuk Bank Bumiputra. Saya pada masa itu melihat senarai tersebut tetapi kerana bimbang ia berkaitan dengan OSA maka saya hanya hafal senarai tersebut dan sebahagiannya dan tidak menyimpannya sampai hari ini.

Saya masih ingat di antara peminjam tersebut kalau saya silap, kerajaan boleh memberikan penjelasan iaitu beberapa orang Menteri dan Menteri Besar, Timbalan Menteri dan Ahli-ahli Parlimen yang telah diberikan pinjaman di bawah Bank Bumiputra pada waktu itu tetapi tidak pernah membayarnya dan telah dikelaskan sebagai hutang lapuk.

Di antaranya ialah Menteri Besar Perlis, RM5 juta pinjaman dengan Bumiputra Commerce (Bank Bumiputra) pada waktu itu, *consider as bad loans*, dengan izin. Dan banyak lagi. Banyak lagi. Oleh kerana senarai tersebut tidak ada pada saya pada waktu ini tetapi insya-Allah kalau perlu kita boleh dapatkan di mana-mana dengan nombor akaunnya, dengan nombor IC nya, dengan tarikh pinjaman tersebut dibuat, berpuluh-puluh juta ringgit wang yang dipinjamkan kepada orang politik ini tidak dibayar.

Inilah yang menyebabkan bank-bank kita sakit. Saya tidak tahu adakah Bank Negara sedar pada waktu itu, pinjaman-pinjaman politik seperti ini, dan saya tidak tahu, adakah pinjaman politik ini masih wujud pada waktu ini. Adakah Bank Negara benar-benar ikhlas untuk menghentikan pinjaman politik yang sudah tentu tidak dibayar oleh mereka.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Apakah amalan yang diamalkan oleh kerajaan UMNO ini sama seperti mana yang diamalkan oleh kerajaan LDP di Jepun di mana *law makers* ataupun Ahli-ahli Parlimen daripada Parti LDP juga telah membuat pinjaman daripada bank di Jepun dan juga dikategorikan sebagai hutang lapuk dan dikecualikan oleh Kerajaan Jepun. Apakah amalan yang sama yang dibuat oleh kerajaan UMNO sebagaimana LDP di Jepun? Minta penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat bagi Jeli adalah seorang yang global, saya hanya tumpu dalam Malaysia sahaja. Jepun kah apa semua, dia hendak runtuh, runtuhlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi dalam Malaysia ini, kita tidak hendak bank-bank ini runtuh kerana ahli politik dapat pinjaman untuk faedah politik dan kemudian tidak ada tindakan diambil.

Bank ini telah berkubur tetapi hutang ini wajib dibayar kerana Petronas pernah menyumbang kepada Bank Bumiputra suatu masa dan kerajaan sendiri pernah menyumbang bilion ringgit wang kita semua. Mengapa hanya orang politik segelintir ini diberikan keistimewaan untuk mendapatkan pinjaman tidak berbayar ini.

Inilah masalah-masalah yang melanda ekonomi dan negara kita. Pada hari ini kerajaan akan mengulangi perkara yang sama dengan cara yang lebih besar lagi. Bank Muamalat akan dijual kepada Syed Mokhtar al-Bukhari sebanyak 40% sedangkan Syed Mokhtar telah memiliki segala-galanya. Bukan saya hendak bermusuh dengan Syed Mokhtar. Saya hanya hendak letak *limitation*.

Kapasiti seseorang ada *limit* nya. Bagaimana satu orang boleh menguruskan segala-gala. BERNAS dia beli dari adik ipar Menteri Besar Perlis – Dohat, Dolmat, Dohat.

**Tuan Muhamad bin Sabu:** Dohat Shafii.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dohat Shafii. Yang Berhormat lebih mahir daripada saya tentang BERNAS.

**Tuan Muhamad bin Sabu:** Kawan kami.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Mengikut laporan, pembelian BERNAS, *cash* ialah RM100 juta dan wang ini diperoleh oleh *shareholders* yang asal termasuk Dohat, adik ipar Menteri Besar Perlis dan anak saudara beliau.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak berkaitan Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Berkaitan dengan Bank Muamalat.

**Tuan Muhamad bin Sabu:** Bank Negara...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia beli BERNAS, dia beli Port Tanjung Pelepas, dia beli Port Johor, dia beli MMC, dia beli apa lagi...

**Tuan Muhamad bin Sabu:** MPH.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** MPH, kecil, MPH kecil. .... PERNAS dan hendak beli kereta api lagi. Mana hendak dan Tuan Yang di-Pertua, tolonglah! Tidak adakah orang lain dalam Malaysia ini? Bank Muamalat pun dia ambil, *banking* pun dia ambil, beras pun dia jaga, gula pun jaga dan BERNAS bukan sahaja berniaga beras, dia juga akan menjadi monopoli pengimport bawang...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, masuk tajuk boleh, kalau tidak masuk tajuk, saya tidak bagi.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Okey, tajuk sahajalah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya mana tahu...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak Yang Berhormat ini banyak menyentuh kepada peribadi seseorang yang belum tentu kesahihannya. Hanya bercakap dan memberi laporan dengan menyebut.....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** .....belum, belum tentu. Dia kata mungkin oleh politik tetapi mungkin orang itu tidak terlibat. Jadi ini sudah menyebut nama. Dari segi peraturan mesyuarat pun tidak baik kita menyebutkan nama seseorang...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Itulah, parti Parti PAS. Bila kita cakap menyebut peribadi seseorang, dia kata tidak betul tetapi bila dia cakap, menyebut nama. Kalau orang itu tidak salah, kita mengumumkan nama seseorang itu, itu satu dosa Yang Berhormat.

Saya hendak tanya, adakah salah dari segi undang-undang, seorang membeli saham, membeli apa juga aset dengan harta dia sendiri, adakah menjadi kesalahan. Dia tidak ada menyeleweng. Dia tidak ada menipu. Ini pun dibangkitkan kerana orang itu berkemampuan untuk menyelamatkan, ada kewangan. Adakah ini satu kesalahan dari segi undang-undang? Saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa isu yang perlu diberikan penjelasan. Yang pertama, adakah boleh atau tidak boleh kita sebut nama orang dalam Dewan Rakyat ini. Kalau kita sebut dengan niat yang tidak baik dan tidak mempunyai fakta, kita tidak boleh sebut...

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi inilah satu tempat di mana urusan negara harus dibincangkan. BERNAS adalah urusan negara. PERNAS adalah urusan negara. Siapa berani kata, Syed Mokhtar tidak beli BERNAS, PERNAS, Port Tanjung Pelepas, Port Johor, siapa kata? Kalau Yang Berhormat bagi Tebrau berani, boleh. Ini ada dalam surat khabar tiap-tiap hari...

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** *[Ketawa]* Saya tidak .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup. Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, tidak mengapa, saya bagi izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:** Yalah Yang Berhormat, kalau saya mampu, saya beli. Orang pun akan ketawa kalau saya beli, saya tidak mampu tetapi Yang Berhormat tadi cakap tidak jadi salah. Mana tak salah. Yang Berhormat menyebut Menteri Besar Perlis. Menteri Besar Perlis ada lapan orang, yang sudah meninggal pun ada, yang hidup pun ada. Saya tidak tahu. Jadi maknanya seolah-olah semua Menteri Besar Perlis yang tidak ada

pinjam pun, dia itu Menteri Besar, dia pun bersalah sama. Itu yang saya kata tidak kena. Lepas itu sebut nama, peribadi seseorang, itu tidak kena walaupun di dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat. Jadi saya hukum, kalau orang itu tidak salah, disebut peribadi orang itu di dalam Dewan yang mulia ini, dia menanggung dosa.

**Beberapa ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, berhati-hati Yang Berhormat, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kalau saya tidak sebut kesalahan ini, saya tanggung dosa. Menteri Besar Perlis, dengan bekas menteri pun dia tidak faham. Saya cakap Menteri Besar Perlis, bukan bekas Menteri Besar Perlis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tidak salah kita beli, tidak salah. Tetapi adakah negara kita akan tergadai kepada hanya satu orang. Ini isunya...

**Tuan Muhamad bin Sabu:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kuala Kedah.

**Tuan Muhamad bin Sabu:** Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya ingin minta penjelasan. Barangkali kebimbangan Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ini, adakah kerana dahulu semua projek dilonggokkan kepada Halim Saad. Kemudian apa jadi kepada Halim Saad dan kebanyakan dipikul termasuklah kita kata, Renong dan sebagainya akhirnya terpaksa diselamatkan oleh Danaharta kerana longgokkan kepada Halim Saad.

Apakah Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bimbang sekarang. Dengan longgokkan kepada Syed Mokhtar, satu hari bila naik Perdana Menteri lain, dia bukan lagi orang yang rapat dengan dia itu, maka dipindahkan pula *favorite* itu kepada orang lain maka Syed Mokhtar akan jadi senasib seperti Halim Saad. Apakah ini kebimbangan yang ....., dan apabila jatuh mereka bersekali dengan harta negara. Jadi saya minta penjelasan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat bagi Kuala Kedah sangat pintar, memang itulah satu daripada kebimbangan saya. Semasa Tan Sri Halim Saad jadi hero korporat negara kita, segala kemudahan diberikan. Sehingga kita membeli Nasional Steel daripada Filipina dan tiga bank di negara kita telah beri pinjaman sebanyak RM3 bilion. Saya masih ingat, Maybank, satu bank lain, tetapi yang paling besar ialah Maybank – Nasional Steel di Filipina dan kemudian Nasional Steel itu lingkup. Apa jadi RM3 bilion tadi? Kerajaan ambil alih RM3 bilion tersebut melalui Profit Investment yang didaftarkan di Hong Kong.

Tiap-tiap kali kita tahu bila didaftar di Hong Kong dan Taiwan atau pun di Jepun itu jalan yang paling mudah, wang kita lesap. Kita sudah berapa kali kena tipu orang Hong Kong – BMF, Perwaja, sampai hari ini tidak boleh siasat kerana akaun itu dibuka di Hong Kong dan Jepun.

Balik kepada apa yang saya telah sebutkan tadi, satu orang tidak boleh menguruskan semua, segala-gala. Tidak mungkin ada satu orang mempunyai keupayaan untuk menguruskan dengan *prudent* semua gergasi-gergasi, agensi-agensi negara kita dalam satu masa. Ini kebimbangan saya.

Jadi, kita agih-agihkan kekayaan ini. Saya tahu bahawa pengagihan kepada Syed Mokhtar Bokhari mungkin ada kena-mengena *investment* yang dilakukan oleh parti pemerintah kita, yang dulunya di bawah *nominee* satu orang lain dan sekarang dialihkan kepada satu orang yang lain.

Yang Berhormat bagi Tebrau ingin tahu apa rosaknya bila satu orang beli dan kononnya dia ada wang untuk beli segala-galanya. Saya ambil contoh yang mudah, PERNAS. PERNAS apabila diambil alih oleh Syed Mokhtar telah membeli dua bidang tanah dengan harga dua kali harga pasaran di Johor. Ini masalah kita, kerana macam PERNAS, walaupun dia rugi pada hari ini tetapi dia ada duit *cash* yang besar.

Bila kita ambil alih syarikat ini, institusi ini, kita menguasai harta-hartanya termasuk wang tunai yang ada dalam institusi ini dan kita gunakan untuk – macam dalam kes PERNAS untuk faedah sebaliknya iaitu dua bidang tanah yang mengikut laporan akhbar yang tidak dinafikan sehingga hari ini.

Mengapa Yang Berhormat bagi Tebrau begitu sensitif? Tidak dinafikan sehingga hari ini mengikut laporan akhbar bahawa PERNAS selepas diambil alih oleh Syed Mokhtar telah membeli dua bidang tanah *related to* Syed Mokhtar, *double the market price*. Tetapi oleh sebab Yang Berhormat bagi Tebrau, saya ingat tidak baca perkara-perkara tersebut .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pindah yang lain Yang Berhormat, ia tidak berapa kena-mengena.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Bank Negara lagi. Saya ada baca satu laporan berkaitan dengan BERJAYA Group, yang baru sahaja ditamatkan ataupun telah menghentikan kasino, walaupun namanya ialah slot mesin tetapi saya telah dihubungi oleh satu orang pakar dalam perkara tersebut, telah memberitahu, mengapa Perdana Menteri marah kepada Bukit Tinggi Resort Berhad, ialah kerana slot mesin ini sekarang ia sambung dengan internet. Walaupun namanya slot mesin, ia adalah kasino.

Pemegang sahamnya, Yang Berhormat bagi Tebrau sudah tahu RM63 juta saham dipegang oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia adalah Menteri bergaji, kita bayar gaji dia untuk jadi Menteri dan dia buka kedai judi. Perdana Menteri sendiri dalam surat khabar muka depan Mingguan Malaysia telah memberitahu, sekembalinya daripada luar negara bahawa BERJAYA, Bukit Tinggi telah menyalahgunakan lesen ini, sebab itu Perdana Menteri marah dan batalkan. Siapakah yang menyalahgunakan lesen ini? Bukit Tinggi. Siapakah pemegang saham Bukit Tinggi? Menteri. Bermakna Menteri yang telah menyalahgunakan lesen ini. *[Tepuk]* Kenapakah tidak pecat Menteri ini?

Yang saya hendak kaitkan mengenai BERJAYA Group ini ialah satu laporan kepada Bank Negara. Great Eastern Life Malaysia, Great Eastern secara ringkasnya, telah disiasat oleh Bank Negara. Saya ingin tahu kedudukan siasatan ini. Siasatan ini berkaitan dengan bagaimana BERJAYA Sports Toto yang menguruskan perjudian telah memberikan pinjaman kepada emak ataupun bapa dia sendiri iaitu Holding Company dan ini telah menyebabkan saham BERJAYA pada keseluruhannya telah jatuh. Oleh kerana Great Eastern telah melabur sebahagian besar wangnya dalam BERJAYA Group, Great Eastern telah mengalami kerugian yang sangat besar dan ada berlaku apa yang disifatkan sebagai salah laporan kewangan yang telah menyebabkan Bank Negara menyiasat. Saya ingin kepastian daripada pihak kerajaan, sejauh mana perkembangan dan kedudukan siasatan tersebut pada hari ini.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun ada menyebut tadi, dia menyokong ataupun kalau tidak silap saya telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa satu daripada perkara yang kita masukkan dalam pindaan ini ialah untuk membolehkan Bank Negara memberikan pinjaman berasaskan syariah kepada semua kakitangannya. Ini perkara yang sangat kita alu-alukan dan kita berharap perkara ini dapat dikembangkan dalam semua bidang.

Di Kelantan dan Terengganu, untuk makluman Dewan ini, bukan sahaja kita memberikan pinjaman kenderaan dan perumahan kepada kakitangan kerajaan kedua-dua negeri ini dengan tidak memakai formula 4% *service charge* ataupun bayaran caj perkhidmatan, bahkan kita berikan pinjaman ini *ringgit-to-ringgit*, maknanya kalau dia pinjam seringggit, dia kena bayar seringggit, dengan tidak ada sebarang caj.

Alhamdulillah, perkara ini telah berjalan dengan baik. Pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan sangat suka hati dan insya-Allah dalam pilihan raya akan datang mereka akan sokong Kerajaan BA lagi di Kelantan dan Terengganu. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, tidak ada kena-mengena.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukan tempat berkempen, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pinjaman tanpa faedah 4% ini, insya-Allah, kalau BA memerintah Malaysia, Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Jaffar jadi Menteri Kewangan, *[Tepuk]* insya-Allah kita hapuskan terus pinjaman 4% ini kepada semua kakitangan kerajaan. Saya tidak tahu adakah ada kakitangan yang tidak bersetuju ataupun tidak?

Semalam, sebelum saya datang ke Kuala Lumpur, pegawai saya ataupun pembantu saya telah pergi ke bank untuk ambil sedikit wang untuk perbelanjaan, lebih kurang dalam jam 10.00. Dia turun daripada rumah saya, saya ingat 9.30, sampai di bank, dia kata *black-out*, gelap, saya dok ingat seminit, dua minit sahajalah. So, tunggu kawan itu balik, rupanya hari ini baru saya tahu *black-out* itu ialah selama lebih kurang 3 jam lebih, 4 jam lebih, lima buah negeri terlibat.

Perdana Menteri sendiri beli kain pelekat dalam sebuah kedai di Langkawi, di Beras Terbakar, Padang Matsirat dengan cahaya lilin dan kesannya termasuk di KLIA, kita telah lihat ada *black-out*. Saya cuma kaitkan sedikit di situ bagaimana kerugian-kerugian yang ditanggung oleh kelima-lima negeri ini.

Oleh yang demikian, kita boleh lihat bahawa tidaklah boleh kita kata bahawa kecekapan itu hanyalah milik Barisan Nasional, orang lain tidak cekap, hanya Barisan Nasional yang cekap. Kita boleh lihat elektrik padam selama beberapa jam, membuktikan bahawa Barisan Nasional bukan juga sebuah kerajaan yang cekap.

Yang akhir sekali yang saya hendak sebut berkaitan dengan fungsi .....

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya. Hendak tubuhkan Tribunal Pengguna. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ada gangguan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Yang akhir sekali ialah berkaitan dengan kelayakan ahli-ahli yang akan masuk dalam Syariah Judiciary Council ini, termasuk hakim-hakim, Tuan Yang di-Pertua. Di bawah ini disebut bahawa hakim-hakim mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Ketua Hakim Negara sebelum daripada menganggotai Jawatankuasa Penasihat Syariah Bank Negara.

Saya berharap bahawa bukan sahaja hakim-hakim diberikan kebenaran oleh pihak berkuasa termasuk para pensyarah. Saya masih ingat ketika kerajaan menggubal Enakmen Jenayah Syariah Kelantan pada tahun 1993, kita telah menjemput pada waktu itu Allahyarham Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim untuk mempengerusikan Jawatankuasa tersebut dan juga Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Saedon Mohamad Noh, pensyarah UIA pada waktu itu dan mereka telah menerima jemputan tersebut dan telah hadir dua kali bagi mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Enakmen Jenayah Syariah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Panjang lagi, Yang Berhormat?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dalam 5 minit ataupun 10 minit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sambung petang.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Sambung petang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan kita disambung semula. Saya jemput Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyambung ucapan.

**2.32 ptg.**

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit perkara lagi yang ingin saya sentuh, iaitu berkaitan dengan Bank Islam juga. Saya telah membaca dan menerima komen-komen daripada sebahagian pengguna bahawa kadar keuntungan yang dikenakan oleh Bank Islam adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan bank konvensional. Dalam dunia persaingan bank-bank, saya ingat adalah lebih baik, selain daripada untuk faedah pengguna, kadar ini seharusnya adalah lebih berdaya saing, dan Bank Islam dapat menawarkan kadar keuntungan yang dicajkan ke atas para pengguna dengan kadar yang lebih rendah dan lebih baik pada masa-masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya ingin juga mendapat penjelasan daripada kerajaan berkenaan dengan seorang bekas pegawai Bank Negara bernama Datuk Murad, yang pada satu masa telah ditahan di bawah ISA, dan surat khabar di negara kita telah menyiarkan berita berkenaan beliau di muka hadapan, di mana dalam pertuduhan tersebut beliau telah dinamakan sebagai pemegang akaun rahsia kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di luar negara, di mana akaun rahsia ini melebihi daripada RM3 bilion pada waktu itu. Datuk Murad akhirnya ditahan di bawah ISA dan kononnya telah membuat pengakuan bahawa beliau mempunyai akaun sejumlah RM3 bilion di luar negara.

Perkara yang ingin saya pohon penjelasan ialah, adakah wang tersebut telah diperolehi semula oleh negara kita dan apakah usaha yang telah diambil oleh Bank Negara untuk mendapatkan semula wang yang kononnya disimpan di luar negara bagi pihak Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan jumlah yang sedemikian besar iaitu RM3 bilion, dan Datuk Murad pada pengetahuan saya, telah keluar dari negara kita dan saya ingat pada waktu ini beliau berada di Singapura dan beliau telah mengalami satu tekanan psikologi yang sangat dahsyat kerana telah diperlakukan sedemikian rupa.

Kalau Yang Berhormat bagi Tebrau bercakap mengenai tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, bagaimana pula beliau boleh berdiam diri terhadap satu keadaan di mana seorang pegawai telah ditekan sedemikian rupa untuk membuat suatu pengakuan politik yang menjejaskan nama baik Datuk Seri Anwar Ibrahim pada waktu itu dan selepas daripada .....

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kemaman.

**Tuan Abdul Rahman bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat mengenai orang yang bernama Murad ini. Beliau juga didapati melakukan beberapa kesalahan yang melibatkan urusan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, dan beliau telah didakwa tetapi dari penghukuman dan pendakwaan yang dihadapkan kepada beliau, hukuman terhadap beliau ditinggalkan kerana beliau telah membuat beberapa pengakuan palsu yang sehingga ke hari ini masih belum terbukti. Adakah perkara ini digunakan sebagai bahan untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang tidak mempunyai asas ini semata-mata untuk kepentingan politik negara kita?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya, saya kaitkan perkara ini dengan fungsi Bank Negara, iaitu jika benarlah dakwaan ini mempunyai asas, iaitu sejumlah RM3 bilion telah disimpan – satu jumlah yang sangat besar bagi negara kita, seharusnya kita berusaha untuk mendapatkan semula wang ini jika dakwaan ini benar, kecuali dakwaan ini adalah satu dakwaan yang tidak benar, iaitu hanya untuk tujuan-tujuan politik pada waktu itu. Sehingga ke hari ini, kita tidak mendapat berita apakah kesudahan daripada dakwaan ini, apakah perkembangan siasatan yang telah dilakukan oleh Bank Negara terhadap wang yang disimpan di luar negara seperti yang telah saya sebutkan?

Demikian juga kalau kita lihat berkenaan dengan seorang bekas pegawai tinggi Bank Negara, iaitu Tan Sri Noor Mohamed Yaakob, yang telah terlibat dalam *forex*, ataupun perdagangan tukaran wang asing, sama seperti yang dilibatkan oleh Pak Chad, penyanyi lagu "Kalau boleh kata boleh", wang Tabung Haji dan wang MIMOS berjumlah lebih kurang RM200 juta, dalam perbicaraan yang sedang berlangsung di mahkamah sekarang, iaitu sekali lagi wang dua institusi negara kita telah dilaburkan dalam *forex* yang telah membawa kerugian kepada kedua-dua institusi ini.

Dan dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Ahli Lembaga MIMOS yang turut sama membuat keputusan membenarkan pelaburan MIMOS dalam *forex* yang diurus oleh Pak Chad, penyanyi "Kalau boleh kata boleh" tersebut, juga adalah pegawai ataupun ketua pegawai penyiasatan di Bank Negara. Jadi, oleh sebab kaitan ini, saya rasa telah sedikit sebanyak menjejaskan fungsi siasatan di Bank Negara kerana pegawai tinggi yang sama adalah juga Ahli Lembaga MIMOS yang telah sama-sama mengambil bahagian meluluskan pelaburan tersebut.

Kembali kepada apa yang saya sebutkan penglibatan Tan Sri Noor Mohamed Yaakob, jumlah yang terlibat adalah jauh lebih besar daripada apa yang dilaburkan oleh Pak Chad, yang sampai hari ini tidak diambil apa-apa tindakan walaupun beliau tidak mempunyai lesen untuk menguruskan *forex* tersebut setakat yang saya tahu. Saya yakin bahawa Pak Chad, melalui syarikatnya, Asasi Trade, tidak pernah dibenarkan ataupun diberikan lesen oleh Bank Negara ataupun mana-mana badan pengawal selia negara kita, untuk menguruskan pelaburan pertukaran wang asing.

Tetapi tindakan tidak diambil terhadap saudara Ahmadi Hassan sehingga hari ini, sekali lagi menimbulkan pertanyaan mengapakah perkara ini berlaku? Mengapakah Bank Negara tidak mengambil apa-apa tindakan ke atas Ahmadi Hassan melalui Syarikat Asasi Trade, yang telah menggunakan wang Tabung Haji dan wang MIMOS untuk pelaburan yang telah merugikan kedua-dua agensi tersebut? Jumlah yang terlibat dalam *forex* yang diuruskan oleh Tan Sri Noor Mohamed Yaakob ialah lebih dari RM10 bilion – kalau tidak silap saya berjumlah RM11 bilion pada waktu itu - kerugian yang dialami oleh Bank Negara.

Kemudiannya kita dengar yang beliau dilantik sebagai Penasihat Khas Ekonomi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak faham bagaimana seorang pegawai yang semasa di bawah kawalannya telah melibatkan kerugian RM11 bilion kepada negara kita boleh menjadi Penasihat Khas Ekonomi, dan adakah jaminan bahawa beliau tidak akan mengulangi nasihat yang salah sekali lagi?

Begitu juga dengan Penasihat Ekonomi kerajaan iaitu Tan Sri Ali Abul yang pernah disiasat oleh BPR atas tuduhan mempunyai wang *cash* di dalam laci di pejabatnya, juga sekali lagi menjadi penasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inilah satu perkara yang pada kami, orang biasa, kami tidak dapat memahami apakah *rules* ataupun peraturan yang dipakai oleh kerajaan.

Adakah *track record* yang tidak baik seperti ini tidak perlu dibetulkan? Dan sebagai pegawai di Bank Negara yang kemudian diberi kuasa di Jabatan Perdana Menteri, saya yakin hubungan-hubungan ini akan terus berlangsung dan mungkin pengaruh-pengaruh yang digunakan oleh pegawai-pegawai ini ke atas Bank Negara boleh menjejaskan fungsi Bank Negara sebagai badan mengawal selia ke atas bank-bank dan juga urus niaga kewangan kita pada keseluruhannya.

Kerugian Bank Negara ataupun negara daripada *freight* yang diuruskan oleh Tan Sri Nor Muhamad Yaakob bukan satu rahsia lagi dan bukan RM100 juta atau RM200 juta tetapi adalah satu jumlah yang sangat besar yang menyebabkan kita terpaksa, pada saya, duduk merenung secara yang agak panjang. Kenapakah keadaan-keadaan ini berlaku? Dan tidak hairan jika kemudiannya Tabung Haji juga mengalami kerugian, EPF mengalami kerugian kerana kita dinasihatkan oleh orang-orang yang menganggap kerugian ataupun kesilapan mereka menasihatkan dan menguruskan kewangan negara bukan satu kesalahan, apalagi untuk *punishment*.

Kalau Murad telah dikenakan *harassment* yang sedemikian rupa, pada masa yang lain, pihak-pihak tertentu mendapat *reward* daripada kesalahan dan kesilapan mereka. Ini satu keadaan isyarat yang sangat berbelah-bahagi kepada pengurusan yang *prudent* dan

*governance* yang baik di mana sesetengah orang yang tidak digemari oleh kerajaan dikenakan *harassment* yang sangat teruk di luar daripada imaginasi kita semua dan pada satu pihak yang lain yang dianggap memberikan keuntungan kepada kerajaan, mereka mendapat kenaikan pangkat.

Begitu juga dengan para hakim kita. Rang undang-undang ini ada kaitan dengan kelulusan Ketua Hakim Negara di mana mana-hakim yang akan dilantik menganggotai Jawatankuasa Penasihat Syariah di bawah undang-undang baru Bank Negara ini mesti mendapat kelulusan daripada Ketua Hakim Negara dan kita telah melihat dua minggu yang lepas, lapan orang hakim yang tidak kanan kedudukan mereka dalam institusi kehakiman telah dinaikkan pangkat serta-merta membelakangkan hakim-hakim yang kanan. Dan justifikasi yang diberikan oleh Ketua Hakim Negara ialah bahawa selain daripada senioriti mereka dalam perkhidmatan kehakiman, perkara-perkara di luar daripada kehidupan hakim-hakim ini diambil kira.

Adakah benar kerajaan mengambil kira kehidupan di luar para hakim ini daripada ruang lingkup institusi kehakiman? Kalau kita lihat, pernah bekas Ketua Hakim Negara kita disahkan bergambar dengan seorang peguam di Australia dan bukti-bukti penerbangan menunjukkan bahawa mereka terbang bersama dalam kelas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak berkaitan sangat ini, Yang Berhormat. Jangan panjang sangat, ya.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jangan panjang sangat. Saya berbalik kepada....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lari tajuk!

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, ya? Apa Yang Berhormat bagi Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lari tajuk!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cakap perkara lain, Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Jadi, saya minta sekali lagi kedua-dua perkara yang saya bangkitkan sekejap tadi iaitu kedudukan penyiasatan dan tindakan ke atas Murad, kedudukan dan penyiasatan ke atas Ahmadi Hassan dan kedudukan dan penyiasatan ke atas Nor Muhamad Yaakob itu diberikan penjelasan oleh pihak kerajaan.

Saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Sipitang.

**2.44 ptg.**

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Bank Negara 1958 iaitu Akta 519, Akta Ibu yang akan dipinda sebagai Akta Bank Negara (Pindaan) 2003.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya tindakan ini adalah begitu baik walaupun kita telah meluluskan beberapa akta pada persidangan Parlimen yang lalu yang ada sangkut-paut dengan pengurusan kewangan negara, misalnya Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 ataupun AMLA yang berkuat kuasa mulai awal tahun 2002. Pindaan Akta Bank Negara 1958 ini sebagai akta yang baru dipinda bertujuan untuk memperkukuh-kan dan memperkasakan negara itu sendiri.

Sepatutnya kalau kita lihat dalam pindaan ini terdapat pindaan beberapa seksyen dan juga tambahan seksyen baru, bagi saya sepatutnya telah dibuat lebih awal. Kita sepatutnya membuat pindaan ini pada awal 1990-an lagi apabila kita mula-mula ingin memperkenalkan perbankan Islam ataupun *syariah banking* di Malaysia ini. Jadi, pada masa itu, barangkali perbankan Islam ini adalah satu perkara yang baru dan diragukan dari segi kewibawaan ataupun sambutan rakyat terhadap perbankan Islam ini tetapi ternyata setelah Malaysia mempelopori, walaupun ada di negara-negara Timur Tengah yang membuat

perbankan Islam ini tetapi tidak begitu menonjol sehingga Malaysia sendiri mempelopori dan mengamalkan, ternyata mendapat sambutan di negara ini.

Akta ini perlu, yang saya katakan tadi untuk memperkasakan Bank Negara itu sendiri kerana keperluan masa kini, kita memang ada perbankan konvensional dan konvensional ini begitu cepat berkembang dan berbagai-bagai instrumen baru, lebih-lebih lagi pada zaman IT ini di mana transaksi menggunakan elektronik tidak lagi perlu ada wang yang nyata ataupun orang yang nyata tetapi cukup dengan instrumen-instrumen baru.

Inilah perlunya juga kita meminda akta ini supaya elemen-elemen seperti ini dimasukkan ke dalam perbankan syariah ini. Memandangkan keadaan ekonomi hari ini juga, masyarakat dunia menganggap bahawa perbankan syariah ini begitu rapat dengan masyarakat Islam dan dikaitkan pula dengan isu-isu semasa yang ada kaitan, misalnya dikaitkan dengan jenayah antarabangsa ataupun *terrorism* yang mana transaksi kewangan melalui perbankan ini banyak dilakukan oleh ejen-ejen al-Qaeda atau ada hubungan dengan al-Qaeda.

*Money laundering* yang dibuat juga ada kaitan, misalnya di Malaysia, di Indonesia dan di Singapura dengan Jemaah Islamiah yang mempunyai kaitan dengan jenayah antarabangsa. Jadi, perkara ini perlu kita tangani dan perlu kita perjelaskan dan kita perkukuhkan supaya tanggapan antarabangsa bahawa Islam itu bukan penjenayah, Islam itu tidak membiayai jenayah ataupun keganasan di dunia ini dan ini perlu. Kalau kita tidak mengambil peranan atau tidak mengambil bahagian dalam hal ini untuk menjelaskan kepada masyarakat antarabangsa, sudah tentu anggapan negatif masyarakat antarabangsa ini akan berterusan dan sistem syariah ini lambat-laun akan pudar dan tidak begitu diterima oleh masyarakat, khususnya masyarakat dunia.

Amalan yang berlaku di Malaysia, walau apa pun tanggapan masyarakat antarabangsa terhadap sistem syariah ini, di Malaysia ini, sambutan rakyat Malaysia mengenai dengan perbankan syariah ini begitu menakjubkan. Pada mulanya kita menganggap bahawa sistem perbankan syariah ini cuma akan dilanggan atau digunakan oleh orang-orang beragama Islam sahaja tetapi ternyata pemikiran itu salah dan sebenarnya perbankan Islam ini begitu popular di kalangan orang bukan Islam sendiri dan ternyata atau terbukti bahawa sistem ini adalah satu sistem yang baik.

Saya tidak hairan jikalau kita berusaha untuk memperkasakan sistem ini, sudah tentu boleh digunakan di peringkat antarabangsa seperti hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kita yang inginkan perdagangan antarabangsa menggunakan mata wang dinar dan salah satu cabang daripada sistem itu ialah melalui Bank Negara sebagai pelopor ataupun yang mendahului perkara ini dan jikalau kita berusaha memperkukuhkan dan mempopularkan sistem ini, sudah tentu pertukaran mata wang ataupun menggunakan mata wang dinar ini menjadi salah satu cara untuk kita berniaga di seluruh dunia.

Oleh kerana hubungan kita dan blok perniagaan yang begitu kuat di rantau ini pada masa ini di mana ASEAN +3 iaitu campur Jepun, China dan Korea, saya yakin satu masa nanti bahawa sistem perbankan syariah ini boleh dikembangkan di rantau ini sebagai satu cara perniagaan yang popular yang boleh kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sahaja kepada kita ialah kementerian barangkali ini terlepas pandang, kita tidak begitu menganalisa apakah masalah yang dihadapi oleh perbankan ini dari awal lagi. Akta ini dipinda dalam keadaan mungkin kita tersepit dari segi teknikal. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen ataupun kementerian apakah sebenarnya asas-asas kita untuk meminda ini? Adakah bila kita tersepit, baru kita pinda ataupun dengan tujuan melihat dalam lebih jauh misalnya saya bagi contoh di sini apabila dalam akta ini, dipinda iaitu Fasal 42 yang mana majlis penasihatnya wujud sejak tahun 1996 dan cuma kita di sini menyifatkan sebagai sah pelantikan majlis penasihat yang sedia ada. Jadi kita baru hendak *endorse*. Kalau kita tidak majoriti di Parlimen, tidak *endorse*, apa jadi? Apa akan jadi dengan kita? Jadi sepatutnya ia telah pun diluluskan tujuh tahun yang lalu. Jadi saya minta kementerian, sebelum kita membuat pindaan, diberi penjelasan dahulu kepada masyarakat umum apakah masalah yang wujud di negara kita ini?

Saya memang prihatin dan mengikuti pertumbuhan perbankan Islam ini di Malaysia dan pada hari ini boleh dikatakan semua bank ada cawangan perbankan Islam, tidak kisahlah

perniagaan utama bank tersebut ataupun institusi kewangan tersebut adalah perniagaan yang kita tidak ketahui dasarnya, tetapi mereka ada cabang perbankan Islam di dalam sistem bank tersebut atau institusi kewangan tersebut. Oleh kerana keadaan memerlukan dan apa yang berlaku hari ini ialah percanggahan dari segi dasar perbankan itu sendiri ataupun bank itu sendiri. Apa yang berlaku pada hari ini oleh kerana belum ada majlis perbankan syariah di peringkat nasional ataupun antarabangsa, bank mempunyai penasihat syariah masing-masing.

Kadang-kadang majlis penasihat ini ialah orang yang sama ataupun *overlapping* antara satu bank dengan satu bank yang lain. Dan selalu tidak ada koordinasi di antara bank-bank tersebut dari segi dasar ini dan apabila dibuat sedemikian bahawa majlis ataupun Jawatankuasa Majlis Penasihat Syariah bank-bank ini latar belakangnya bukanlah tahu dengan perniagaan. Mereka ini memang orang yang tahu dalam agama tetapi tidak pula pernah berniaga, tidak pula pernah bekerja dengan bank, tidak pula pernah berurusan dengan apa-apa sistem kewangan. Jadi nasihat yang diberikan adalah begitu kecil ruang lingkungannya sehingga kadang-kadang tidak sampai kepada matlamat yang diperlukan. Jadi memang, saya cukup bersetuju dengan adanya pindaan akta ini untuk membolehkan penubuhan ....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Majlis penasihat ini akan memperkemaskan lagi sistem ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pasir Mas ya? Ya, hendak beri jalan?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya diberi maklumat bahawa penyimpan-penyimpan ataupun pendeposit kepada Bank Islam atau Muamalat Islamiah ini terdiri daripada rakyat biasa tetapi agensi-agensi kerajaannya tidak menyimpan di Bank Muamalat atau Bank Islam. Adakah benar pandangan ini ataupun tidak benar? Yang saya tahu negeri Kelantan memang simpan di situ tetapi negeri-negeri lain saya dapat maklumat bahawa sebahagian besar daripadanya tidak menyimpan wang di Bank Islam ataupun di Bank Muamalat Islamiah.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh menjawab secara terperinci kerana saya tidak ada data siapakah yang menyimpan di dalam itu tetapi pada dasarnya boleh saya katakan majoriti daripada agensi-agensi kerajaan ini memilih untuk menyimpan di akaun berasaskan syariah sama ada akaun-akaun simpanan tetap Al-Mudharabah ataupun instrumen-instrumen yang lain. Kalau dikatakan seluruh rakyat Kelantan menyimpan di Bank Islam itu tipu. Itu isu daripada PAS sahaja barangkali. Saya yakin ramai juga orang Kelantan yang menyimpan duit di bank-bank konvensional yang lain tidak cuma di Bank Islam.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Cukuplah. Itu yang dia kata tadi, agensi kerajaan, saya cakap rakyat, saya tidak tahulah agensi kerajaan, setahu saya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** ....100% tidak menyimpan di Bank Islam. Saya rasa cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong usaha ini supaya satu badan induk untuk menyelaraskan sistem perbankan Islam ini di Malaysia yang mana menjadi penasihat, menjadi monitor kepada semua aktiviti perbankan Islam, suatu badan rujukan dan sepatutnya Bank Negara yang layak menjadi bahan rujukan ini ataupun tempat rujukan ini kerana pada masa ini Bank Negara di bawah Akta BAFIA untuk bank-bank dan

juga institusi kewangan dan juga ditubuhkan lagi satu iaitu DAFIA, Development Bank Act, Bank Negara juga sekarang ini mengawal *development bank* ataupun bank-bank yang di luar daripada institusi kewangan yang lain. Jadi ada dua dan yang satu lagi, yang baru ini ialah sistem perbankan syariah ini dan jikalau ini boleh kita buat secara teratur, saya yakin bahawa Malaysia akan menjadi negara pertama yang mempelopori sepenuhnya sistem perbankan syariah ini dan seharusnya Bank Negara apabila mewujudkan ini perlu membentuk satu garis panduan yang terperinci, yang lengkap meliputi seluruh sistem kewangan syariah yang mana akhirnya buku ini ataupun bahan ini sebagai bahan rujukan utama untuk perbankan Islam di seluruh dunia.

Ertinya Bank Negara ataupun Malaysia mempunyai satu bentuk rujukan, satu garis panduan yang mana boleh digunakan untuk seluruh negara Islam ataupun negara-negara yang ingin mengamalkan perbankan syariah dan juga sebagai bahan rujukan untuk perniagaan secara praktikal di samping digunakan untuk universiti-universiti untuk mahasiswa. Apa yang berlaku sekarang kita ada Universiti Islam Antarabangsa, kita ada fakulti Islam, perbankan Islam, itu dalam bentuk ilmiah tetapi Bank Negara sebenarnya ada dalam bentuk praktikalnya yang boleh diguna pakai yang digunakan sehari-hari ataupun perjalanan perbankan Islam secara harian.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Jeli berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sipitang. Yang Berhormat ada menyatakan bahawa Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan sistem perbankan syariah yang sepenuhnya. Saya fikir ini maklumat yang cukup tidak tepat kerana mengatakan bahawa Malaysia negara yang pertama, saya rasa ini satu kesilapan fakta. Kalau saudara Yang Berhormat bercakap di medan antarabangsa, jangan macam ini. Sebenarnya banyak negara lain sudah mendahului negara kita. Jadi saya minta kefahaman itu kalau hendak cakap, hendak ampu sesiapa pun biar maklumat yang tepat supaya kita ini selari dengan kita sebagai Ahli Parlimen bercakap benda yang betul. Minta maaf saya hendak betulkan kenyataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, dia boleh jawab, sila duduk.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya katakan tadi Yang Berhormat, kalau kita mempunyai garis panduan yang sebegini, yang lengkap ini Malaysia adalah negara pertama yang mempunyai garis panduan yang sebegini, perbankan Islam ini. Memang negara-negara lain sudah ada yang mengamalkan perbankan Islam ini tetapi tidak ada satu bahan rujukan yang terperinci yang meliputi aspek-aspek perbankan Islam, perniagaan Islam yang boleh dijadikan sebagai buku rujukan, buku panduan, semuanya dibuat secara ad-hoc. Kelantan pun dia ad-hoc juga.

Kita hendak satu yang konkrit yang boleh dijadikan sebagai panduan dan negara yang saya rasa pada hari ini, dalam konteks hari ini bahawa negara yang layak untuk mempelopori bidang ini adalah negara Malaysia dengan dipelopori ataupun diterajui oleh Bank Negara. Ini yang kita hendak dan jikalau kita tidak mahu membuat saya rasa sukar, kita lambat, kita lambat kalau hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menggunakan Dinar sebagai mata wang perdagangan antarabangsa kalau kita masih menunggu sahaja Bank Negara ataupun negara kita tidak mempelopori dalam perbankan, tentu ia lambat dilaksanakan tetapi kalau kita mempunyai langkah yang proaktif untuk melaksanakan ini, kita boleh lebih cepat daripada apa yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, memang setakat ini banyak negara yang mengamalkan Perbankan Islam ini tetapi cuma satu bidang tertentu sahaja, kadang-kadang tidak menyeluruh. Ada yang dalam bentuk-bentuk tertentu yang kecil tidak begitu meluas dan kita haraplah dengan adanya perkara ini kita akan boleh buat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh juga Malaysia telah begitu ke hadapan, kita juga inginkan bahawa Malaysia ini menjadi penasihat kepada negara-negara lain yang inginkan perbankan syariah ini. Bukan sahaja cuma kita menjadi penasihat kepada bank-bank kita

memang sekarang ini kita perlukan lagi bank-bank tempatan yang masih ada konvensional, masih juga ada syariah yang baru yang belum begitu faham perlu nasihat tetapi kita mesti melangkah lebih jauh daripada itu. Kalau boleh kita keluar sedikit daripada Malaysia dan boleh mempelopori di luar negara.

Kita mempunyai banyak wang negara kita ini, tadi pun bila saya baca laporan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang mempunyai wang lebih daripada RM200 bilion yang tiap-tiap tahun kita ada kumpul lebih kurang RM20 bilion. Duit ini begitu banyak dan untuk menyimpan di Malaysia adalah begitu terhad dan perlu dilaburkan di tempat yang tertentu secara berhati-hati dan mengurus wang yang besar ini agak sukar.

Saya ingin mencadangkan supaya Bank Negara melihat dalam skop yang lebih luas lagi bahawa menggunakan dana yang banyak ini bukan sahaja dipinjamkan untuk pelaburan dalam negara tetapi juga kita mesti menggunakan, memperluaskan pelaburan kita dalam Perbankan Syariah menggunakan wang ini.

Sudah tentu ini akan lebih memberi pendedahan kepada Malaysia dan juga memulakan Perbankan Syariah di antarabangsa. Walaupun China adalah pada dasarnya beragama Buddha dan juga Kristian tetapi di China sendiri mempunyai penduduk Islam lebih kurang 50 juta, lebih besar lima kali ataupun enam kali lebih besar daripada penduduk Islam di Malaysia dan pada masa ini dengan pertumbuhan China lebih kurang tujuh hingga sepuluh peratus setahun dan dengan kepesatan pembangunan yang ada sekarang ini, tumpuan pelaburan ke negara China saya pasti China satu hari nanti menjadi gergasi ekonomi dunia dan kita jangan terlambat sehingga orang sudah bertapak, sehingga orang sudah menguasai segala-galanya, kita baru ingin memohon.

Sepatutnya pemikir-pemikir ekonomi, penasihat-penasihat ekonomi negara melihat perkara ini. Pada firasat saya, saya yakin satu hari nanti China akan menjadi *giant* dalam ekonomi dunia ini kerana yang pertama, China mempunyai penduduk yang begitu besar berbanding dengan Amerika. Amerika cuma lebih kurang 280 juta penduduk. Di China 1.2 bilion. Begitu banyak penduduknya, lima-enam kali lebih banyak daripada penduduk Amerika dan kalau Amerika dengan Eropah bergabung lebih banyak.

Yang kedua China mempunyai tenaga kerja ataupun pegawai-pegawai eksekutif yang murah berbanding dengan Amerika. Membuat kerja yang sama, misalnya pegawai akaun, pegawai bank, jawatan yang sama kalau gaji di Amerika misalnya USD20 ribu satu bulan. Di China cuma dengan barangkali USD5 ribu.

Sudah tentu ini akan mempercepatkan pertumbuhan di China dan lebih-lebih lagi sekarang ini kita lihat bahawa orang berpusu-pusu membuat ataupun melabur di China dan inilah masanya saya lihat bahawa Bank Negara Malaysia melihat perkara ini untuk memperkenalkan Perbankan Islam ini ke negara China.

Tuan Yang di-Pertua, memang yang perlu juga, masalah yang wujud ialah rakyat kita sendiri tidak begitu faham dengan Perbankan Islam ini. Masih ada yang keliru ataupun tidak begitu memahami secara mendalam Sistem Disiminasi Informasi juga perlu diperkuatkan. Saya ingat peranan Bank Negara perlu lebih kuat untuk memperkenalkan perkara ini di samping bank-bank yang mengamalkan Perbankan Syariah juga memperluaskan.

Dan untuk yang ada sekarang ini misalnya Majlis Penasihat Syariah ini, saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Kewangan, apakah ini cuma di peringkat nasional ataupun kita hendak tubuhkan lagi nanti di peringkat negeri kerana kalau di peringkat nasional sahaja mungkin agak sukar untuk mendapat informasi. Apakah ada cawangan-cawangan di negeri misalnya bank-bank yang kecil di negeri-negeri tertentu untuk mendapat informasi boleh berhubung terus ataupun adakah orang awam boleh *access* kepada Majlis ini untuk mendapatkan informasi, adakah juga salah satu daripada tugas Majlis itu nanti untuk memberi penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan keperluan masa kini yang saya katakan tadi bahawa Bank Negara sebagai penasihat ataupun *monitor* perkara-perkara ini, kita bukan sahaja untuk memperkenalkan tetapi dalam memberi pendidikan, saya katakan tadi kepada masyarakat antarabangsa perlu juga kita perkuatkan. Kita juga memberi pendidikan kepada

orang-orang kita orang tempatan tetapi masyarakat antarabangsa perlu juga diberi pendidikan tentang perbankan syariah, Perbankan Islam ini dan di bawah cabang Bank Negara ini saya rasa perlu ditubuhkan, saya ingin mencadangkan bahawa perlu ada Institut Perbankan Syariah Antarabangsa dan Malaysia harus mempelopori perkara ini secara serius.

**Di mana diajarkan tentang instrumen-instrumen Islam dan juga praktik-praktik yang telah pun dilaksanakan ataupun yang akan dilaksanakan di dalam sistem kewangan ini. Dan ini seharusnya dibuat menyeluruh untuk ditawarkan kepada antarabangsa dan salah satu tempat yang saya lihat paling sesuai ialah di Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun saya Timbalan Pengerusi Perbadanan tapi saya melihat bahawa kerana Labuan adalah Pusat Perdagangan Persisiran Antarabangsa (IOFC) dan Labuan perlulah dipertingkatkan sedikit supaya masyarakat antarabangsa boleh bertumpu ke Labuan di samping menuntut ilmu tetapi juga dalam sekali gus menggunakan *facilities* ataupun kemudahan-kemudahan yang ada di Labuan itu sendiri. Dan inilah harapan kita supaya melalui institut ini nanti ada ditubuhkan instrumen-instrumen baru dan juga beberapa perkara yang ada kaitan dengan perbankan ini.**

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada hal-hal spesifik mengenai dengan pindaan ini iaitu mengenai dengan Majlis Penasihat Syariah tadi. Saya balik semula iaitu dengan penubuhan Majlis ini dengan memasukkan fasal baru 16A di mana ahli-ahli daripada Majlis Penasihat Syariah ini akan diputuskan oleh Menteri atau nasihat Bank Negara. Siapakah sebenarnya yang mengenal pasti orang-orang yang akan menjadi anggota ini. Tidak boleh ditetapkan. Saya minta penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, berapa orang kah yang akan menduduki Majlis ini? Adakah ditetapkan lapan orang, sepuluh, dua belas, empat belas dan sebagainya. Dan dilihat juga di sini bahawa ahli-ahli ini adalah orang yang mempunyai kepakaran kedua-duanya dalam perbankan syariah dan juga dalam *banking*, kewangan (*finance*), undang-undang *and any other related discipline*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya melihat bahawa kita jangan begitu sempit pemikiran, kita mesti membuka. Walaupun dia syariah tidak semestinya kita tutup kepada orang yang tahu syariah sahaja. Yang pentingnya ialah kepakarannya itu, bukan sistemnya. Memang sistem syariah tetapi kepakarannya. Saya ingin melihat pegawai tambahan barangkali yang perlu dimasukkan ialah, yang pertama sesuai dalam keadaan sekarang ini, pakar dalam IT juga harus diambil kira, dilihat perkara ini. Kemudian, orang-orang yang telah berkecimpung dalam perniagaan yang mahir menggunakan sistem ini, yang sudah ada pengalaman menggunakan sistem ini perlu juga dimasukkan dalam jawatankuasa ataupun majlis ini.

Kemudian, ahli perniagaan yang berkecimpung di peringkat antarabangsa yang mana telah ada hubung dengan negara-negara lain yang difikirkan boleh menyumbang dan ada potensi menggunakan perbankan syariah ini. Kemudian, satu kumpulan lagi iaitu ahli-ahli akademik yang mana profesor-profesor, yang pakar, yang pengetahuannya begitu perincian kepada perbankan syariah ini perlu juga dimasukkan. Jadi, saya tidak tahu berapa orangkah ahli yang akan dimasukkan ke dalam ahli jawatankuasa ataupun syariah konsil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian yang banyak lari daripada konsep asal perbankan ini, yang mana disebut orang-orang tertentu terlibat ataupun memiliki kekayaan yang banyak, yang saya rasa memang tujuannya ialah untuk supaya rakyat marah kepada kerajaan, supaya rakyat marah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memilih orang-orang tertentu khususnya orang Melayu tertentu yang diberi keutamaan. Bagi saya apa salahnya mengapa kita mencaci, memperkecilkan keupayaan orang Melayu sendiri sedangkan orang Melayu yang bercakap. Kenapa tidak pula disebut tentang Francis Yeoh yang membeli harta di Britain, Ananda Krishnan ataupun yang lain-lain yang menjadi kaya-rya.

Jadi, saya rasa ini cuma sebagai ada agenda di lubuk hati beliau sedikit yang mengaitkan orang-orang ini dengan kepimpinan negara ataupun Perdana Menteri ataupun orang-orang tertentu, dan inilah budaya yang saya rasa tidak sihat. Apa salahnya kalau orang itu ada kemampuan diberi banyak peluang mengurus.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya tidak beri, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tadi hujah yang diberikan begitu cetek. Mampukah seorang mengurus syarikat yang besar, kenapa tidak. Dia bukan kerja sendiri, dia ada general manager, dia ada eksekutif. Jack Welch, Managing Director, CEO, General Electric yang terkenal di dunia mempunyai *empire* di seluruh dunia. Beliau mampu mengurus, ada cawangan di China, di Eropah. Di seluruh dunia pekerjanya 100,000 orang lebih dan beliau masih mampu mengurus.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua orang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya bagi peluang kepada Sri Gading.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Sri Gading, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Sipitang. Saya terpanggil. 'Terpanggil' ini bahasa Bagan Datuk, saya meniru dia. Saya setuju dengan Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, di pihak pembangkang, Kubang Kerian ini di antara yang pintar memutar lidah... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, apa soalnya Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya, akan sampai Tuan Yang di-Pertua, sabar Tuan Yang di-Pertua. Petang-petang ini sabar Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Kadangkala cerita yang disampaikan, perkara yang ditonjolkan dia sengaja *corner* kiri, *corner* kanan, tujuannya lain tidak ada, hendak macam mana supaya timbul keraguan rakyat, timbul tanda tanya rakyat, timbul resah gelisah rakyat. Cerita benar atau tidak benar nanti dahulu, itu bukan masalah dia. Macam PAS memang itulah caranya, lontar sahajalah tuduhan dan sebagainya. Kita kena jawablah.

Dalam hubungan ini, kalau Yang Berhormat bagi Sipitang boleh jawab, sila jawab, kalau tidak saya minta Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri Kewangan, Menteri Kewangan Kedua, sahabat saya.

**Beberapa Ahli:** Menteri Kewangan Pertama!

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Selepas itu Menteri Kewangan kalau boleh jawab dengan *detail*, dengan halus, dengan terperinci, jawab depan belakang, atas bawahnya biar semua permasalahan yang diputarakan, yang diutarakan oleh Kubang Kerian terjawab kali ini. Jangan lupa pihak pembangkang lebih-lebih lagi PAS hendak gunakan Parlimen ini yang dijangka, yang terakhir sebelum menghadapi pilihan raya, dia akan cuba gunakan Parlimen ini, mentang-mentanglah Parlimen ini kebal cakap apa pun boleh, dia akan gunakan kekebalan Parlimen ini hendak menuduh kerajaan, lebih-lebih lagi termasuk 'bohong'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sabar. Jadi, saya mintalah dengan bantuan Yang Berhormat bagi Sipitang dan saya minta tujukan kepada Setiausaha Parlimen. Saya nampak tekun betul Setiausaha Parlimen ini menulis satu persatu. Jawablah dengan terang, jelas, nyata supaya segala fitnah, segala pemboghongan, putar belit dapat diselesaikan. Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat bagi Sipitang.

Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya lebih sedikit, selepas ini berilah saya peluang boleh bercakap, saya ada sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Begitu bersemangat Sri Gading. Memang betul, kadang-kadang pembangkang cuma mengeluarkan isu itu melihat sudut-sudut tertentu supaya orang awam bertanya ataupun mempunyai tanda tanya dan membingungkan sedikit mereka. Jadi, bila rakyat bingung senangnya mereka masuk celah untuk lebih bingung lagi. Jadi, ini kadang-kadang yang kita mesti waspada. Saya mintalah pemimpin-pemimpin kita berterus terang, kerana janganlah melihat dari sudut-sudut yang begitu sempit.

**Misalnya tadi, kenapa Syed Mokhtar sahaja ditarget. Saya katakan kenapa tidak Tan Sri Francis Yeoh yang beli di tempat lain di London dengan menggunakan duit yang banyak juga, kemudian Ananda Krishnan dan beberapa lagi yang lain, yang telah membeli harta. Soal pengurusan tidak ada masalah, itu perbincangan ataupun fakta yang cetek. Saya katakan tadi Jack Welch, CEO General Electric yang mempunyai empire di seluruh dunia boleh mengurus, masih untung dan sebagainya. Apa-apa sahaja isu yang dapat pulangan politik, supaya rakyat marah, digembur-gemburkan, diperbesar-besarkan. Saya tidak ungkit lagi. Kalau saya hendak ungkit juga, 'Land Horse Sdn. Bhd.'**

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia belum bagi.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Bosnia, Tumpat. Berapa banyak projek dapat di Putrajaya? Kita tidak pernah ungkit. Kita tidak pernah keluarkan. Beliau mengaut keuntungan bermilion-milion ringgit daripada projek kita tersebut. Apa salahnya Jeli kaya? Apa salahnya Tumpat kaya? Kita tidak marah. Tetapi, masalah ini kadang-kadang disalah tafsir, apa sahaja yang saya katakan tadi, dapat pulangan politik, buatlah, negara hancurlah, asal politik saya dapat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin:** [Bangun]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada tiga orang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya bagi sini dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lupar.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Itu sudah ada tadi.....[Menyampuk]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya pun Tuan Yang di-Pertua, ucap terima kasihlah kepada Yang Berhormat bagi Sipitang kerana bagi peluang saya hendak tanya sedikit ini, kerana rasa saya pun, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading juga, rasa terpanggil bertanya. Ini kerana, nampaknya orang yang kena kritikan ini, orang yang kena tohmahan ini, semua orang Melayu. Adakah kita tidak hendak melihat orang Melayu kaya? Tidak hendak melihat orang Melayu berjaya, tidak hendak melihat Melayu itu boleh memartabatkan orang Melayu itu sendiri? Apa tiap-tiap kali orang Melayu bangun, tiap-tiap kali orang Melayu kaya, tiap-tiap kali orang Melayu berjaya, orang itulah menjadi sasaran, orang itulah menjadi pokok pangkal untuk mencaci dan mencerca kerajaan ataupun Perdana Menteri. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat soalan ini? Tidak hendak tengokkah orang Melayu ini berjaya?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Itulah yang kita rakyat Malaysia ini kena faham. Apabila pembangkang bercakap, jangan terus percaya. Bila mereka berhujah, ini kadang-kadang kita telan, yang nampaknya manis, tetapi ada mata pancing di dalam, bila sudah telan, ia sangkut, barulah tahu. Ini tadi, kalau Barisan Alternatif memerintah, buang empat peratus faedah kepada pegawai kerajaan. Hendak urus air kerajaan negeri pun tidak boleh urus, air merah, macam mana hendak buang empat peratus?

Ini, soal kecekapan. Kalau tidak memerintah, boleh cakap apa sahaja. Kalau tidak berkuasa, boleh cakap apa sahaja. Tetapi, apabila sudah berkuasa, macam Kelantan kata,

semua rakyat Terengganu tidak payah bayar cukai pintu. Bila tidak bayar, apa jadi? Ini, senang cakap tetapi bila soal melaksanakan, Kelantan kata sebelum memerintah kita hendak bela semua rakyat, semua. Sekarang apa jadi? Berapa banyak yang dilaksanakan? Ini, tengok empat peratus dikatakan hendak hapuskan. Itu cerita kosong. Sanggup berbohong di Parlimen ini. Ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Boleh cerita lain Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Apa benda hendak cakap lagi?

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak beri jalan ya? Ya, sila Jeli.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Baik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sipitang. Apakah Yang Berhormat tidak sedar kira-kira 10 tahun yang dahulu, ada empat, lima kerat Melayu yang telah dimasukkan dalam liga *billionaire*, dalam kelab *billionaire*. Segala-galanya diberi kepada empat, lima orang ini. Akhirnya apa jadi? Akhirnya, lingkup keempat, kelima-lima ini. Bila lingkup kelima-lima, siapa yang bertanggungjawab? Siapa Yang Berhormat kena *bailout*? Kita semua rakyat-rakyat semua *bailout*. Jadi, kita tidak mahu perkara yang sama berulang lagi kerana sebesar-besar ular sawa, dia ada had dia boleh telan. Lebih daripada itu, perut dia pecah, tidak boleh ubat lagi sudah. *[Tepuk]* Kita tidak mahu benda yang sama berulang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kenapa tidak diberi kepada Sipitang.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:**.....kenapa tidak diberi kepada Sri Gading.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi, tidak bolehkah kita menggunakan untuk mengkayakan Melayu-Melayu, kita menggunakan pelbagai institusi yang ada, Koperasi FELDA.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** .....macam-macam koperasi yang milik Melayu daripada diberi kepada satu orang. Sekian, terima kasih.

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini, banyak masuk dalam perkara lain ini.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Ada kaitan dengan bank juga, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Jeli ini, dia pun sempit juga fikiran dia.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Haa!! *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Dia cuma lihat sudut yang kecil. Banyak juga Melayu lain kena tolong, termasuk Jeli sendiri.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya!!

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Yang millionaire-millionaire Jeli dapat itu, kerajaan tolong juga, bukan usaha seratus peratus sendiri. Tetapi, bila sudah kaya, dia lupa daratan. Ini, pasal ada di belakang sini ini, bakal-bakal pemimpin negara di belakang. Dia hendak tunjuk dia hero juga kepada adik-adik ini. Jadi, inilah kadang-kadang kita ini tidak begitu melihat. Memang tidak boleh seratus peratus apa yang kita rancang itu berjaya. Saudara sendiri pun, saya pasti semua ahli perniagaan sebelum dia kaya dia memang ada jatuh bangun. Tidak mungkin boleh kaya terus. Tidak mungkin kita tolong 10 orang, 10, 10 berjaya. Yang berjaya pun ramai. Yang nampak tidak berjaya satu, dua orang itu adalah. Inilah yang kadang-kadang kita terlupa.

Tuan Yang di-Pertua, memang kadang-kadang inilah masalah yang kita hadapi seperti yang dikatakan oleh Batang Lupa tadi, apabila melihat orang kita berjaya, kita kutuk dia. Bila dia tidak berjaya, lagi kutuk dia, tidak ada simpati. Ini masalah, masalah yang paling serius. Sudahlah kawan ini susah, dipersusah-susahkan lagi. Tetapi, bila dia berjaya, dia hendak suruh jadi susah. Inilah yang masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik dalam soal Bank Negara tadi, saya yakinlah bahawa melalui rang undang-undang ini, Malaysia boleh maju ke hadapan. Malaysia boleh menjadi sebagai bahan ataupun negara rujukan yang mana dilihat Malaysia hari ini dalam beberapa sudut, menjadi negara contoh dan tidak hairan sekali lagi dalam perbankan syariah ataupun *syariah banking system*, dengan izin, Malaysia adalah negara yang pertama ataupun menjadi pelopor yang boleh dijadikan bahan rujukan dan boleh ditiru oleh negara-negara lain seperti dalam negara Blok Timur Tengah, negara Blok Afrika, Eropah Timur dan sebagainya dan tidak mustahil digunakan di peringkat antarabangsa secara meluas. Tetapi, apa yang penting ialah komitmen kita, kesungguhan kita untuk membuat kajian dan membuat penemuan-penemuan baru secara inovatif, secara inovasi supaya boleh digunakan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahulah mengambil masa yang panjang. Saya dengan ini, mohon menyokong akta ini dipinda. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Bukit Bintang dahulu.

**3.26 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian membahaskan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Pertamanya, cadangan berkenaan dengan Majlis Penasihat Syariah pada seksyen baru 16B dialu-alukan. Namun demikian, Majlis Penasihat Syariah tidak berkuasa penuh supaya Bank Negara Malaysia mendengar dan menerima nasihatnya sebab tidak memperuntukkan Fasal secara jelas dan khusus iaitu Bank Negara Malaysia enggan atau ingkar mendengar nasihat Majlis Penasihat Syariah, tindakan boleh diambil ke atas bank.

Oleh itu, perlu mewujudkan Fasal mengenai nasihat Majlis Penasihat Syariah perlu diterima pakai oleh Bank Negara Malaysia. Jika tidak, fungsi Majlis Penasihat Syariah adalah gagal, malah semua bank dan institusi kewangan yang lain mungkin tidak patuh akan nasihat Majlis Penasihat Syariah kerana Bank Negara Malaysia tidak menunjukkan contoh teladan yang baik. Adakah peruntukan ini termasuk bahawa sistem perbankan secara syariah sedang mengambil tempat secara perlahan-lahan sistem perbankan konvensional di negara kita.

Apa tidaknya, menerusi sistem perbankan tanpa faedah yang dijalankan sekarang dalam perbankan dan institusi kewangan di negara kita, didapati skim perbankan tanpa faedah semakin mendapat sambutan, bukan sahaja oleh orang-orang Islam, tetapi juga orang-orang bukan Islam. Apa akan terjadi kepada sistem perbankan konvensional jika semakin ramai pelanggan menukar sistem perbankan mereka? Tidak dinafikan sistem konvensional akan ditinggalkan pelanggan-pelanggan, sebaliknya memiliki sistem perbankan syariah.

Saya mendapati peruntukan yang terdapat dalam Fasal 11, pindaan kepada seksyen 51 (8) iaitu mana-mana orang yang melanggar mana-mana arahan bertulis di bawah subseksyen 16E (7), tidak begitu jelas kerana yang disabitkan kesalahan denda sehingga

setengah juta iaitu mana-mana pihak atau orang yang tidak mematuhi arahan Bank Negara Malaysia, bukan arahan Majlis Perbankan Syariah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi komen peruntukan fasal, tempoh arkib pada dokumen perbankan. Terdapat peruntukkan bank mewujudkan dua standard tempoh arkib dokumen bank iaitu ada tempoh dokumen boleh disimpan iaitu selama 7 tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selepas tempoh itu, ia perlu dimusnahkan dan ada dokumen-dokumen yang ada tempoh arkib selama-lama atau kekal. Tempoh ini merugikan para pelanggan bank yang mana jika mereka ingin menyemak urusan niaga selepas 7 tahun mereka tidak dapat melakukan kerana tempoh itu menjadikan satu *immunity* bagi bank dari sebarang tindakan undang-undang. Pembuktian tidak dapat diadakan oleh bank dan pelanggan kerana bank memiliki kekebalan tersebut.

Saya memberi satu contoh di sini, seorang pelanggan yang membuat simpanan tetap berjumlah RM5,000 bagi tempoh 3 bulan bagi bulan Oktober tahun 1953, di bawah Bank Komersial. Sesuatu berlaku padanya yang menyebabkan beliau tidak mengeluarkan atau menuntut simpanan tetap pada tempoh matang. Selepas 7 tahun berlalu, beliau terjumpa Sijil Simpanan Tetap yang belum dituntut daripada pihak bank. Kemudiannya beliau telah pergi ke bank tetapi dukacita diberitahu simpanan tetap telah ditunaikan pada Oktober tahun 1994 menerusi satu sijil baru sebagai menggantikan sijil asal yang didakwa pihak bank bahawa sijil asal telah hilang dan permohonan sijil baru telah dibuat berserta surat *indemnity* bagi sijil yang hilang.

Walaupun si pelanggan berkata beliau tidak membuat pengeluaran terdahulu namun bank menolak tuntutan tersebut dan dituduh cuba menipu bank. Si pelanggan tidak dapat *access* untuk memeriksa sendiri dokumen-dokumen asal yang menyokong pengeluaran itu kerana tempoh akhir telah tamat.

Kelemahan bank ialah tidak menghantar notis-notis membaharui atau habis tempoh kepada pelanggan-pelanggan. Jadi pelanggan-pelanggan yang sibuk dengan pekerjaan, perniagaan atau masalah peribadi terlupa bahawa mereka ada simpanan tetap yang cukup matang dalam bank. Jika mereka berjumpa sijil asal simpanan tetap mereka baru sedar bahawa mereka ada simpanan tetap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji syarikat-syarikat insurans yang sentiasa mengirinkan notis peringatan kepada pelanggan-pelanggan mereka jika bayaran premium sudah *due* atau sampai tempoh. Jika notis ini diabaikan oleh syarikat insurans saya rasa banyak syarikat 'gulung tikar' kerana pelanggan-pelanggan terlupa untuk membayar premium *due*. Notis-notis ini sebenarnya menyelamatkan syarikat-syarikat insurans dari ditutup. Akan tetapi ini berbeza dengan bank. Bank mengabaikan pelanggan-pelanggan mereka dengan tidak menghantar notis cukup matang atau notis memperbaharui kepada pelanggan-pelanggan mereka bila simpanan tetap matang. Simpanan mereka boleh diselamatkan jika mereka datang menuntut sebelum 7 tahun kerana dokumen masih ada dan boleh dituntutnya. Walaupun dokumen yang seperti surat *indemnity* hilang sijil simpanan asal tetapi tempoh arkib surat *indemnity* sudah tamat maka dia tidak ditunjukkan tetapi yang ditunjukkan ialah *cash withdrawal slip*.

Ada kes faedah bagi simpanan tetap tidak dibayar walaupun sudah melebihi tempoh matang. Bagaimana pun pengeluaran yang dibuat oleh orang lain atau *inside job*, dengan izin kerana kelemahan sistem dan kelalaian atau kealpaan pelanggan selepas 7 tahun, mereka baru datang menuntut mereka akan diberitahu wang telah dikeluarkan dan sijil asal yang baru diserahkan itu di caj sebagai telah dikeluarkan dan tidak sah lagi. Bayangkanlah seorang pelanggan kerana kelalaian atau kealpaan mereka mengambil balik wang mereka selepas 7 tahun dengan beranggapan wang tersebut masih ada lagi. Sebaliknya wang tersebut sudah tidak ada lagi.

Pejabat saya ada menerima kes seperti ini tetapi tidak dilayan oleh bank dan biro penghantaran bank gagal membantu atau memberikan *reminder*. Saya tidak nafikan adalah tuntutan palsu atau kes *fraud* oleh para pelanggan tetapi kerana pihak bank yang ada *immunity* yang mana bank berhak tidak menunjukkan dokumen urusan niaga selepas tempoh

arkib 7 tahun, para pelanggan tulen kerap menjadi mangsa keadaan dengan dituduh berniat melakukan tuntutan *fraud*. Padahal mereka adalah pelanggan tulen yang tidak pernah membuat tuntutan terdahulu kerana takut dengan tuduhan *fraud* yang bakal dikenakan oleh pihak bank atau polis. Ramai mangsa membatalkan niat mereka untuk meneruskan tuntutan.

Tuan Yang di-Pertua, seruan saya kepada Bank Negara Malaysia ialah Bank Negara Malaysia mesti ada mekanisme untuk mengawasi urus niaga ini untuk memberikan ruang kepada pelanggan-pelanggan tulen agar tidak terperangkap dengan niat dan amalan buruk orang dalaman. Bank Negara Malaysia mesti ada satu cara untuk menapis pengeluaran palsu seperti pihak Bank Negara hendaklah mempertingkatkan dan memperbaiki sistem iaitu mewajibkan bank-bank menghantar notis kepada pelanggan-pelanggan bila sesuatu simpanan tetap mencapai tempoh matang.

Kedua, bila pengeluaran mencapai tempoh matang telah dibuat, pihak bank hendaklah juga mengirim surat atau notis meminta pelanggan memeriksa, adakah mereka telah membuat pengeluaran atau tidak seperti firma juruaudit mengirimkan pernyataan bagi akaun kepada pelanggan-pelanggan meminta mereka mengisahkan kedudukan akaun mereka. Jika bank enggan mematuhi arahan Bank Negara Malaysia, bank itu hendaklah didenda atau dikenakan tindakan.

Walaupun saya tidak mempunyai perangkaan kes pelanggan yang teraniaya atau tidak mengetahui atau menyedari pernah membuat pengeluaran terdahulu, saya percaya masalah ini yang dihadapi oleh bank, pelanggan bank tetapi tidak dilaporkan. Mana-mana pelanggan yang telah teraniaya, pihak Bank Negara Malaysia hendaklah membuka kaunter aduan atau menyiasat hingga ke akar umbi kes-kes ini bagi membuktikan kebenaran. Ada setengah bank memberi alasan, wang sudah dimasukkan ke akaun wang yang tidak dituntut. Bila disemak, pelanggan mendapati tidak ada. Pelanggan-pelanggan terpaksa berulang-kali dari rumah ke bank kemudian ke pejabat wang yang tidak dituntut, ke biro penghantaran bank, akhirnya pelanggan putus harapan dan membatalkan niat untuk menuntut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak membangkitkan di sini ialah, apakah peranan Bank Negara Malaysia yang sebenarnya terhadap aduan-aduan orang ramai yang menjadi mangsa skim urus niaga hadapan atau FOREX. Sejak kebelakangan ini terdapat aduan dalam akhbar, mangsa-mangsa terdiri dari graduan muda yang tidak ada pengalaman dan sangat cetek pengetahuan tentang urus niaga hadapan terjebak dalam sindiket urus niaga hadapan atau FOREX yang memperdaya mereka membuat pelaburan besar tetapi pada akhirnya mereka tertipu. Walaupun aduan dibuat kepada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jeli bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Yang Berhormat daripada Bukit Bintang meluahkan rasa kesedihan kerana banyak pihak yang tertipu, terpedaya dengan permainan FOREX ataupun *future currency trading* yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang tertentu sama ada yang berlesen ataupun yang tidak berlesen.

Apakah Yang Berhormat sedar bahawa Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri sekarang ini pernah menggunakan wang rakyat untuk bermain FOREX dan kita telah kerugian lebih daripada RM10,000 juta pada sekitar tahun 1995 dan 1996? Ia dimainkan oleh Bank Negara sendiri. Apakah Yang Berhormat ingat dan apakah ini merupakan sebab musabab maka yang lain juga turut mengikut jejak langkah Bank Negara ini? Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jeli. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bahawa Bank Negara ada memainkan FOREX dalam tahun 1992, saya rasa, satu kerugian yang begitu besar. Kita haruslah mempelajari tentang FOREX, patutlah berhati-hati dan Bank Negara haruslah mengambil tindakan yang sepatutnya untuk mengelakkan bermain dalam FOREX.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun aduan dibuat kepada polis jenayah perdagangan dan Bank Negara Malaysia, tetapi hasil siasatan tidak menunjukkan hasil yang memuaskan dan sindiket masih terus beroperasi tanpa apa-apa tindakan dan dakwaan.

Apakah peranan Bank Negara Malaysia selain mengiklankan dalam akhbar-akhbar meminta orang ramai berhati-hati dengan skim sedemikian? Mengapa banyak sindiket boleh bebas beroperasi dan Bank Negara Malaysia tidak berani menangkap mereka? Aduan kepada Bank Negara Malaysia hanya tinggal aduan tanpa ada penyelesaian.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada Laporan Tahunan 2002 Bank Negara Malaysia dalam pernyataan kunci kira-kira di bawah *item* aset-aset lain. Tahun 2001, laporan mencatatkan aset-aset lain ialah RM20,904,453,298. Mengapakah tahun 2002 jumlah menjadi kurang iaitu RM19,264,328,533? Ini bererti terdapat kehilangan aset sebanyak RM1,700,124,765. Mengapakah aset boleh hilang begitu banyak dalam tempoh setahun?

Saya minta penjelasan yang sebenar dapat diberitahu di Dewan yang mulia ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jeli.

**3.43 ptg.**

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Sejahtera kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli sekalian.

Bagi membincangkan rang undang-undang untuk meminda Akta Bank Negara 1958 yang bersangkutan penubuhan Majlis Penasihat Syariah itu sendiri, saya masih teringat bahawa di antara janji bekas Timbalan Perdana Menteri yang masih meringkuk di penjara, bekas Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, mengatakan bahawa di antara hasrat beliau menyertai UMNO pada ketika itu ialah untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan.

Di antara fokus utama yang diusahakan secara bersungguh-sungguh oleh beliau ialah penubuhan Bank Islam, penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Sistem Takaful Islam dan juga penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan. Maka sebab itu bermula daripada kemasukan beliau pada tahun 1982, kita lihat bahawa Bank Islam ditubuhkan sekitar tahun 1983 ataupun tahun 1984.

Selepas Bank Islam nampaknya berkembang diterima oleh masyarakat bukan Islam dan negara kita diberi pilihan antara perbankan Islam dan juga perbankan *conventional*, maka kita dapati bahawa sambutan semakin menggalakkan. Ekorannya banyak bank-bank *conventional* telah menubuhkan sektor ataupun segmen perbankan Islam bagi bank-bank tersebut.

Sebab itu masalah Majlis Penasihat Syariah ini bank-bank bermula pada Bank Islam yang pada mulanya diterajui oleh Datuk Dr. Abdul Halim telah menampakkan satu prestasi yang baik, maka menyebabkan bank-bank lain juga menubuhkan *department* perbankan Islam dan masing-masing mempunyai Majlis Penasihat Syariah masing-masing, bermula daripada Bank Islam yang mempunyai Majlis Penasihat Syariahnya, maka bank-bank yang lain yang menubuhkan unit perbankan Islam juga mempunyai Majlis-majlis Penasihat Syariah masing-masing.

Kadang-kadang kita lihat bahawa tokoh-tokoh tertentu bertindih di antara satu bank dengan satu bank, beliau merupakan penasihat bagi Bank Islam, pada masa yang sama juga beliau adalah merupakan penasihat syariah bagi bank-bank yang lain.

Walaupun begitu, kita masih dapati bahawa perbankan Islam di dalam negara kita masih lagi kecil jika berbandingkan dengan perbankan *conventional*. Walaupun ianya sudah bermula mungkin sekitar 1983, ia masih kecil, kita dapati umpamanya dalam kes keuntungan terbaru yang dimaklumkan oleh bank-bank yang ada dalam tanah air kita, Bank Islam hanya boleh mencatat keuntungan sekitar lebih kurang RM100 juta, manakala Bank Muamalat yakni bank kedua yang beroperasi sepenuhnya secara Islam sekitar RM60 juta.

Bank-bank *conventional* yang umpamanya Maybank mencatatkan RM2,000 juta, kumpulan Bumiputra Commerce, CIMB mencatatkan lebih daripada RM1,000 juta, Public Bank lebih daripada RM1,000 juta. Maknanya perbankan Islam dalam negara kita masih

kecil dan saya fikir daripada anggaran lebih kurang yang kita dapati, segmen perbankan Islam hanya antara 5% ke 10% daripada transaksi kewangan yang berlaku di negara kita.

Saya rasa agak hairan bagaimana negara yang terkemudian daripada kita memperkenalkan sistem perbankan Islam, umpamanya sistem perbankan Islam di Bangladesh, didapati dalam lima tahun yang kebelakangan ini, Bank Islam di Bangladesh telah mencatat keuntungan yang terbaik di kalangan semua bank-bank yang terdapat di Bangladesh, walaupun sistem perbankan Islam ataupun bank Islam di Bangladesh baru dimulakan.

Jadi ini menunjukkan bahawa banyak lagi kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem perbankan Islam dalam negara kita, sehingga menyebabkan walaupun kita sudah bertapak hampir 20 tahun tetapi penguasaan segmen transaksi kewangan hanya sekitar antara 5% hingga 10%. Sebab itu saya tidak terkejut bila mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke Arab Saudi yang selama ini kita jarang kedengaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memuji pimpinan-pimpinan negara-negara Timur Tengah, negara-negara Teluk, jarang kita dengar, lebih kepada pergaduhan dikaitkan, sebab itu OIC tak stabil dan sebagainya.

Itulah selalunya ucapan-ucapan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi pada waktu baru-baru ini, dalam lawatan terbaru beliau telah memuji Arab Saudi dengan mengatakan bahawa Arab Saudi boleh menjadi kuasa besar dunia kerana mempunyai simpanan minyak yang terbesar di dunia, dengan memuji kehebatan Putera Mahkota Abdullah yang merupakan *de facto leader*, pemimpin *de facto* kepada Arab Saudi.

Kita kena ingat, selepas daripada Peristiwa September 11, daripada lebih daripada US\$1 trillion, wang-wang Timur Tengah yang berada di Amerika Syarikat, mereka hanya berjaya mengeluarkan hampir 20% daripada lebih daripada US\$1 trillion tersebut, lebih kurang US\$200 bilion. Tetapi yang menghairankan kita, kenapakah daripada US\$200 bilion yang mampu dikeluarkan daripada Amerika Syarikat, berapa bilion yang sampai ke tanah air kita?

Kenapa wang ini tidak disalurkan ke dalam negara kita, di tengah-tengah negara kita menghadapi FDI (*Foreign Direct Investment* yang cukup lemah, sehinggakan 5,000 juta, 6,000 juta sekitar setiap tahun? Ini satu fenomena FDI yang cukup lemah, sehingga menyebabkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mesti ubah kepada mengharapkan FDI untuk *generate* ekonomi negara kepada *domestic consumption*, untuk *generate* ekonomi negara dan untuk membesarkan KDNK negara. Jadi sebab itu kita mesti perhati sejauh mana keseriusan kita untuk *tapping* USD200 bilion yang tidak kunjung-kunjung tiba ke negara kita walaupun Perdana Menteri telah memuji bahawa pemimpin Arab Saudi boleh menjadi kuasa besar dunia.

Inilah satu perkara yang kerajaan dan Bank Negara perlu kaji kerana sudah dua, tiga kali lawatan Gabenor Bank Negara bersama-sama dengan Perdana Menteri ke Timur Tengah terutama Arab Saudi, tetapi masih wang tersebut tidak juga datang. Sebab itu saya hendak menasihatkan kerajaan, kalau benar-benar biarlah bersungguh-sungguh. Pepatah Arab kata: "*Manjadda wajada*" – "*Kalau kamu bersungguh-sungguh, kamu tentu dapat*", kerana berdasarkan kepada pendekatan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan, bila mana mula-mula mereka bersama-sama dengan Angkatan Perpaduan Ummah di mana Yang Berhormat Timbalan Menteri bersama kami dahulu, kami telah menukar....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Menyampuk*]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:**...kami telah menukar daripada menggunakan sistem konvensional dalam transaksi kewangan negeri yang hanya sekitar RM250 juta sahaja setahun, kita tukar daripada sistem konvensional kepada sistem perbankan Islam.

Jadi saya fikir kalau kerajaan benar-benar hendak menarik minat Arab Saudi untuk datang dan juga pelabur-pelabur yang berjaya mengeluarkan sekitar USD200 bilion tadi, saya fikir kerajaan mesti bermula dengan kerajaan dahulu bersungguh-sungguh untuk mengadakan transaksi jabatan-jabatan kerajaan daripada sistem perbankan konvensional

kepada sistem perbankan Islam kerana kita kena ingat nilai belanjawan negara pada tiap-tiap tahun tidak kurang daripada RM100 bilion. Bayangkanlah kalau RM100 bilion tersebut minimum menggunakan transaksi Islam, sudah tentu memberikan keyakinan dan harapan kepada pelabur-pelabur yang telah berjaya mengeluarkan wang mereka daripada Amerika Syarikat untuk melabur, untuk datang membawa wang tersebut dan bertransaksi secara Islam di bumi kita Malaysia ini.

Tetapi kalaulah sekadar umpamanya mereka melihat *perception* mereka, kerana ini kita kena ingat ekonomi dunia berdasarkan kepada *perception*. Ekonomi dunia ini berdasarkan kepada tanggapan. Jadi kita bimbang mereka memberi tanggapan bahawa kerajaan kita ini macam melepaskan batuk di tangga. Kita jangan kata kita, yang hendak ukur kita ini – orang. Kalau kita ukur diri kita, memang sedaplah. Akulah *handsome*, akulah hebat, pemimpin terbaik di dunia, itu pasal kita ukur diri kita. Tetapi yang baiknya, kita minta orang ukur diri kita. Kalau kita jadi *judges* bagi diri kita, memang tidak ada silap kita. Sebab itu yang bermula ini mesti kita dahulu menunjukkan melalui belanjawan-belanjawan dalam akaun kerajaan.

Umpamanya dengan RM100 bilion itu, bayangkan betapa hebatnya transaksi Islam. Maka sebab itulah kalau kita hendak buat, misal kata kita sudah pinda Akta Bank Negara ini dengan memasukkan Majlis Penasihat Syariah, walaupun bank-bank lain telah ada Majlis Penasihat Syariah, mungkin untuk menyeragamkan. Tetapi kalau kita tidak bermula daripada kita sebuah kerajaan, maka saya fikir kita mungkin meningkat tetapi meningkat dengan kadar perlahan dan kadar perlahan itu tidak boleh membandingkan diri kita dengan prestasi yang dicapai oleh bank Islam di Bangladesh itu sendiri.

Kita bimbang takut-takut duit-duit ini, wang-wang yang berjaya dikeluarkan lebih USD200 bilion ini mencari tempat-tempat yang lain, tidak di bumi kita. Oleh sebab itu saya fikir adalah lebih wajar kalau kerajaan benar-benar hendak menarik ini, kerajaan mesti bermula daripada diri mereka sendiri dahulu yakni transaksi, bayaran gaji dan sebagainya, kalau Kerajaan Persekutuan menggunakan transaksi Islam, kerajaan-kerajaan negeri menggunakan transaksi Islam, yang swasta kita tidak boleh paksa, yang bukan Islam kita tidak boleh paksa, tetapi kerajaan boleh. Begitu juga dengan KWSP, mereka mempunyai aset bukan tunai. Mereka mempunyai aset sekitar RM200 bilion, sekarang lebih kurang RM200 hingga RM210 bilion, ia turun naik kerana berdasarkan pasaran saham.

Tiap-tiap tahun mereka berjaya mengutip lebih kurang RM20 hingga RM30 bilion. Bayangkan kalau wang ini juga menggunakan transaksi, menggunakan perbankan Islam, saya fikir kalau ini dapat dibuat, maka kita boleh menjadi model, barulah kita boleh menjadi model kepada dunia-dunia luar untuk bertransaksi menggunakan Labuan dan sebagainya. Akan tetapi kalau tidak, mereka juga mempunyai pilihan di tempat mereka. Mereka mempunyai pilihan di banyak tempat umpamanya Rajhi Investment Group sudah lama memulakan sistem perbankan Islam. Kita baru tahun 1983, sedangkan dia sudah lama. Sulaiman Al-Rajhi yang merupakan CEO dahulu, sekarang ini Al-Rajhi Group bukannya *group* yang cukup besar, bahkan pada tahun 1985 itu namanya sudah masuk dalam Majalah Fortune – *billionaire*. Bill Gates tidak masuk lagi, Bill Gates masuk tahun 1987 seorang *billionaire* di dunia ini, sedangkan Al-Rajhi Group masuk 1985 sebagai *billionaire*.

Jadi saya hendak memberitahu sudah lama Rajhi ini bermuamalat secara Islam. Sebab itu saya hendak mencadangkan kerana berdasarkan kepada saiz perbankan, saiz transaksi Islam cukup rendah, maka saya bimbang kita tidak berjaya untuk menarik pelabur-pelabur yang berkualiti datang untuk melabur di negara kita.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Selain dari itu, kita juga bimbang umpamanya Kerajaan Malaysia, ia melantik beberapa orang ahli sebagai Majlis Penasihat Syariah. Tetapi saya takut kerana banyak kali berlaku beberapa orang ahli lembaga penasihat ini yang memberi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...nasihat yang berbeza, maka mereka ini tidak dilanjutkan lagi khidmat mereka walaupun *noted* - mereka ini dikenali sebagai seorang yang fakih, seorang yang hebat dari segi kewangan Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kota Bharu.

**Tuan Ramli bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Saya terpesona dengan penjelasan yang dibuat oleh Jeli mengenai Kumpulan Al-Rajhi yang begitu hebat seperti yang disebut oleh Jeli sebentar tadi, saya minta penjelasan. Sebab bila saya dengar *mass-media* Malaysia seperti RTM, TV1, TV2, *Straits Times* dan akhbar-akhbar tempatan ini mengatakan Malaysia ini yang paling hebat sekali di dunia, tidak ada tempat lain lagi dah. Bahkan semasa Menteri melawat di luar negara pun, yang menemu bual Perdana Menteri ialah akhbar-akhbar tempatan. Saya cuba meneliti dalam CNN, dalam majalah *Fortune*, tidak adapun orang *interview* – menemu bual Perdana Menteri mengatakan Malaysia sebagai sebuah negara terhebat termasuk juga isu bank Islam ini.

Ini adalah disebabkan seperti yang disebut oleh Jeli sebentar tadi bahawa setahu saya, bank Islam ini mula-mula sekali dalam sejarahnya ialah Faisal Bank di Cyprus, kemudian Kumpulan Al-Barakah Bank di Switzerland, lama dahulu sebelum Malaysia menubuhkan bank Islam. Bahkan saya tahu bahawa yang menjadi konsultan kepada penubuhan bank Islam di Malaysia itu adalah Doktor Ahmad Najar daripada Faisal Bank dan Al-Barakah Bank dari Switzerland. Jadi apakah asasnya yang disebut oleh kawan-kawan kita yang bijaksana di sebelah sana mengatakan bahawa Malaysia ini merupakan pelopor kepada penubuhan bank Islam di Malaysia ini? Adakah ini sebagai satu slogan-slogan kosong untuk memperdayakan masyarakat terbesar di Malaysia melalui *mass-media* dikuasai mereka untuk tujuan pilihan raya akan datang ataupun sebagai satu cara untuk melemahkan semangat kebangkitan Islam yang dipelopori oleh barisan pembangkang di negara ini? Minta penjelasan Jeli kalau boleh. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Yang sebenarnya salah seorang penasihat yang saya cukup kenal tentang penubuhan bank Islam ini yang selalu dirujuk oleh bekas Timbalan Perdana Menteri adalah Salah Kamil yang merupakan Pengerusi kepada Al-Barakah dan Bank Al-Barakah ini bukan hanya di Malaysia tetapi merata-rata dia buka Bank Islam ini, di Sudan, Nigeria, Bangladesh, di banyak tempat kalau Al-Barakah ini. Salah Kamil ini salah seorang *billionaire*. Saya ingat pada tahun 1987 itu, dia sudah *billionaire* dalam rekod majalah *Fortune*.

Jadi saya fikir satu maklumat yang tidak tepat yang mengatakan kita mempelopori, tidak benar kerana bank Islam sudah pun wujud di tempat-tempat lain dan kita hanya membuat sedikit ubahsuai berdasarkan keadaan setempat, itu benar. Tetapi bank-bank Islam sudah ada di tempat-tempat yang lain. Kalau kita lihat umpamanya Rajhi, seorang yang *very strict* tentang *Islamic banking* dan dia sudah berpuluh-puluh tahun dah, jadi lebih lama daripada bank Islam yang ada di Malaysia.

Cuma saya hendak memberitahu, sebenarnya hakikat ekonomi negara saya panik, saya pucat. Kerana apa saya panik, saya pucat? Semasa Dato' Seri Anwar Ibrahim membentangkan belanjawan pada tahun 1997, beliau telah membentangkan belanjawan lebih RM7 bilion. Untuk tempoh beberapa ketika, itulah kali pertama beliau telah membentangkan belanjawan lebih RM7 bilion dan pada masa yang sama beliau telah membayar hutang mendahulukan pembayaran hutang sehingga pada masa beliau membentangkan belanjawan kali terakhir, beliau hanya meninggalkan hutang luar negara sekitar RM44 bilion, yakni lebih kurang USD18 bilion pada ketika itu.

Tetapi satu quote yang cukup manis, yang ditinggalkan oleh bekas Menteri Kewangan, dia kata, kita menabung pada 1997 ini, adalah untuk kita menghadapi tujuh tahun meleset selepas ini, mengambil peristiwa kepada peristiwa yang berlaku pada Nabi Allah Yusuf. Rupa-rupanya negara kita ini bukan tujuh tahun, 14 tahun pun kita tidak boleh lagi membuat belanjawan *surplus*. 14 tahun pun kita tidak ada harapan. Kalau tidak percaya kena tanya Bank Negara belakang. 14 tahun pun kita tidak ada harapan, bukan tujuh tahun. Daripada tahun 1998, 1999, 2000, 2001.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:**.....2002, 2003, 2004.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** 2004 ini siapa yang hendak bentang belanjawan lebihan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Tak mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lumar bangun.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Jadi sekarang kita menjangkakan, 14 tahun kita akan menjangkakan tidak kurang 14 tahun belanjawan defisit menyebabkan..... sekejap, sedikit sahaja.....menyebabkan hutang negara sekarang ini, kerajaan jangan cuba sembunyi walaupun Setiausaha Parlimen ada. Daripada maklumat-maklumat yang tepat, *Straits Times* memberitahu, hutang luar negara lebih kurang RM200 bilion. *Straits Times* ada.

Cuba tengok *Straits Times*, hari-hari lebih kurang RM200 bilion tidak termasuk hutang kerajaan dengan domestik. Kalau dicampurkan hutang dengan domestik, hutang dengan EPF semua itu, kita mencecah hampir RM400 bilion, yakni hampir sama besar dengan KDNK negara kita. Sila.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengamati perbahasan Yang Berhormat. Tadi saya tidak mencelah oleh kerana saya hendak dengar macam mana *as you go along*, dengan izin. Yang Berhormat mengatakan kemajuan negara, orang datang melabur dan sebagainya itu berlandaskan persepsi.

Tetapi apa yang kita dengar, sepanjang bahasan Yang Berhormat itu tidak ada persepsi, pembinaan persepsi yang baik menggambarkan negara ini negara yang baik. Apa Yang Berhormat sebut di Bangladesh, umpamanya satu sistem yang baik. Tetapi pada saya kalau dibandingkan Malaysia dengan Bangladesh, ataupun macam mana sistem yang baik sekalipun kalau Bangladesh itu jika dibandingkan dengan Malaysia, saya masih memandangkan Malaysia jauh lebih maju daripada Bangladesh.

Tetapi dalam masa yang sama, persepsi yang hendak kita buat, Yang Berhormat buat, kita cuba hendak membuatkan satu persepsi yang baik, gambaran yang baik untuk orang datang melabur. Tetapi pembangkang sentiasa kata, "tak baik, tak baik, tak baik, tak baik, tak maju, tak maju, tak maju". Bankrap, hutang banyak tetapi kita sebenarnya tidak berhutang. Berhutang RM200 juta, orang lain berhutang dengan IMF, mungkin kita berhutang dengan tempat lain.

Jadi macam mana Yang Berhormat kata, persepsi yang kurang baik ini, tetapi Yang Berhormat sendirilah orang yang membuat, penjana, pengeluar persepsi yang buruk. Macam mana keadaan ini. Jadi disebut Al-Razi ini tadi, orang yang dikatakan pengasas perbankan Islam juga orang yang terbaik di dunia, umpamanya. Persoalannya juga adakah kita bersifat macam mana Al-Razi ini, macam mana bila dia jadi kaya, bila dia jadi kuat, bila dia jadi maju, kita kritik, cari kesalahan dia, cari masalah dia, cari kenapa kerajaan batu dia. Kenapa dia menjadi macam itu.

Kita sengaja hendak menghentam dia. Tidak, mungkin tidak Yang Berhormat. Jadi kenapa pula apabila kita hendak cuba bangunkan seseorang supaya boleh jadi macam Al-Razi, kita marah pula. Jadi bila gambaran Malaysia ini baik, kita hentam supaya gambaran tidak baik. Jadi macam mana Yang Berhormat?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih kekandaku Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lumar. Yang sebenarnya macam ini. Saya bandingkan Bangladesh itu macam ini. Bank Islam dia baru bermula, kerana kita bercakap tentang Majlis Penasihat Syariah kepada Bank Negara. Saya hendak bagi tahu tentang Bank Islam di Bangladesh baru dibuka tidak sampai 10 tahun lagi. Tetapi kenapa Bank Islam di Bangladesh merupakan bank yang mencatat keuntungan yang paling besar dan empat tahun kebelakangan ini. Itu

pun, permintaan dia untuk buka *branches* beratus-ratus tidak diluluskan oleh kerajaan. Kalau diluluskan, dia boleh dapat berapa kali lipat lagi keuntungan dia.

Jadi kita hendak persoalan, kenapa dia baru buka, dia lawan dengan bank konvensional yang beratus tahun, tiba-tiba lima tahun kebelakangan ini dia duduk nombor satu. Kenapa tidak Bank Islam di Malaysia? Kenapa tidak Bank Muamalat di Malaysia. Itu soalan yang saya kemukakan, yang sepatutnya kerajaan kena jawab. Mesti ada kesilapan dia. Kenapa dia orang boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat? Melainkan semua orang tidak boleh buat tetapi ada orang boleh buat, jadi kenapa kita tidak boleh buat. Itu mesti kita kena soal, mesti kena kaji. Begitu juga ..... memang kita tidak menafikan negara per negara *per se*, memang Malaysia lebih baik daripada Bangladesh.

Tetapi kita kena ingat Amanah Ikhtiar ini kita *follow the footsteps of Gramin Bank* yang diperkenalkan di Bangladesh. Ia telah mendapat *noble award*. Amanah Ikhtiar kita *follow the footsteps of Gramin Bank*. Dia dapat *award noble*. Jadi ada benda-benda yang kita kena belajar daripada Bangladesh walaupun nampak negara macam itu, tetapi ada benda-benda yang kita kena belajar terutama dari segi virus-virus komputer yang dimasukkan sekarang kebanyakan expert-expert Bangladesh yang memasukkan virus ini.

Dia buat virus ini, dia jadi *millionaire*. Banyak virus – ‘*Chernobyl*’ orang Bangladesh. Kenapa tidak kita misal kata, walaupun nampak dari sudut dia ini pengkhianat. Tetapi maknanya kita hendak kata, kenapa orang boleh buat, kenapa kita tidak boleh buat dari segi kebaikan.

Okey, kita hendak tengok satu perbandingan. Di antara kita tolong satu orang dengan kita tolong satu kelompok. Kita mesti ingat tahun 1981, zaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang ketiga bukan keempat, ketiga, sekitar tahun 1979 – 1980 di mana kita telah minta rakyat bumiputera supaya boleh menabung maksimum RM50,000 pada ketika itu. Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Gua Musang pada ketika itu, dia kata kenapa tidak dinaikkan RM100 ribu. Tetapi dengan permulaan dengan RM50 ribu. Maka dikumpulkan wang-wang itu melalui Amanah Saham Bumiputera.

Bila dikumpul wang dalam Amanah Saham Nasional, apa kehebatan yang kita boleh buat. Kita telah membuat satu kejutan di Pasaran Saham London. Kita buat kejutan di Pasaran Saham London, satu *quotation the dawn raid in London Stock Exchange* di mana kita telah berjaya membeli apa? Guthrie. Kita telah berjaya membeli apa? Sime Darby.

Kita tidak mengkayakan satu orang. Tidak mengkayakan Batang Lupar seorang, misal kata. Tidak mengkayakan Pokok Sena satu orang. Kita mengkayakan kumpulan. Sebab itu sekarang kerana idea Amanah Saham Nasional tersebutlah menyebabkan alhamdulillah bumiputera masih okey sekarang ini. Jadi kita *follow the footsteps* itu. Sebab itu kita tidak suka sekarang ini dengan apa yang berlaku.

Misal kata, kita tidak mahu kita jatuh lubang yang sama dua kali. Kalau jatuh ke dalam lubang yang sama dua kali, makna kita ini teruk. Fasal apa kita kata begitu? Dahulu sudah ada satu perdebatan di mana kita kata, “kita tidak setuju” mewujudkan misal kata empat atau lima bilionair Melayu. Kita gemukkan *billionaire* Melayu. Saya sebut nama semua orang sudah tahu.

Okey, Tajuddin Ramli beli MAS kita tolong dia. Halim Saad, beli Renong dan macam-macam lagi empat-lima orang. Kita *built them*. Kita *built them*. Okey. Memang seronok, ada empat lima orang, orang Melayu duduk dalam lima liga *bilionaire*. Memang seronok. Memang rasa seronok duduk liga bilionair. Tetapi kita punya pendekatan lain dari pendekatan yang diperkenalkan oleh Jepun melalui ‘Sogososha’,. Lain daripada yang diperkenalkan oleh Korea melalui Chaebol sistem dia. Lain daripada yang diperkenalkan oleh Taiwan di mana kerajaan mungkin mewujudkan mungkin 10 *bilionaire*.

Daripada 10 ini dia lahir 100 jutawan. Daripada 100 ini lahir pula seribu *sub, sub, sub*. Makna piramid sistem dia cukup hebat. Tetapi di Malaysia apa yang berlaku, apa yang berlaku di Malaysia dia lahirkan Halim Saad. Berapa orang, orang Melayu menjadi kaya macam Halim Saad.

Dilahirkan Tajuddin Ramli, berapa orang Melayu jadi jutawan Melayu. Apa yang menyedihkan kita beri Tajuddin Ramli dulu hantar makanan Syarikat A. Dapat dekat dia, dia tendang, beri dekat dia. Dahulu hantar komputer Syarikat B. Bila dia dapat, dia tendang, dia yang *supply* komputer. Dahulu yang cuci kapal terbang Syarikat C. Bila dia dapat, dia tendang. Maknanya bukan dia meramaikan *millionaire* Melayu tetapi dia membesarkan dia punya bulatan, dia makin banyak, makin banyak.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, apabila Rangka Rancangan Jangka Panjang 10 tahun dibentangkan pada tahun 1995, saya salah seorang yang pernah menyebut, kalau kita hendak buat meja, jangan buat empat kaki sahaja. Buat 10 kaki, empat patah, yang lain masih boleh berdiri.

Kalau dilihat dalam *Hansard*, kita boleh jumpa benda ini. Itu saya setuju. Tetapi kalau kita hendak katakan kesalahan dari segi dasar, tidak payah sebut nama. Jangan hendak sebut sama Halim Saadlah jadi kesalahan kerana kerajaan suruh Halim Saad ini jadi jutawan. Sekarang siapa nama Syed yang itu? [*Bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain*].

**Beberapa Ahli:** Syed Mokhtar.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Syed Mokhtar. Apabila disebut Syed Mokhtar, Syed Mokhtar tidak ada di sini Yang Berhormat. Hendak jawab sendiri. Jadi kalau kita hendak cari fasal, cari kesalahan, dapat cari, mana-mana pun dapat cari. Tetapi dalam masa yang sama kalau kita lihat PLUS umpamanya, apabila PLUS itu dibuat, satu sahaja jalan daripada Johor sampai kepada Kedah umpamanya. Berapa banyak orang yang diberi kontrak? Berapa banyak orang yang telah menjadi jutawan oleh kerana satu kontrak yang mulanya RM3.6 bilion? Berapa banyak orang jadi jutawan? Berapa banyak orang Melayu jadi kaya raya, orang yang dulunya mungkin tidak kaya begitu sangat? Orang yang mungkin profesional, macam Yang Berhormat sendiri, menjadi kaya raya? Jadi, macam mana?

Adakah kita mengatakan ini tiada? Dari segi *percentage*, saya bersetuju, ada saya nampak artikel dalam surat khabar mengatakan, pada tahun 1970, kita punya *percentage*, kurang daripada berapa orang jurutera, 18 orang jurutera, beberapa orang dia punya akauntan dan sebagainya. Sekarang kita sudah mempunyai beratus-ratus, tetapi *percentage* kita masih turun, masih di bawah yang dahulu pada tahun 1970. Tetapi pada masa sekarang kita sudah ada 400 akauntan, 700 jurutera, 2000 peguam, tetapi daripada nisbahnya kita masih di bawah daripada tahun 1970. Adakah kita katakan ini tidak berjaya? Adakah *spin-off* daripada orang yang menjadi kaya macam Tajuddin Ramli, macam Syed Mokhtar ini nanti, kita anggap ini bukan juga daripada belaan kerajaan? Orang yang patut maju ini boleh dan akan membawa yang lain-lain juga jadi maju, jadi profesional atau *practitioners* di dalam bidang mereka sendiri.

Jadi, kita tidak boleh hendak sebut oleh kerana Tajuddin tidak ada di sini, Syed Mokhtar tidak ada di sini, kita hantam sahaja, oleh kerana hendak mencari kesalahan kerajaan, kerana kita katakan orang sini sahaja ditumpu, tetapi orang yang telah dibelai ini banyak membelaikan orang-orang lain menjadi kaya raya. Tidak sebut!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Kena sebut, Yang Berhormat, supaya gambaran ini nampak adil, gambaran ini nampak jelas dan Yang Berhormat sendiri jangan nampak, orang pembangkang ini cari kesalahan orang lain sahaja. Benda yang baik kerajaan buat itu tidak pernah hendak disebut pun. Kita kena sebut juga sekali-sekala, Yang Berhormat, kena terima juga Malaysia ini elok, Malaysia ini bahagia, Malaysia ini [*Disampuk*] maju, kaya-raya dan harmoni.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya minta maaf Yang Berhormat, satu lagi saya hendak sebut. Saya pernah berdialog dengan budak-budak sekolah daripada Oxford University. Dia kata, negara Malaysia tidak demokrasi. *You* tengok India begitu demokrasi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ada soalankah?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ini soalan, Tuan Yang di-Pertua, selepas ini. Jadi, saya kata 847 juta rakyat India itu *living below poverty level*, inikah demokrasi *that you* hendak ataupun keadaan Malaysia below 8%? Maknanya, kita punya demokrasi *is working rather than* India punya demokrasi. Bukan saya hendak caci India, tetapi sebagai fakta yang sebenar. Jadi, Yang Berhormat jangan cari yang salah sahaja, tengok keadaan *development. What happened* di negara ini?

Itu kita kena terima. Kenapa Yang Berhormat boleh pakai yang indah-indah, pandu kereta yang besar-besar? *[Ketawa]* Yang Berhormat, kena terima! *[Disampuk]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, terima kasih atas kesabaran Tuan Yang di-Pertua dan kekanda saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya hendak beritahu, saya sudah beritahu tadi bagaimana pendekatan kita mengumpulkan RM50 ribu dengan tiap-tiap bumiputera, menyebabkan kita kumpul ribu juta. Bila kita kumpul ribu juta, kita beli Gurthrie. Di mana? Pasaran saham London. Kita beli Sime Darby. Di mana? Pasaran saham London. Tidak hebatkah? Berapa orang-orang kita jadi kaya? Ramai jadi kaya!

Bukan macam Dato' Hassan Harun beritahu, pakat-pakat beli KUB, agar lebih 300 jutawan Melayu selepas KUB masuk dalam *stock market*. Apa? Seorang pun tidak ada, habis KUB RM1 ribu juta, tinggal tidak sampai RM200 juta sekarang ini. UMNO punya syarikat. *[Tepuk]* Macam inikah? Jadi, kita tidak mahu macam ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Syarikat UMNO sudah jadi macam itu sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jeli, tentang pindaan, .....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Ini pindaan lagi ini. *[Disampuk]* *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**....tidak ada apa-apa hendak sebut?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kita kena rai pertanyaan, kalau kita tidak jawab, tidak bagus juga, tidak manis, jadi kita jawab sedikit-sedikit, tidak apalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:**....Cukuplah, balik kepada tajuk.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Balik kepada tajuk. Jadi, sekarang ini....

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Sila, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli baru hendak balik kepada tajuk.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Yalah, hendak suruh dia balik tajuklah ini. *[Ketawa]* Okay, Tuan Yang di-Pertua, mengenai persepsi kerajaan Malaysia dan sebagainya dan Bank Negara merupakan sebuah institusi di mana tiap-tiap tiga bulan dia memberi laporan, gambaran ekonomi negara kita dan sebagainya. Apa yang berlaku dalam negara kita hari ini, kita takut Bank Negara hari ini menjadi sebuah institusi yang tidak lagi dihormati seperti RTM dan sebagainya yang memberi gambaran-gambaran yang kadang-kadang palsu, yang tidak benar kedudukan ekonomi negara dan sebagainya.

Kita lihatlah kalau kita tengok akhbar-akhbar mungkin laporan Bank Negara betul, tetapi *the way* akhbar-akhbar memainkan *indicators* yang dikeluarkan oleh Bank Negara menunjukkan bahawa ada pemalsuan data-data dan *indicators* mengenai kedudukan ekonomi negara kita. Sebagai contoh kita lihat, dengar eksport negara meningkat, sedangkan

kalau kita lihat, mengkaji dengan mendalam menunjukkan bahawa semua pembuatan ataupun pengeksporan barang-barang pembuatan merosot dan sebagainya.

Yang meningkatnya ialah kerana kita meningkatkan pengeluaran petroleum dan juga kerana harga kelapa sawit naik. Kita juga menyatakan bahawa ekonomi yang menggunakan IMF lebih buruk dan sebagainya, sedangkan Thailand hari ini jauh lebih baik. Malah kalau kita tengok Thailand hari ini dari segi pengeluaran automobilnya, dari segi pengeluaran elektroniknya sudah tinggalkan Malaysia jauh.

Ini menunjukkan bahawa gambaran-gambaran palsu yang telah diberikan kepada rakyat Malaysia menyebabkan Yang Berhormat ingin memperjelaskan keadaan persepsi tersebut. Minta penjelasan.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** *[Ketawa]* Peminat saya ramai, Tuan Yang di-Pertua. Macam ini, kita tengok maknanya kadang-kadang kita pun tidak boleh telan bulat-bulat maklumat, walaupun Bank Negara pun.

Sebagai satu contoh, *Arthur Andersen is the biggest accounting and auditing firm in the world*, sama ada *auditing* ataupun *accounting*. Ia yang terbesar di dunia, tetapi dalam besar-besar dalam dunia, dia boleh tipu seluruh dunia! *Enron, WorldCom*, apa sudah jadi? Singapura pun kena tipu, Singapura yang secermat-cermat Singapura pun kena tipu! Sebab itu Singapura lemah, letih sampai sekarang kerana banyak stok, saham, dia beli *Enron* punya *shares*.

Jadi, Bank Negara ini, hendak tahu betul tidak betul, cuba kita fikir logik, kenapa kita tidak boleh tahu? Mentang-mentang George Soros – tidaklah hebat sangat seorang manusia George Soros - habis negara kita kena main dengan George Soros. Boleh fikirkah macam itu? Maknanya *defence* kita tidak kuat. Dia cuba *attack* Hong Kong, *no problem*. Hong Kong kata *welcome if you want to attack me*, tetapi takkanlah kita kena *attack* sedikit, dia tiup sedikit kita sudah merudum, seolah-olah kita menggambarkan George Soros itu begitu hebat. Saya tidak fikir begitu George Soros, lagipun banyak perniagaan-perniagaan dia rugi.

Jadi, sekarang ini, yang saya dok tengok, perhati maklumat-maklumat Bank Negara, minta maaf pegawai di belakang *[Ketawa]*. *They just* tunjuk yang cantik-cantik, yang tidak cantik dia lindung, yang tidak cantik dia tidak beritahu, dia lindung. Memang, tetapi kalau *diaggregate* yang cantik dengan tidak cantik mungkin dia jadi *mediocre*. *That is the trick of presentation*. Sebab itu sekarang saya beritahu, kita jangan – tidak boleh - mana-mana negara membentangkan belanjawan sampai tujuh tahun berturut-turut negatif. Mana boleh begitu? Tetapi pada masa yang sama ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Pada masa yang sama, *private investment* tidak naik-naik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah perlu Yang Berhormat mengarahkan ucapan Yang Berhormat kepada Yang Berhormat bagi Batang Lular.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih, saya faham tentang itu, saya ucap terima kasih atas pandangan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sekarang ini merujuk kepada pendekatan-pendekatan yang perlu dibuat. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya cadang tadi, kalau kita benar-benar hendak jadi *leader* dalam segi perbankan Islam, dari segi kewangan Islam, maka ia hendaklah bermula dari kerajaan dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sudah beritahu tadi, kerajaan ada tidak kurang RM100 bilion transaksi kewangan tahunan, kalau dia boleh bermula dari situ, dia ajak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sekali maka sudah tentulah kita boleh tarik duit daripada yang dikeluarkan oleh rakyat Timur Tengah, daripada Amerika Syarikat tidak kurang 200 bilion Amerika. Saya fikir kalau kita boleh tarik 50 bilion Amerika pun sudah cukup hebat.

Tidak ada masalah. Seheinggakan sekarang ini yang menjadi meruncing kita ini, kita terpaksa jual bon di luar negara. Kita jual bon di luar negara, Tuan Yang di-Pertua tahu atau tidak berapa? Kita baca *reports*, rupa-rupanya *rating* pinjaman negara kita telah jatuh daripada 'Single A' kepada 'Triple B'. Bila pergi 'Triple B' maknanya bunga yang kita terima, tiap-tiap bon yang kita keluarkan di luar negara itu, kita kena bayar bunganya sekitar 6% hingga 7%. 6% dan 7% ini kita kena bayar. Sekarang kedudukan kita 'Triple B'.

Ini yang kita tidak mahu dengar. Sepatutnya dalam keadaan "triple B" kita jangan berhutang. Bila kita dalam kedudukan "triple A" atau "double A" baru kita boleh berhutang. Sebab itu sekarang ini faedah yang dikenakan kepada pinjaman negara kita adalah besar. Dalam keadaan kita meminjam sebegitu besar pun, Tuan Yang di-Pertua, masalah kontraktor-kontraktor sampai sekarang pun tidak boleh dibayar – sudah enam bulan atau sembilan bulan pun tidak mendapat pembayaran. Maknanya, umum sudah mengetahui bahawa kita menghadapi *liquidity problem*. Jadi, kalau untuk mengatasi masalah *liquidity* sekarang, di manakah kita hendak tarik pelabur-pelabur asing?

Sekarang kita tidak boleh bersaing untuk menarik pelabur asing kerana pelabur sekarang lebih cenderung untuk pergi ke China, di mana jumlah pelaburannya mengatasi gabungan pelaburan yang datang ke negara-negara Asia. Dan satu lagi masalah yang akan berlaku kepada negara kita, Tuan Yang di-Pertua, *dengan* Free Trade Agreement sekarang ini, yang dulu kita memperlekeh-lekehkan – saya ingat Yang Berhormat bagi Sipitang pun memperlekeh, semua pakat perlekeh FTA – Free Trade Agreement, yang dibuat umpamanya, antara Singapura dengan Amerika Syarikat, antara Singapura dengan Australia, New Zealand, Jepun dan sebagainya, sekarang ini Thailand juga sudah ikut Free Trade Agreement.

Bandingkan negara yang ada Free Trade Agreement dengan negara *respective*, negara *corresponding* dengan kita, sudah tentu barangan kita tidak boleh berlawanan dengan barang-barang yang dieksport oleh negara-negara yang mempunyai FTA dengan negara-negara yang tidak mempunyai FTA dengan negara-negara pembeli. Itu satu hakikat yang kita kena terima, jangan dok syok sendiri. Kalau tidak, kenapa Singapura beria-ia hendak tanda tangan juga FTA – Free Trade Agreement? Kenapa Thaksin Shinawatra beria-ia sangat hendak menandatangani FTA?

Melalui pendekatan "*Thaksinomic*"nya, dia sudah memperkenalkan satu istilah sekarang ini yang dikenali sebagai "*Thaksinomic*". Dia buat Free Trade Agreement dan dia rela menangkap ahli-ahli JI yang kononnya dikatakan JI atas alasan hendak melembutkan hati negara-negara pembeli supaya dapat menandatangani Free Trade Agreement dengan negara Thailand. Sebab itu saya melihat kepada keadaan-keadaan yang berlaku begitu, di mana untuk mendapat wang daripada sistem konvensional agak sukar kerana kita kena berlawanan dengan negara-negara yang ekonominya memang agak seimbang ataupun lebih baik daripada kita.

Maka kita mesti fokuskan perhatian kita kepada wang berdasarkan kepada sistem perbankan Islam tadi. Jadi dalam sistem perbankan Islam ini, di manakah wang tersebut berada sekarang? Itu soalan yang kita mesti tanya. Dia sudah dikeluarkan. Jadi kalau dikeluarkan, di manakah wang itu? Kalau wang itu ada maka kita mesti mengkaji bagaimana kita dapat menarik wang-wang tersebut supaya segala transaksi kewangan dalam negara kita dapat berkembang dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara saya ...

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Peringat bangun.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih. Yang Berhormat bagi Jeli, apakah halangan sebenarnya Yang Berhormat nampak yang menyebabkan Kerajaan Malaysia sekarang tidak mahu menggunakan transaksi kewangan Islam ini dalam urusan kerajaan? Apakah kerajaan tidak begitu yakin dengan transaksi kewangan Islam itu sendiri ataupun ada sebab-sebab lain yang menghalang? Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Saya fikir, bagi saya, kalau hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih. Kalau Kerajaan Kelantan....walaupun malu, malu memang malu – mula-mula hendak jaga hati orang itu, hendak jaga hati orang ini, umpamanya, kita sudah baik sangat dengan Lim Goh Tong, kita pun malu hendak tutup lesen judinya, kita pun faham. Sudah lama berkawan, dia pun sudah banyak beri sumbangan kepada parti kita, dia pun segan, kita pun faham. Dalam keadaan macam ini kita jadi malu.

Kalau tidak, apa salahnya, *with full commitment* – tukar, fasal duit itu duit kerajaan. Ini duit kerajaan – kerajaan kalau dia hendak buat dia boleh buat seperti mana yang dibuat oleh Kerajaan Kelantan, seperti mana yang dibuat oleh Kerajaan Terengganu, walaupun berbanding dengan pusingan tahunan Kerajaan Kelantan, pusingan tahunan Kerajaan Terengganu jika dibandingkan dengan pusingan tahunan Kerajaan Malaysia memanglah kecil – yang itu RM250 juta setahun, Kerajaan Federal, Kerajaan Pusat RM100 bilion setahun - Kerajaan Terengganu lebih kurang RM800 juta setahun manakala Kerajaan Pusat sebanyak RM100 bilion. Memang kecil tetapi kalau kita buat, orang tengok kesungguhan kita maka orang akan tertarik. Orang kata, “Yes, this guy is serious”. Orang ini betul-betul serius hendak buat, baru dia memberi harapan dan keyakinan dia.

Saya fikir *Al-Rajhi* akan datang, saya fikir *Dallah al-Barakah Group* akan datang, saya fikir banyak lagi kumpulan yang akan datang, bukan Osama Ben Laden tetapi Ben Laden Group, Ben Mahfouz Group akan datang. Saya tidak kata Osama Ben Laden, saya kata Ben Laden Group, Yusuf Nahda Group dan sebagainya. Jadi sebab itulah saya minta pihak kerajaan supaya benar-benar memikirkan hal ini supaya kita bukan hanya setakat meminda undang-undang ini, pinda lepas pinda tetapi nampaknya tidak memberikan kesan seperti mana yang kita dapati di beberapa negara yang telah memperkenalkan sistem perbankan Islam.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tengok yang kita cuba membangunkan pasaran bon Ringgit, bermula dari Januari 1990. Kita hendak tanya, setakat manakah kejayaan dalam membangunkan pasaran bon Ringgit ini? Itu yang pertama. Yang kedua, apakah lebih baik kita memikirkan bahawa dengan sistem Dinar bagi menggantikan Dolar hari ini kerana kebanyakan sekarang ini, kalau kita buat kajian, banyak ahli-ahli ekonomi membuat kajian, kenapa ekonomi Amerika masih bertahan sekarang ini? Kerana kesemua orang ini masih yakin dengan Dolar walaupun ekonomi Amerika itu sudah *shaky*, asas-asas fundamentalnya pun nampak banyak menimbulkan keraguan tetapi oleh sebab banyak orang masih menggunakan Dolar maka ekonomi Amerika masih bertahan.

Jadi, saya hendak mencadangkan di sini supaya Malaysia atas inisiatifnya, bermula dari Persidangan OIC yang akan diadakan di negara kita sempena dengan tempoh ataupun hari-hari terakhir perkhidmatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kenapa kita tidak membuat satu gagasan di situ di kalangan negara-negara Islam ini? Kenapa kita tidak *create, Dinar bond* kerana Dinar ini lebih *genuine* perbandingannya kerana sekarang ini kita lihat bahawa kebanyakan ekonomi negara dunia sekarang ini lebih difokuskan kepada *perception*.

Misal kata, pasaran saham tiba-tiba naik pada hal asas-asas fundamental pun tidak nampak logiknya boleh naik tetapi naik juga kerana ada sistem, kadang-kadang “*herding system*”. Misal kata *herding system*, kalau sepuluh orang kaya Malaysia dok pakat, “Kita pakat beli *stock* ini”, orang pun tengok nilai *stock*nya naik, orang pun pakat beli, pada hal kadang-kadang asas pun tidak ada. Bukan berdasarkan kepada asas sangat, kebanyakannya *follow “herding system”* ataupun “*pattern system*”, bukan *fundamental system*.

Sebab itu saya fikir sepatutnya Malaysia mempelopori, sempena dengan Persidangan OIC yang akan diadakan di negara kita, sepatutnya kita buat satu gagasan dan kalau boleh pada tahun hadapan kita terus memulakan dengan Dinar Bond. Kalau Thaksin boleh mempopularkan ASEAN Bond dan seluruh negara-negara Asia-Pasifik *contribute* kepada cadangan Thaksin Shinawatra untuk mewujudkan ASEAN Bond bagi menggantikan bon dalam bentuk Dolar dan sebagainya maka kenapa kita tidak, umpamanya, menggunakan kesempatan di Persidangan OIC itu untuk mewujudkan *Dinar Bond* kerana *Dinar Bond* ini mengikut pandangan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya ingat beliau antara orang

Malaysia yang pertama bertemu dengan Sheikh .... [Mengajukan persoalan kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian untuk mendapat kepastian] [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ..

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Sheikh apa? ... Sheikh Abdul Qadir, yang kuat memperjuangkan Dinar, .... dia di antara orang pertama, pada tahun 1980-an sudah berjumpa dengan Sheikh Abdul Qadir di England.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak boleh tanya kepada Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, mahu ikut Peraturan Mesyuarat yang mana satu? [Ketawa]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Dia bagi *chance* [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad:** Saya bagi jalan. [Ketawa]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Jeli, berkenaan dengan penggunaan Dinar, sebenarnya perkara ini bukanlah satu perkara baru, bukan satu *invention* baru ataupun moden. Ia sudah menjadi satu kegunaan masyarakat dunia dalam dunia perdagangan dan kewangan sejak ribuan tahun yang lalu. Tidak boleh kita katakan bahawa Malaysia adalah pencipta kepada sistem ini ataupun pada mana-mana kumpulan pencipta kepada sistem ini.

Cuma dalam era penggunaan moden, bolehkah tidak Yang Berhormat bagi Jeli berikan sedikit penjelasan, iaitu bukan sahaja di kalangan masyarakat Islam yang mempunyai *literature* berkenaan dengan kegunaan Dinar sebagai satu *currency* tetapi juga di Amerika sendiri ada satu sistem atau satu kumpulan yang telah mengasaskan pembayaran melalui *cyber* yang dikenali sebagai e-goal dan secara kebetulan didapati bahawa *measurement* ataupun ukuran yang digunakan oleh e-goal dalam unit perdagangan berasaskan emas, *measurement* nya adalah sama dengan e-dinar, dan saya suka dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jeli bahawa Bank Negara mengambil kira perkembangan ini untuk memasukkan dalam skop perbincangan Bank Negara, bagaimana Bank Negara boleh menguruskan perdagangan antarabangsa berasaskan Dinar, termasuk cadangan Yang Berhormat bagi Jeli tadi untuk mengeluarkan bon berasaskan Dinar. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Jeli, macam manakah dia boleh timbul idea mengeluarkan bon berasaskan Dinar tersebut?

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Memanglah saya nampak bahawa kalau kita hendak, kita ada *ability* untuk perkenalkan. Tambahan pula, kita mempunyai rezeki yang baru bila OIC akan berada di Malaysia, persidangan akan dibuat di Malaysia, kita boleh guna kesempatan tersebut untuk memperhebatkan lagi penggunaan dinar tersebut terutama sekali dari segi pasaran bon berbentuk dinar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi...[Memandang ke arah jam dinding Dewan] Jam masih mati lagi, Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Jadi, saya hendak melihat bahawa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Kalau boleh, pada masa yang sama, Seksyen 49 Akta 519 memberi Bank Negara kuasa untuk meminjamkan wang kepada pegawai atau pekhidmat Bank Negara secara pembayaran konvensional. Jadi, Bank Negara juga telah diberi kesempatan mengadakan peruntukan untuk diberi kuasa bagi memberikan pembiayaan secara Islam kepada pegawai dan pekhidmatnya.

Saya rasa oleh kerana kita hendak menunjukkan keseriusan kita sebagai pelopor kepada sistem perbankan Islam, saya mencadangkan supaya Bank Negara ini, untuk *staff* dia itu, kita buat secara Islam. Untuk bank-bank yang ada dalam tanah air kita, memang kita berikan kebebasan tetapi untuk Bank Negara, kalau boleh biar fokus kepada Islam supaya waktu ini cukup baik untuk kita tarik di waktu keadaan kita agak 'lemas' sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula sekarang ini, kita lihat bahawa ekonomi kita pun dari sudut pelaburan-pelaburan baru nampaknya tidak berapa kelihatan. Tambahan pula kesan daripada SARS masih belum terubat lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kesan daripada SARS masih belum terubat dengan baik lagi. Bahkan dari sudut pelancongan juga dilihat bahawa kesannya tidaklah begitu menunjukkan angka-angka yang memberangsangkan untuk kita meramalkan pada tahun hadapan suasana ekonomi kita akan berada dalam keadaan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu hal saya hendak beri pandangan kepada Majlis Penasihat Syariah, dalam Majlis Penasihat Syariah nanti sudah tentulah kita akan perhatikan bahawa dalam bab-bab kerana banyak instrumen baru, Tuan Yang di-Pertua, dari segi institusi perdagangan ini banyak instrumen baru, bukan setakat yang *Islamic*, bahkan yang konvensional pun banyak instrumen yang baru. Tambahan pula sekarang ini banyak transaksi yang lebih berdasar kepada internet, banyak menggunakan alam maya dan siber, maka sudah tentu memerlukan kepada kepekaan yang tinggi di kalangan pemberi-pemberi maklumat kepada ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat, di dalam negara kita ini, hendak cari pakar-pakar yang betul-betul pakar, yang mahir dalam kedua-dua bidang, dari segi hukum syarak dan juga dari segi kewangan tidaklah begitu senang walaupun kita ada Universiti Islam Antarabangsa. Hendak cari orang seperti Dato' Dr. Halim Ismail yang merupakan CEO Bank Islam itu tidak senang dalam negara kita, orang yang hebat dalam kedua-dua bidang.

Sebab itu, kebanyakan mereka yang jadi Ahli Majlis Penasihat Syariah ini nanti, Tuan Yang di-Pertua, dia akan berdasar kepada maklumat-maklumat yang orang beri, atau maklumat-maklumat yang eksekutif bank bagi. Kalau eksekutif bank itu bagi maklumat tidak tepat, maka sudah tentu keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah juga mestilah keputusan berdasar kepada maklumat-maklumat kerana hendak harapkan semua Ahli Majlis Penasihat Syariah ini dia mahir bab-bab instrumen ini, saya fikir agak susah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya minta kalau boleh, kita akan menjangkakan akan berlaku banyak kali mungkin, pindaan-pindaan yang disebabkan oleh benda-benda yang baru.

Sebab itu janganlah cepat melatah apabila hudud yang diperkenalkan di Kelantan, sehingga orang takut liwat isteri ini tidak termasuk dalam hukum. Yang sebenarnya liwat isteri ini tidak payah kita soal. Liwat isteri ini sudah masuk dalam hukum takzir. Jangan dok buat kecoh-kecoh. Jangan buat kita ini tidak tahu agama, tidak bagus kerana walaupun tidak termasuk dalam hudud Kelantan dan Terengganu tetapi sudah ada dalam hukum takzir. Malah hukum takzir ini memang....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...dia tidak masuk dalam bab hudud...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** ...dan lebih berat hukumannya daripada hukum hudud.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Saya ucap terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kesabaran semua rakan Yang Berhormat. *Wallahualam, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kementerian menjawab ya.

**4.35 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya menggulung beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu pindaan ini iaitu Yang Berhormat bagi

Tambun, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Sipitang, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan yang akhir sekali, Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun, pertama sekali ialah tentang *Letter of Credit*, dengan izin, yang tidak diterima oleh negara kita kerana ditulis dalam bahasa Perancis.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tambun dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain bahawa *Letter of Credit* akan diterima oleh bank-bank di Malaysia sekiranya ia memenuhi kriteria yang perlu untuk membolehkan ia diterima. Bahasa tidak pernah menjadi satu kriteria yang diambil kira dalam perkara ini dan tidak ada satu dasar yang mengatakan bahawa hanya bahasa Inggeris sahaja yang diterima dalam konteks ini.

Jadi, oleh kerana itu, bahasa Perancis juga kita terima dan bukan merupakan halangan bagi kita dalam urusan perdagangan dengan negara luar dan kita rasa kalau berlaku seperti ini, merupakan satu fenomena yang agak kita kesali kerana kesempatan ini diambil oleh negara seperti Singapura yang meraih keuntungan daripada kelemahan ataupun kegagalan bank untuk menerima *Letter of Credit* dalam bahasa Perancis seperti yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Tambun.

Saya berharap kalau Yang Berhormat bagi Tambun ada maklumat-maklumat yang terperinci tentang perkara ini semata-mata berdasarkan kepada bahasa maka *Letter of Credit* ini ditolak, Yang Berhormat boleh berikan kepada saya untuk Bank Negara membuat penyiasatan lanjut supaya kita tidak menanggung kerugian akibat daripada tindakan-tindakan seperti ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak bagi jalan atau tidak?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat tidak usahlah rujuk kepada saya, Ahli Parlimen, kalau ada kes. Ini melibatkan perdagangan antarabangsa dan saya kata kes yang spesifik dari segi negara Algeria, pedagang di sana tidak dapat *approval Letter of Credit* dan ada negara Timur Tengah yang *French speaking Arab countries*.

Jadi, saya percaya Bank Negaralah patut buat siasatan, bukan saya pula hendak bagi maklumat, itu tidak betul. Dari situ kita cakap di Parlimen, kita minta Bank Negara ambil tindakan. Takkan saya hendak spesifik. Kalau macam kes orang kampung saya, itu cerita lainlah. Ini perdagangan dunia. Jadi, saya minta biarlah Bank Negara buat siasatan tentang perkara ini dan daripada situ, Bank Negaralah buat keputusan. Kalau Bank Negara sudah buat keputusan bahawa *Letter of Credit* dalam bahasa Perancis diterima tetapi kita dapat laporan di negara tersebut, benda ini tidak betul, sampai Singapura yang untung. Jadi, Bank Negara yang harus buat siasatan tersebut.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi, saya maklum bahawa Yang Berhormat hanya dapat gambaran secara umum tentang penolakan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Hashim bin Ismail:** ...*Letter of Credit*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, permohonannya ialah biarlah Bank Negara membuat penyiasatan ya kerana.....

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya, ertinya Yang Berhormat tidak dapat maklumat yang terperinci dan insya-Allah kita akan minta Bank Negara untuk membuat penyiasatan dan mengambil tindakan yang perlu untuk menangani masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun kerana memberikan komen itu.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyatakan tentang tindakan BNM untuk menangani isu kemerosotan mutu perkhidmatan di bank-bank. BNM telah mengeluarkan garis panduan untuk memastikan bahawa bank-bank mengasingkan sebahagian daripada perbelanjaan untuk memberi latihan kepada kakitangan mereka dan ini akan meningkatkan

mutu perkhidmatan yang diberi. Selain dari itu perkhidmatan pelanggan sesebuah bank itu adalah suatu kriteria yang dapat menentukan daya saing bank di era globalisasi ini. Oleh itu kualiti perkhidmatan adalah isu yang harus ditangani oleh pihak bank sebagai isu komersial yang membolehkan ia bersaing dengan bank yang lain.

Walaupun bagaimanapun berkenaan dengan isu-isu yang serius, yang melibatkan ketidakpatuhan dengan undang-undang atau garis panduan, BNM telah pun mengadakan biro aduan untuk pelanggan bank. Maksudnya sesiapa sahaja yang tidak berpuas hati dengan prestasi ataupun servis daripada mana-mana bank, mereka boleh mengadu kepada biro pengaduan ini. Bank Negara Malaysia telah juga memperolehi juru perunding untuk menjalankan penyelidikan ke atas tahap kepuasan pelanggan untuk membolehkan langkah susulan diambil di masa hadapan. Ini adalah antara langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bank-bank negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyentuh tentang perbezaan pendapat di antara bank Jeddah dengan produk-produk bank Islam di beberapa negara Arab, negara Islam seperti Jeddah yang Yang Berhormat Tambun tadi merujuk khusus kepada Jeddah dan perbezaannya dengan produk-produk Islam negara kita, maka perkara ini sedang dirundingkan ertinya kita sedang cuba merapatkan jurang perbezaan ini supaya satu pendapat yang seragam dapat kita wujudkan dan perkhidmatan yang seragam juga dapat kita wujudkan di peringkat antarabangsa, iaitu di kalangan negara-negara Islam sedunia dan ini boleh kita lakukan melalui IFFP iaitu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam di mana Malaysia menjadi tuan rumahnya. Ertinya melalui Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam, kita boleh berunding dengan mana-mana pihak yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan kita. Jadi dengan cara ini kita dapat merapatkan hubungan dan dapat merapatkan perbezaan antara mereka dengan kita dan akhirnya produk-produk perbankan Islam dapat kita laksanakan bukan sahaja di peringkat negara malah di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyentuh tentang penalti ataupun denda yang dikenakan oleh Bank Negara kepada mana-mana bank yang tidak patuh kepada arahan untuk mengeluarkan pinjaman dan ini lebih merujuk kepada SME Yang Berhormat, ya ertinya mana-mana bank yang tidak patuh ataupun enggan mengeluarkan pinjaman untuk kita menjayakan program SME kita, mereka akan dikenakan denda iaitu sebahagian yang tidak dikeluarkan oleh bank tersebut untuk tujuan SME dan lain-lain tujuan yang khusus, maka wang itu akan diambil oleh Bank Negara Malaysia dan kemudian akan diberikan kepada bank lain untuk diagihkan kepada SME ataupun untuk lain-lain penggunaan. Selepas itu wang itu tidak akan dikenakan *interest*, tidak akan dikenakan faedah. Ertinya mereka akan rugi dalam dua cara. Pertama, wang itu tidak dapat digunakan oleh mereka dan yang kedua wang itu tidak dikenakan kadar faedah. Jadi mereka kerugian dalam hal itu. Jadi itu bentuk penalti yang dikenakan oleh Bank Negara kepada mana-mana bank yang enggan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara. Yang saya maksudkan tadi ialah khusus dalam konteks SME, kerana kita mahu menggalakkan industri kecil dan sederhana ini untuk menjana ekonomi negara.

Jadi kerana itu maka kita kenakan penalti ataupun denda kepada mana-mana bank yang ingkar untuk mengeluarkan pinjaman seperti yang selalu menjadi rintihan ramai pelanggan kita yang mengatakan bank-bank sukar untuk memberikan pinjaman kepada mereka. Jadi dengan adanya penalti seperti ini, kita harap bank-bank akan lebih bekerjasama untuk memastikan SME negara kita berjalan dengan lancar dan sempurna.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyentuh tentang bagaimana Bank Negara menguruskan hutang terutamanya hutang luar negara. Pengurusan pinjaman luar untuk maklumat...

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tambun bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya tidak silap ya, kerana isu hutang ini isu yang kemudian saya bangkitkan. Mengenai Fasal 7 yang saya bangkitkan, isunya bukan isu penalti sangat. Isu utamanya mengenai dengan hala tuju ataupun arah tuju pinjaman bank kerana kita sudah tahu daripada 1998 lagi

bahawa kita menghadapi masalah hartanah dalam bentuk rumah, dalam bentuk pejabat, komersial dan sebagainya yang tidak dijual dan kerajaan membuat dasar supaya sektor ini tidak diberi keutamaan untuk buat rumah lagi.

Dalam saya buat *argument* tadi yang saya bangkitkan iaitu mengenai dengan pinjaman dalam bidang hartanah ini daripada tahun 2001 dan 2002, pertambahan sebanyak RM26 bilion. Jadi Bank Negara sebagai bank yang menetapkan dasar, yang menetapkan peraturan serta yang menetapkan pemantauan, apa yang Bank Negara buat yang jadi macam ini? Adakah memang Bank Negara bersetuju macam ini kerana dalam bidang *manufacturing* yang ditekankan oleh kerajaan untuk menjadi *engine of growth* untuk masa hadapan. Jumlah pertambahan hanya lebih kurang RM2 bilion. Dari segi nisbah terdapat penurunan pinjaman tersebut kepada sektor *manufacturing* ini daripada 11.1% dari keseluruhan pinjaman kepada 8.5% kerana bank merupakan badan yang penting dan kritikal dalam menentukan kesihatan ekonomi kita pada masa akan datang.

Jadi saya dapati bahawa perkara ini tidak betul. Jadi itu jawapan yang saya hendak bukan tentang penalti ini, jawapan yang itu, mengapa macam itu? Adakah falsafah ini Bank Negara pegang? Padahal kerajaan putuskan kita hendak bangunkan sektor *manufacturing*, bangunkan sektor IT, mengapa pertambahan sampai RM26 bilion satu tahun sahaja? Bilangan jumlah yang banyak dan orang semua bercakap tentang rumah yang tidak dijual, terbengkalai, macam-macam. Dari segi jumlah, saya ingat berbilion yang tidak jual. Kemudian kita bagi juga *loan* dalam bidang itu.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebenarnya pertumbuhan pinjaman kepada sektor hartanah meningkat kerana ianya merupakan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila jawab apa yang ditanya tadi berkenaan dengan rumah-rumah terbengkalai dan bank juga, kita hendak bagi pinjaman kepada pengusaha-pengusaha rumah ini, sebab apa?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya, pertumbuhan pinjaman itu meningkat ialah kerana terdiri daripada pemberian pinjaman perumahan sebanyak RM14.2 bilion, manakala pinjaman pembinaan dan hartanah telah menurun sebanyak RM3.4 bilion sahaja. Ertinya pertumbuhan pinjaman ini ialah untuk pembeli-pembeli rumah bukan untuk membina rumah. Oleh itu pertumbuhan pinjaman hartanah adalah untuk individu membeli rumah kediaman dan bukan pembinaan ruang pejabat dan sebagainya dan ini akan mengurangkan masalah *property overhang* kerana kita berikan pertumbuhan pinjaman itu adalah merupakan pemberian pinjaman kepada pembeli bukannya kepada pembina, *developer*, bukan itu Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kata RM14 bilion ya. RM14 bilion untuk beli rumah, yang RM12 bilion itu pergi mana? Daripada RM26 bilion itu pertambahan.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Pinjaman hartanah telah menurun sebanyak RM3.4 bilion sahaja seperti saya katakan tadi. Ertinya yang lebih itu kebanyakan pinjaman itu adalah untuk pembeli, bukan untuk membina rumah.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Bagan Datok bangun.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam pembinaan rumah ada dua pinjaman, satu *end financing* ertinya pembiayaan untuk membeli rumah. Satu lagi *bridging finance*. Saya hendak tahu, lanjutan atau kebenaran daripada pertanyaan Yang Berhormat bagi Tambun tadi, adakah RM4.2 bilion tadi, adakah *end financing* atau yang turun kepada RM3.4 adakah *bridging finance*. Sebab kalau hendak katakan pembiayaan dari segi rumah yang terbengkalai, biasanya ia diserahkan kepada Jabatan Perumahan Negara yang kemudiannya Jabatan Perumahan Negara menyerahkan kepada sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan yang di perbadankan. Jadi saya ingin penjelasan itu.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Sebenarnya bukan RM4.2 bilion Yang Berhormat Datuk, RM14.2 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sila betulkan ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Bukan 4.2 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Jadi itu jumlahnya, iaitu dia adalah untuk mengurangkan *property overhang* sebenarnya. Untuk mengatasi masalah *property overhang*. Kalau kita menambah pembinaan rumah bererti kita menambah masalah *overhang* yang ada. Jadi kita mengurangkan masalah itu dengan cara memberi kemudahan pinjaman kepada pembeli rumah supaya *property overhang* dengan sendirinya dapat kita kurangkan dan ini masalah yang dibangkitkan tadi dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh pada isu yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Tambun tentang mungkin tidak ikut *sequence* Yang Berhormat, saya minta maaf tentang bagaimana BNM menguruskan hutang terutamanya hutang luar dalam konteks negara kita ini.

Pengurusan pinjaman luar diuruskan secara konservatif dan *prudent*. Antara langkah yang diambil untuk mencapai objektif-objektif ini adalah seperti berikut:

- (i) mengutamakan pinjaman dalam negara. Pinjaman dalam negara berjumlah 136 bilion, ini pinjaman domestik;
- (ii) memastikan tiada pembayaran terkumpul dalam satu masa;
- (iii) mencari peluang yang terbaik dari segi kedudukan mata wang asing dan kadar faedah luar negara semasa membuat pinjaman luar;
- (iv) menguruskan dengan berhemat pinjaman yang sedia ada dengan kaedah 'swap' dan lain-lain.

Jadi kita banyak meminjam daripada dalam negara kerana itu hutang luar negara kita terkawal dan untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pinjaman luar kerajaan negara kita ialah RM39 bilion sahaja setakat ini dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat. Jeli bangun Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya *repeat*, jumlah pinjaman luar kerajaan ialah RM39 bilion sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jawab hendak bagi jalan atau tidak.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Jemput, jemput

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat ada menyatakan tadi hutang dalam negeri kerajaan sekitar lebih kurang dalam RM140 bilion, hutang dalam negeri. Hutang luar negeri RM39 bilion tapi kalau dirujuk kepada *New Strait Times* hari-hari saya ingat ada keluar dalam *indicator* itu lebih kurang RM189 bilion hutang luar negara. Jadi adakah RM39 bilion ke USD39 bilion. Adalah munasabah sedikit itu dekat dengan RM189 bilion, fasal ini yang *New Strait Times* bagi hari-hari ini, setiap pagi. Minta penjelasan sedikit.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya cakap tadi pinjaman luar kita ialah RM39 bilion. Kalau masih dapat membezakan Yang Berhormat di antara hutang negara dengan hutang kerajaan. Hutang kerajaan ialah yang saya sebutkan tadi hutang kerajaan, Persekutuan pada hutang luar tetapi kalau hutang negara, itu termasuk semua pinjaman swasta dan sebagainya. Itu bukan hutang kerajaan. Apabila hutang negara, hutang kerajaan campur hutang swasta, campur semua itu barulah jadi hutang negara.

Tetapi yang saya sebutkan di sini yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Tambun tentang hutang kerajaan. Hutang kerajaan ialah RM39 bilion sahaja. Dan kerana itu saya mengatakan bahawa hutang luar kita adalah cukup rendah, *manageable* dalam satu keadaan

yang cukup *manageable*. Dan juga hutang pinjaman luar negara sekarang ini ialah RM155 bilion. Itu hutang negara. Jangan kita keliru di antara hutang negara dan hutang kerajaan. Yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Tambun ialah hutang kerajaan.

Maka saya ingin menyebutkan bahawa RM39 bilion sahaja. Sedangkan rizab negara kita ialah RM146 bilion setakat ini. Jadi kerana itu berbanding dengan rizab negara kita maka hutang negara kita adalah dalam satu suasana yang cukup *manageable* dan cukup rendah dan tidak perlu kita runsing dan risau tentang perkara itu.

Yang Berhormat Tambun juga ada menyentuh supaya Bank Negara dapat dikaitkan dengan badan-badan syariah lain dan wujudkan penyeragaman kefahaman dengan pihak-pihak yang tidak sealiran. Bank Negara Malaysia sentiasa mengadakan diskusi perbincangan mengenai isu syariah dengan pihak lain. Malah Bank Negara Malaysia mempunyai wakil yang menduduki dengan izin, Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution (AAOIFI) beribu pejabat di Manama, Bahrain. Dengan cara ini juga akan berkurangan persefahaman yang wajar. Peranan yang dimainkan oleh IFSB tadi telah saya sebutkan, Malaysia sebagai tuan rumah, Islamic Financial Service Board yang ditempatkan di Malaysia juga akan mewujudkan piawaian Perbankan Islam yang juga akan mewujudkan piawaian antarabangsa yang akan diterima pakai di seluruh dunia.

Yang Berhormat bagi Tambun juga ada menyentuh tentang isu ikatan Ringgit kepada 3.80 sen kepada USD1 dan setakat ini adalah menjadi polisi kerajaan untuk mengekalkan nilai Ringgit bersamaan dengan USD3.80 sen. Kerajaan akan memaklumkan nilai baru jika difikirkan sesuai untuk kepentingan negara. Kerajaan berpendapat bahawa ikatan 3.80 sen bersamaan USD1 ini adalah baik untuk negara dan nilainya adalah dengan *at fair value* ataupun tidaklah terlalu rendah, tinggi sangat dan ianya menguntungkan negara dan juga menjadikan eksport kita lebih kompetitif berbanding dengan negara lain.

Yang Berhormat Tambun juga ada menyentuh tentang, mengapakah kerajaan hanya memilih sistem *Touch 'n Go* untuk pembayaran tol. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem *Touch 'n Go* dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia kerana ia melibatkan suatu sistem pemindahan dana secara elektronik di bawah seksyen 119 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989, walau bagaimanapun pemilihan sistem tersebut sebagai sistem tunggal untuk pembayaran tol secara elektronik bukanlah di bawah kuasa Bank Negara Malaysia dan oleh itu lebih sesuai dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya.

**Yang Berhormat Tambun juga menyentuh tentang apakah rancangan kerajaan untuk memperbanyakkan lesen bank Islam.** Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sememangnya mengambil berat tentang daya saing bank-bank Islam di Malaysia. Untuk menggalakkan lagi persaingan, saingan dari luar juga perlu diperkenalkan. Dan dalam hal ini selaras dengan visi yang terkandung dalam Pelan Induk Sektor Kewangan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan Islam serantau, Bank Negara Malaysia kini dalam peringkat akhir telah menggariskan kriteria kelayakan bagi pengeluaran lesen bank Islam yang baru kepada institusi kewangan asing yang layak dan berminat untuk menjalankan operasi perbankan Islam. Dan ini juga disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain iaitu bagaimana kita harus mengembang-kan bank Islam di peringkat antarabangsa dan satu mekanisme untuk tujuan tersebut sedang disusun oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Yang Berhormat bagi Tambun juga menyentuh tentang apakah keistimewaan Pelan Induk Sektor Kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pelan Induk Sektor Kewangan adalah rancangan sepuluh tahun yang dirancang secara teliti untuk mem- bangunkan sistem kewangan. Sistem kewangan negara yang lebih kompetitif, berdaya saing dan dinamik yang dapat menyokong ekonomi. Ia akan dicapai dengan adanya situasi kewangan domestik yang cekap disokong oleh teknologi yang bersedia untuk menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi.

Pelaksanaan pelan ini akan dibuat secara berperingkat dalam tiga fasa sepanjang sepuluh tahun ini. Fasa pertama adalah untuk membangunkan keupayaan atau kapasiti domestik. Fasa kedua ialah untuk meningkatkan daya saing institusi domestik, dan fasa terakhir ialah proses meningkatkan integrasi dengan pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyentuh tentang apakah langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi mengawal pinjaman daripada bank kerajaan tidak disalahgunakan untuk pinjaman kepada orang-orang tertentu, yang dia rujuk tadi ialah orang politik. Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab untuk memastikan bahawa sistem kewangan di Malaysia adalah kukuh. Dalam hal ini, institusi kewangan yang berkaitan dengan kerajaan iaitu Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) telah pun diletakkan di bawah pengawalseliaan BNM. Sejak tahun lepas BNM telah menguatkuasakan Development Financial Institution Act 2002 untuk membolehkan Bank Negara Malaysia mengawal selia institusi tersebut termasuk Bank Pembangunan dan Infrastruktur. Dengan pengawalseliaan ini negara Malaysia bolehlah mengenakan garis panduan (*prudent*) ke atas pinjaman yang diberikan selaras dengan dasar kerajaan itu.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyentuh tentang Bank Pembangunan tidak memberikan dividen yang baik oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Pembangunan adalah untuk tujuan pembangunan. Ianya bukan, dengan izin, *profit motivated*, bank yang bertujuan untuk keuntungan. Dengan kerana itu, maka kerajaan sememangnya tidak mengharapkan apa-apa dividen yang besar daripada bank ini, dan kebanyakan daripada keuntungan ataupun hasil yang diterima kita arahkan kepada tujuan pembangunan negara kita.

Tentang seorang tokoh iaitu Tuan Syed Mokhtar yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berhasrat untuk menguasai Bank Muamalat, untuk makluman Yang Berhormat, memang benar Bank Negara telah menerima permohonan daripada tokoh tersebut. Bank Negara dan tokoh tersebut sedang berbincang dan negotiate, belum putus lagi apakah sama ada kita menjual ataupun menyerahkan Bank Muamalat ini kepada beliau ataupun tidak, kerana kalau Bank Negara bersetuju pun maka permohonan perlu diajukan kepada menteri untuk diluluskan oleh pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Sekarang ini kita di peringkat perundingan sahaja semata-mata.

Jikalau ia pun apa salahnya jika beliau berkemampuan dan beliau berkeupayaan maka saya rasa tidak bersalah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain mengatakan ini bukanlah satu kesalahan untuk mana-mana individu yang berkeupayaan dan mempunyai kemampuan untuk menguasai bank seperti ini. Kerana atas kejatuhan Halim Saad, kita bangukan Syed Mokhtar. Seperti kata-kata 'di atas kejatuhan Kota Melaka kita bangukan Putrajaya.' Jadi, tidaklah salah bagi mana-mana individu jikalau mereka berkuasa, berupaya untuk membeli mana-mana bank pun di negara kita. Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini kita berada dalam peringkat perundingan sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyentuh tentang *outsourcing process* terutama kes BCB/EPIC. Proses *outsourcing* adalah perkara biasa yang dibuat oleh syarikat korporat untuk menambah kecekapannya untuk terus bersaing. Ia dibuat terutamanya untuk menjimatkan kos dan mendapatkan kepakaran luar dalam bidang khusus seperti ICT. Bagi bank-bank pula kita lebih berhati-hati, hanya proses *non-core* dibenarkan untuk di*outsourc* dengan syarat ia dibuat dengan keadaan terkawal. Semua bank yang membuat proses *outsourcing* perlu mematuhi syarat-syarat ini. Dalam hal aduan kes spesifik seperti BCB/EPIC, BNM sedang meneliti sama ada terdapat pelanggaran undang-undang ini. Ini adalah proses biasa. Namun, ingin ditekankan bahawa kebajikan para pekerja adalah perkara utama yang diberikan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada Yang Berhormat bagi Tambun yang menyentuh tentang latihan. Minta maaf, saya berbalik kepada Yang Berhormat bagi Tambun iaitu tentang latihan. Tujuan latihan dalam konteks di sini ialah kita ingin melatih para pihak pengurusan bank, CEO, *Board of Directors* dan sebagainya supaya mereka lebih cekap dalam urusan bank dan bank-bank di negara kita dapat diurus secara berkesan, cekap untuk kita berhadapan dengan globalisasi dan liberalisasi. Dengan sebab itulah maka kita memerlukan pindaan ini supaya Bank Negara Malaysia dapat mewujudkan satu program latihan kepada pihak-pihak pengurusan bank iaitu *high ranking officers*, CEO, Lembaga Pengarah dan sebagainya.

Yang Berhormat sebut tadi tentang pekerja-pekerja kontrak yang dua tahun ditamatkan khidmatnya, ini mungkin untuk melaksanakan kerja-kerja yang khusus, jadi bank-bank itu mengambil pekerja-pekerja kontrak selama dua tahun, selepas itu apabila tamat kerja tersebut maka dengan sendirinya perkhidmatan mereka ditamatkan. Jadi, Bank Negara Malaysia sentiasa memantau dan mengawasi supaya *welfare* ataupun kebajikan para pekerja kita sentiasa diberikan perhatian oleh bank-bank negara kita. Maka dengan itu dengan sekali gus kita menjamin kecekapan bank-bank kita dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi ini.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian menyentuh tentang.....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat, saya minta izin sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Tambun.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Ya, jemput.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tentang kerja kontrak ini, proses itu amat menghairankan, dia ambil satu kumpulan dua tahun, setelah tamat ia ambil kumpulan lain, ini agak pelik sedikit, kerana kalau kontrak untuk kerja yang spesifik, untuk kerja yang lagi satu boleh juga untuk ambil yang itu juga, sambung.

Kita tidak mahu Bank Negara lepas mata, pihak bank hendak buat untung, kalau dia ambil terus staf dia kena macam-macam hendak bayar, naik pangkat, naik gaji, jadi dengan cara ini, cara yang cukup tidak betul ini, dia ambil dua tahun dia ambil 100 staf, dua tahun kemudian ambil lagi orang lain dua tahun.

Jadi, saya harap Bank Negara tidak jawab macam itu sahajalah, memantau dan sebagainya, ingat terlampau *confident* kerana kita dapat kompelin, bawa ke Parlimen ini kita dapat kompelin daripada staf bank kerana ini telah disalahgunakan.

Kemudian tadi Yang Berhormat telah menyatakan Bank Negara minta pinda akta ini untuk adakan pusat latihan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan secara betullah, pusat latihan ini untuk CEO dengan *directors* sahajakah ataupun sebenarnya pusat latihan untuk pegawai-pegawai bank, kerana kalau CEO dengan *directors*, CEO hendak dipanggil untuk latihan sekarang, saya rasa sudah,.... CEO ini kira sudah *terror*lah. Dia patut bukan latihan, dia ada perbincangan ataupun apakah hendak *upgrade knowledge* dia?

Di samping itu, saya mengambil kesempatan tentang LC tadi, saya balik kepada cerita ini, ini bukan perkara kecil, saya sebenarnya bawa misi perdagangan pergi ke beberapa negara Arab dan isu ini dibangkitkan dan saya lihat dari segi statistik banyak perdagangan kita melalui Singapura, bukan melibatkan kelapa sawit sahaja, banyak bidang, jadi perkara ini serius, itu sebab Bank Negara yang patut buat penyiasatan, bukan saya. Bank Negara patut buat kerana berapa banyak yang kita rugi, kerana bank tempatan tidak mahu menerima *Letter of Credit* dalam bahasa Perancis ini, saya tahu dalam bahasa lain kita tidak tahu entah dalam bahasa lain pun ada *problem*, tetapi ini dia yang berlaku.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Yang Berhormat Tambun. Mengenai *concern* Yang Berhormat Tambun tentang *Letter of Credit* tadi, kita akan beri perhatianlah kerana ini memang kalau berlaku ia akan merugikan negara kita dan tidak seharusnya berlaku.

Yang kedua, tentang kerja-kerja yang diambil selama dua tahun lepas itu ditamatkan khidmatnya dan ini juga saya minta Bank Negara Malaysia akan membuat penyiasatan supaya tidak ada mana-mana pihak menjadi mangsa kepada mana-mana bank dalam perkara ini.

Dan yang ketiganya tadi, Yang Berhormat sentuh tentang..... memang latihan ini ialah untuk membolehkan *high ranking officers* di mana-mana bank mendapat latihan secukupnya, mereka akan diberikan latihan dan juga pusat latihan ini akan terbuka kepada mana-mana pegawai bank daripada luar, daripada *regional* untuk mendapatkan kursus-kursus yang tertentu dalam pengurusan bank, mereka juga akan diterima untuk mendapatkan latihan kemahiran dan sebagainya, sebagai CEO, *board of director* dan sebagainya.

Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lagi sekali saya katakan bahawa tujuan ICLIF ini ialah untuk *high ranking officers* iaitu pegawai-pegawai tinggi bank kita.

Tentang *Commercial IBT* tadi Yang Berhormat Kubang Kerian ya, ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, *Commercial ICT* daripada Kubang Kerian ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Sekejap, sekejap, saya bercampur aduk ini.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh tolong Setiausaha Parlimen sedikit, sementara dia berehat cari jawapan tersebut, tadi Yang Berhormat telah memberikan jawapan berkenaan dengan Bank Muamalat akan dijual kepada Tuan Syed Mokhtar dan mengikut Yang Berhormat tadi ini adalah membina di atas keruntuhan Halim Saad, sebagaimana kita membina di atas runtuh Kota Melaka.

Kalau macam itu elok, tetapi pada lazimnya kita akan mengulangi keruntuhan, kita akan mengulangi kehancuran, dalam prinsip pengurusan, yang *basic* ialah kita tidak boleh meletakkan telur dalam satu bakul, Tuan Yang di-Pertua, kalau semua telur kita telur ayam, telur itik kita letak satu bakul, bila bakul ini jatuh semua telur ini pecah tidak ada lagi yang hendak menetas, yang boleh kita boleh buat telur masak separuh.

Jadi, adakah kerajaan tidak belajar daripada sejarah ini dan mengapa hanya Tuan Syed Mokhtar satu-satunya tokoh yang terpilih secara *privilege* untuk mendapatkan peluang-peluang ini, adakah orang lain tidak dapat, Bagan Datok, Parit Buntar seorang tokoh bekas korporat, dia pernah duduk dalam *board of directors* dalam 18 *companies* dan pengerusi Bank Simpanan Nasional, adakah dia begitu naif dan tidak boleh mengambil alih Bank Muamalat umpamanya.

Bahkan kalau diberi peluang kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun minat kerana saya rasa saya boleh uruskan Bank Muamalat itu dan saya boleh cari sumber-sumber kewangan untuk beli Bank Muamalat, dan adakah kerajaan kita sedia untuk membuka ruangan perundingan untuk kami mengambil alih Bank Muamalat dengan terma yang lebih baik daripada apa yang ditawarkan oleh Tuan Syed Mokhtar.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, memang benar, saya maklum bahawa dalam prinsip ekonomi kita tidak boleh meletakkan semua telur dalam satu bakul ya.

Kerana kalau pecah ia akan pecah semuanya, tetapi dalam konteks ini Yang Berhormat kita khususnya kepada Bank Muamalat ini, bahawa setakat ini hanya pihak Syed Mokhtar sahajalah yang berminat dan menunjukkan minat untuk menguasai bank ini dan kalau ada orang lain yang berminat sama, mempunyai minat yang sama, kita terbuka, tidak ada halangan.

Dan kita akan terima daripada mana-mana yang dapat memberi tawaran yang terbaik, itu prinsipnya. Setakat ini cuma Syed Mokhtar sahajalah yang berminat dan mempunyai hasrat untuk menguasai Bank Muamalat, jadi kita berunding dengan beliau, dan kalau Yang Berhormat bersetuju, Yang Berhormat sendiri hendak, kita sedia terima, terbuka, dipersilakan. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila, masuk kepada perkara yang lain pula, berkenaan ICT tadi pula.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya hendak balik kepada *Commercial IBT*, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Commercial IBT (CIBT)* telah diberikan lesen perbankan pelaburan di Labuan, menurut kriteria untuk perbankan pelaburan hanya mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman serta *track record* yang kukuh akan dibenarkan mendapat lesen di Labuan.

Berkenaan dengan ini, CIBT yang berpengurusan perkhidmatan kewangan di Australia adalah *niche player*, dengan izin, yang mempunyai kepakaran khusus bagi perbankan pelaburan, saudagar serta persendirian.

CIBT kini hanya berurusan dalam *wholesale market* dan dengan pelabur *professional, sophisticated* iaitu pelabur institusi serta *high-net worth individual*, dengan izin.

Akaun yang telah diaudit oleh CIBT Australia menunjukkan bahawa syarikat ini memiliki aset melebihi USD8 billion dan dana pemegang saham sebanyak USD6.17 bilion pada 30 September 2001.

CIBT telah memulakan urus niaga pada tahun 70an dalam kumpulan yang memberi kredit serta kewangan perdagangan kepada industri kecil dan sederhana. Kumpulan ini telah digabungkan untuk menjadikan syarikat pada 1988 yang bernama *Average Trading Australia Limited* (AVERAGE) untuk menggambarkan peningkatan kewangan, perdagangan, pelaburan dan aktiviti perdagangan kumpulan tersebut.

*Average* telah menukarkan namanya kepada *Commercial Bank Trust (CBT)*. Kemudian kepada *Commercial BT* dan kini *Commercial BT* untuk menggambarkan taraf antarabangnya di Labuan, CIBT menjalankan operasi sebagai cawangan ibu pejabatnya di Australia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Kita ada dua orang Menteri Kewangan tetapi yang kena jawab hari ini ialah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, alamat yang sah Commercial IBT ini di Australia dan juga di Labuan. Dan saya hendak tahu, adakah mengikut alamat tersebut setakat yang Bank Negara perolehi maklumat, benar wujud sebuah bank. Saya telah mendakwa tadi bahawa mengikut rekod-rekod saya, ini hanyalah sebuah *two-dollar company*, bukan sebuah bank dan saya tidak akan berhenti di sini dalam isu ini pada hari ini. Sebarang *misleading* kepada Dewan ini, kita akan sambung dalam sesi yang lain dan kita boleh bertukar-tukar maklumat dari segi dokumen-dokumen yang akan diperolehi di antara Bank Negara dan apa yang saya perolehi dan berdasarkan kepada rekod-rekod rasmi seperti yang telah saya sebutkan iaitu dua surat rasmi yang telah dihantar oleh Commercial IBT kepada Central Bank of Australia dan badan-badan kawal selia bank yang lain di Australia.

Jadi apa yang diberi tadi hanyalah berdasarkan maklumat berasaskan kepada apa yang *disubmit* kepada Bank Negara dan maklumat ini adalah palsu. Jadi saya hendak tahu, di mana bank ini beroperasi. Kalau Yang Berhormat beritahu Dewan ini bank ini beroperasi di mana-mana, insya-Allah kita akan ambil tiket kapal terbang, kita pergi ke tempat yang diberikan alamat itu, kita akan buktikan bahawa bank tersebut tidak wujud.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, iaitu tentang alamat CIBT, saya maklumkan bahawa *the registered address of CIBT* ialah Level 28, tulislah ya [*Memaklumkan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian supaya mencatatkannya*].

**Berapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Dia tidak minat pun.

**Tuan Hashim bin Ismail:** 303 Collin Street, Melbourne, Victoria, Australia. Saya ulangi Yang Berhormat. Catatlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian tadi, dia kata tidak ada bank di situ.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Hashim bin Ismail:** Dia minta *address*, jadi *check* lah. Dia minta alamat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia sudah *check* dah, dia sudah *check* dah, dia kata tidak ada bank di situ. Jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jawablah Bank Negara akan siasat perkara ini, itu sahaja.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tidak, dia minta *address*, saya bagi *address*.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Em..!

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Petang yang berbahagia ini Tuan Yang di-Pertua, penjelasan terakhir, saya minta....

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pada pagi tadi saya sudah cerita alamat ini, alamat yang sama. Saya kata bahawa mengikut penyiasatan saya, tidak ada bank di situ hanya ada satu sudut *answering phone office*. Siapa telefon, ada *clerk* yang dikongsi bersama, akan memberi jawapan bagi panggilan tersebut dan tidak ada bank. Ini adalah satu isu yang serius yang perlu kepada fakta yang tepat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Setiausaha Parlimen....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Kalau tidak kena bawa kepada jawatankuasa terpilih. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yakin dengan maklumat pegawai Bank Negara bahawa di situlah sebuah bank beroperasi. Kita boleh ambil tiket kapal terbang esok Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bawa pasport saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bolehkah Yang Berhormat menjawab bahawa perkara ini akan disiasat dengan selanjutnya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Saya suka menjawab begitu Tuan Yang di-Pertua, tetapi mungkin tidak memuaskan hati Kubang Kerian...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tetapi walau bagaimanapun, saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat menyiasat perkara ini, sama ada Yang Berhormat pergi ataupun macam mana, saya tidak tahu tetapi saya hendak....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Hashim bin Ismail:**....macam mana Yang Berhormat siasat, saya tidak tahu. Adakah Yang Berhormat sendiri pergi sana dan *check*, betul memang tidak ada bank dan sebagainya, saya tidak tahu tetapi bagi Bank Negara, inilah alamat yang ada dan kalau ada alamat yang lain dan Yang Berhormat ragu tentang maklumat ini, kita akan tengok balik macam mana dan adakah benar dakwaan Yang Berhormat itu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Kubang Kerian ini berat. Dua tuduhan, dia kata ini *two-dollar company*, satu, kemudian alamat di situ bukan alamat bank yang sebenarnya. Bank tidak ada di situ, so kita pun sebagai Ahli Parlimen kita hendak penjelasan yang sah, apakah ini tuduhan melulu...

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau tuduhan melulu, kita boleh bersihkan nama kerajaan. Kalau misalan tuduhan ini betul, kenapa kesilapan ini berlaku? Kita pun hendak tahu supaya kita teruslah. Jadi, saya harap kalau dapat Setiausaha Parlimen memberikan jawapan yang sebenarnya, bagaimana? Tuduhan-tuduhan seperti ini akan mencemarkan nama kerajaan, kalau tidak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi minta siasatlah, jangan main agak-agak sahaja dan macam mana? Jadi saya haraplah, saya pun rasa tersinggung ini kalau Kubang Kerian membuat tuduhan tidak betul, mari kita lanyak dia. Sekurang-kurangnya kita lanyak dia kerana dia cakap bohong. Inilah PAS pembohong semacam tetapi biar kita ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kita siasatlah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Dia sudah sediakan tiket, pergilah terbang. Bank Negara banyak duit, pergilah hantar pegawai ajak Kubang Kerian pergi.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup dah, cukup dah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup dah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Kalau tidak puas hati, ajak saya, saya boleh ambil pasport *[Ketawa]* Kita boleh pergi bersama-sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Jadi saya orang tengah, tengok macam mana, betul atau tidak betul?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada kesalahan jikalau sekiranya Bank Negara kata, kami akan siasat, ya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Dan kita akan siasat dan kita akan.. *[Disorak]*....

**Beberapa Ahli:** Ya.....*[Sorak dan ketawa]*

**Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Ya, itulah hendak jawab.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Itulah masalahnya.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Kita akan siasat dan pastikan perkara ini tidak ada sebarang dengan izin, *hanky panky* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita pergi ke Australia, kita tidak payah pergi jauh, kita pergi ke Labuan. Pada pagi ini saya telah memberikan alamat apa yang disebutkan oleh Commercial IBT sebagai alamat pejabatnya di Labuan. Pada petang ini juga kementerian boleh telefon, adakah alamat tersebut adalah *office*, pejabat operasi Commercial IBT di Labuan, tidak payah pergi ke Australia. Dan pagi esok kita hendak dapatkan kepastian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua, yang Australia kita boleh pergi. Kalau Sri Gading hendak pergi, insya-Allah saya boleh tambangkan, saya boleh cari dan seorang pegawai Bank Negara, saya boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Saya tidak tarik apa yang telah saya sebut, kita pergi dua-dua – Labuan dahulu kemudian Australia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, dia sudah bagi jawapan kata Bank Negara akan siasat, cukuplah.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat *[Ketawa]*. Ya, sila, sila. Apa yang hendak ditanya lagi? Sudah jawab dah Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Penjelasan, penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Saya bersimpati dengan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana dia pun tidak faham barangkali tetapi daripada tuduhan ataupun pertanyaan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, jangan salah faham. Saya pada minggu sudah ada di Sydney. Ada satu syarikat *public listed company* di Sydney yang ketiga terbesar di dunia mempunyai operasi tetapi ibu pejabatnya di satu bangunan di Elizabeth Street, Tingkat 7 tetapi di situ tidak ada orang, cuma *answering phone* sahaja. Saya terkejut. Mungkin inilah yang berlaku dengan syarikat di Australia ini barangkali. Kerana ini pengalaman saya sendiri sedangkan syarikat ini *turnover* nya adalah RM800 bilion setahun tetapi pejabatnya di Sydney kosong, tidak ada orang cuma *answering phone* sahaja. Dan sistem di Australia tidak sama dengan sistem kita.

Satu syarikat yang berdaftar di Singapura lebih kurang *two-dollar company* di Singapura tetapi *public listed* di Australia, ini sistem tidak sama, berlainan. Saya baru minggu sudah ada di Sydney. Minta maaf, saya hendak beritahu. Ini kekeliruan barangkali. Jadi saya mintalah Kementerian Kewangan menyiasat perkara ini juga supaya jangan tuduhan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian itu mengelirukan seluruh rakyat di Malaysia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Kubang Kerian, apa lagi hendak bercakap?

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Ya Tuan Yang di-Pertua, sebuah bank, tujuh syarat bagi Bank Negara meluluskan cawangan di Labuan. Syaratnya ialah, ia adalah sebuah bank yang sebenar. Yang saya minta penjelasan daripada kerajaan sekarang di mana bank yang sebenar ini beroperasi di Australia? Berikan alamat itu. Yang tadi *answering machine*. Sipitang sudah akui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okeylah Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, cukup sudah masa, besoklah Yang Berhormat pertanyaan bagi jawapan. Baiklah masa sudah cukup Yang Berhormat sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***

